JAKIM

2014

LAPORAN TAHUNAN

جابتن كماجوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



JAKIM

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN



















JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KANDUNGAN

4 Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

5 Ucapan Alu-Aluan Ketua Pengarah Jakim

6-7 Info Korporat

8-9 Carta Organisasi

10-12 Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-Pengarah Bahagian

14-56 Penyelidikan & Pembangunan Fatwa

58-77 Manifestasi Dakwah dalam Masyarakat

80-94 Pengukuhan Institusi Kekeluargaan dan Kemasyarakatan

96-119 Pengukuhan Modal Insan

122-134 Penyelarasan Pendidikan dan Pengurusan Masjid

136-143 Penggubalan dan Penyelarasan Undang-Undang

144-156 Pemerkasaan Hab Halal Global

158-172 Perhubungan Antarabangsa dan Dalam Negeri

174-176 Pengurusan dan Kewangan

PERUTUSAN MENTERI di Jabatan Perdana Menteri



بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ .


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh…

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya diberi kesempatan bersama-sama JAKIM dalam memartabatkan pentadbiran hal ehwal agama Islam dan menyebar luaskan syiar Islam di Malaysia. Buku Laporan Tahunan JAKIM ini diterbitkan sebagai penanda aras dan rujukan untuk penambahbaikan program-program yang akan datang di JAKIM.

Konvensyen Pegawai Penguatkuasaan Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia bagi Tahun 2014 telah diadakan bagi melestari martabat undang-undang syariah di Malaysia. Ia bertujuan bagi membincangkan jalan penyelesaian berkaitan pelaksanaan Undang-Undang Syariah serta mewujudkan tindakan yang seragam, berkesan dan bersepadu antara agensi persekutuan dan negeri-negeri. Ini membuktikan yang kerajaan memberikan komitmen dan perhatian sepenuhnya dalam membendung jenayah syariah agar tidak berleluasa.

Jakim berperanan memberi pendidikan dan kefahaman secara berterusan kepada kakitangan awam dan masyarakat Islam umumnya mengenai kekeluargaan dan sosial. **Seminar Kaunseling Syarie Peringkat Kebangsaan Tahun 2014** telah mengupas peranan psikologi dan kaunseling Syarie secara menyeluruh dalam pembangunan ummah serta peranannya dalam membantu kerajaan mengatasi permasalahan sosial. Ini menunjukkan bahawa kerajaan berusaha dalam membina kesejahteraan Ummah dan menjaga kestabilan sosial di Malaysia.

Saya pasti banyak lagi program-program besar yang banyak memberi impak kepada masyarakat dan apa yang saya nyatakan di sini adalah sebahagian kecil sahaja. Akhir kata, saya berharap warga JAKIM dan juga agensi-agensi agama dapat bersatu dalam mengharungi gelombang transformasi Negara selari dengan misi dan visi masing-masing. Semoga Allah merahmati serta mempermudahkan segala usaha baik kita dalam memartabatkan agama-Nya.



Y.B MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



UCAPAN KETUA PENGARAH Jakim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh…

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi di atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih lagi di beri kesempatan dalam meneruskan perjuangan memartabatkan syiar Islam menerusi pemantapan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada sidang redaksi atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM pada kali ini.

Tahun 2014 telah berakhir dengan kesudahan yang cukup sempurna dan sudah tentu banyak kejayaan yang kita kecapi pada tahun tersebut. Buku Laporan Tahunan ini telah menjadi kayu pengukur dan penanda aras bagi kita supaya merancang program-program yang lebih memberi pendedahan dan impak yang positif kepada masyarakat. Antara program yang dilaksanakan meliputi aspek pengurusan halal, dakwah, kekeluargaan, pembangunan modal insan, akidah, syariah, penyelarasan undang-undang,keseragaman penguatkuasaan dan sebagainya.

Seiring dengan sumbangan JAKIM dalam pelbagai bidang dan lapangan di Malaysia, saya yakin pencapaian ini bukan hanya kejayaan bagi pihak pengurusan tertinggi JAKIM sahaja, tetapi kerjasama dan komitmen semua agensi-agensi agama Islam seluruhnya. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah buat semua warga JAKIM.

Akhir kata, saya menyeru kepada warga JAKIM agar sentiasa mengambil peluang ke arah yang lebih baik dan menjaga integriti sebagai penjawat awam dengan menjaga nama baik serta mendukung misi dan visi jabatan dan sentiasa menambah nilai mutu kerja secara produktif dan inovatif.

"Perpaduan Nadi Transformasi Negara"

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah JAKIM

VISI

Peneraju Dalam Membina Ketamadunan Ummah Yang Unggul

MISI

Mewujudkan Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cekap dan Berkesan

FUNGSI

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut :

Fungsi 1 :
Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak

Fungsi 2 :
Penyelarasan dan Pentadbiran Islam

Fungsi 3 :
Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

PIAGAM PELANGGAN

Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai "agensi pusat" yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah, penyelidikan, perundangan, latihan, pendidikan serta pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- Menyediakan draf undang-undang Islam dalam tempoh enam bulan selepas semua dasar diputuskan.
- Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat dalam tempoh enam bulan selepas arahan diterima.
- Menyediakan program dakwah secara komprehensif dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menerbitkan rancangan agama di radio dan televisyen pada setiap hari menepati waktu, dipersembahkan secara menarik dan mudah difahami.
- Menerbit dan mengedar buku, majalah dan risalah dalam bidang keilmuan Islam mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menyiarkan keputusan atau pandangan hukum Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam Portal e-Fatwa dalam tempoh satu hari selepas ia disahkan.
- Menyediakan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada kanak-kanak Islam berusia enam hingga 12 tahun mengikut kurikulum yang ditetapkan.
- Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi makanan, barangan gunaan dan perkhidmatan logistik bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 50 hari bekerja selepas permohonan diterima.
- Menyediakan teks khutbah Jumaat pada setiap minggu dan memaparkannya dalam portal Jakim pada setiap hari Rabu.
- Memberi latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam mengikut jadual perancangan yang ditetapkan.
- Mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang berjaya dalam temuduga pengambilan pelajar baharu Darul Quran dalam tempoh tiga minggu selepas tarikh temuduga.
- Memastikan segala tuntutan yang lengkap diproses dan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.
- Mengeluarkan surat sokongan pas lawatan ikhtisas bagi pendakwah dan pelajar warganegara asing dalam tempoh 21 hari bekerja daripada permohonan diterima.

OBJEKTIF JAKIM

01

Memastikan Ajaran Islam Tersebar Luas Kepada Seluruh Masyarakat




02


Membentuk Kepimpinan Yang Berwibawa dan Melahirkan Tenaga Pengurusan Yang Terlatih, Berketerampilan, Dedikasi dan Berhikmah

03

Menghasilkan Sistem Pengurusan Yang Berteraskan Nilai dan Etika Islam

CARTA ORGANISASI




Ketua Pengarah
Pengarah Kanan (PENGURUSAN)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Darul Quran
Hab Halal
JAKIM Cawangan Sarawak
Institut Latihan Islam Malaysia
JAKIM Cawangan Sabah
Pengurusan Sumber Manusia
Pengurusan Maklumat
Kewangan dan Pembangunan
Khidmat Pengurusan

PENGURUSAN TERTINGGI



DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah JAKIM



ENCIK MOHD HAMZAH BIN ISMAIL
Penasihat Undang-Undang



TUAN HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM
Timbalan Ketua Pengarah
(DASAR)



DATO' HAJI RAZALI BIN SHAHABUDIN
Timbalan Ketua Pengarah
(PEMBANGUNAN INSAN)



TUAN HAJI AWANG KHALID BIN MAT ALI
Pengarah Kanan
(PENGURUSAN)

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN



TUAN HAJI MOHAMAD BIN SAARI
Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan



HAJJAH RAMLAH BINTI YONG
Pengarah Bahagian Kemajuan Islam



DATO' HAJI ALI BIN MOHAMMED
Pengarah Bahagian Dakwah



HAJJAH SAIMAH BINTI MUKHTAR
Pengarah Bahagian Pembangunan Insan



TUAN HAJI PAIMUZI BIN YAHYA
Pengarah Jabatan Agama Islam W.Persekutuan



ENCIK MAZLAN BIN ABDULLAH
Pengarah Pengurusan Fatwa



TUAN AZIZ BIN HAJI MOHAMAD
Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang



ENCIK SUHAIMI BIN ALI @ AHMAD
Pengarah Bahagian Perhubungan



DATO' HAJI MUSTAPHA KAMAL BIN A. RAZAK
Pengarah Bahagian Media



ENCIK ZAKUAN BIN SAWAI
Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN



TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN MOHAMED SALLEH
Pengarah Bahagian Penerbitan



PUAN ZAWANAH BINTI MUHAMAD
Pengarah Darul Quran



HAJJAH PAUZAIYAH BINTI HARON
Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia



HAJJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF
Pengarah Bahagian Hub Halal



ENCIK HALIM BIN AHMAD
Pengarah Jakim Cawangan Sabah



TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Pengarah Jakim Cawangan Sarawak



ENCIK MASRI BIN RAZALI
Pengarah Pengurusan Sumber Manusia



ENCIK MOHD HALIMI BIN IBRAHIM
Pengarah Bahagian Kewangan



TUAN HAJI KAMARUDIN BIN HAJI DOLMAIN
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat



ENCIK ZAINUDIN BIN SULEIMAN
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

PENYELIDIKAN & PENGURUSAN FATWA

PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN FATWA

JAKIM memberikan tumpuan kajiannya dalam bidang akidah, syariah, falak, muamalat, dan kajian media. Bidang-bidang penyelidikan yang dijalankan oleh bahagian ini semakin mencabar selaras dengan keperluan, tuntutan dan cabaran semasa. Malah hasil kajian yang dijalankan juga menjadi sumber rujukan dan panduan kepada Kerajaan dan masyarakat khususnya berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

SYARIAH

JAKIM menjalankan kajian dalam bidang syariah merangkumi aspek ibadat, hal ehwal keperibadian (ahwal syakhsiyyah), hal ehwal kenegaraan (siyasah syar'iyyah), jenayah (jinayat), sains perubatan, sains pemakanan dan fiqah semasa yang melibatkan hukum syarak bagi mencapai tujuan syariah (maqasid syariah) serta melaksanakan kajian istinbat hukum untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan hukum syarak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat. Sepanjang tahun 2014, JAKIM telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti seperti berikut:

Panel Pakar Syariah

Sepanjang tahun 2014, empat siri mesyuarat Panel Pakar Syariah telah diadakan. Berikut adalah butiran mesyuarat tersebut:

1. **Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali ke-85**
   Tarikh : 14 - 16 Mei 2014
   Tempat : Hotel Qulity, Shah Alam

2. **Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-86**
   Tarikh : 16 - 18 Jun 2014
   Tempat : Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam



Antara ahli Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-86

3. **Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-87**
   Tarikh : 4 - 6 November 2014
   Tempat : Hotel Mines Wellness, Seri Kembangan



Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke-87 pada 4 hingga 6 November 2014 bertempat di Hotel Mines Wellness, Seri Kembangan





Lawatan Kajian ke Brahim's Airlines Catering, KLIA sempena Mesyuarat Panel Pakar Syariah kali Ke-87

4. Mesyuarat Khas Panel Pakar Syariah
Tarikh : 18 Julai 2014
Tempat : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

Kajian dan Penyelidikan Isu Syariah

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 24 kertas kerja telah dibentangkan merangkumi pelbagai isu Syariah. Tajuk-tajuk kertas kerja tersebut adalah seperti berikut:

1. Garis Panduan Ibadat Bagi Atlet, Jurulatih dan Pegawai Sukan;
2. Garis Panduan Berkhatan Dalam Islam;
3. Semakan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam;
4. Hukum Juruterbang Menunaikan Solat Dalam Kokpit Atas Faktor Keselamatan;
5. Hukum Pernikahan Warganegara Malaysia Di Luar Negara Bagi Kes Yang Dirujuk Kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan;
6. Hukum Perkahwinan Antara Pasangan Yang Berpegang Dengan Fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah Dengan Pengikut Yang Menyeleweng Daripada Ajaran Islam (Syiah, Qadiani dan Lain-Lain;
7. Kedudukan Ganjaran Cuti Rehat (GCR) Bagi Penjawat Awam Yang Meninggal Dunia Semasa Dalam Perkhidmatan dari Aspek Syarak;
8. Hukum Pencucian Menggunakan Kaedah "Dry Cleaning";
9. Hukum Pemakaian Purdah di IPTA;
10. Faedah Yang Di "Awardkan" Dalam Kes Tuntutan Sivil;
11. Hukum Menetapkan Jantina Pesakit Mixed Karyotype Bagi Kes N.A.;
12. Kedudukan Rongga Mata dari Perspektif Syarak;
13. Hukum Menggunakan Sabun Susu Ibu dan Mengkomersialkannya;
14. Hukum Menggunakan Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut dan Najisnya;
15. Isu Penyelarasan Fatwa Zakat Perniagaan Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan;
16. Pengurusan Jenazah Mangsa Nahas Pesawat;
17. Hukum Berkaitan Kehilangan Kapal Terbang MAS MH370 – KL- Beijing;
18. Hukum Mengitar Semula Air Wuduk Bagi Kegunaan Masjid dan Surau;
19. Kes Kecelaruan Jantina Pesakit H;
20. Kes Kecelaruan Jantina Pesakit NY;
21. Kajian Istiadat Pengkebumian Jenazah Polis (Memainkan Pancaragam);
22. Kajian Istiadat Pengkebumian Jenazah Polis (Hukum Pegawai Islam Mengusung Jenazah Bukan Islam dan Jenazah Islam Diusung oleh Pegawai Bukan Islam);
23. Kajian Pengurusan Anak Tak Sah Taraf dari Sudut Syariah;
24. Kajian Program Fear Factor Selebriti Malaysia di Astro.

Indeks Syariah dan Akreditasi Patuh Syariah

1. Mesyuarat Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Akreditasi Patuh Syariah
Tarikh : 15 September 2014
Tempat : Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

2. Mesyuarat Induk Kajian Penyediaan Indeks Syariah Bil.1/2014
Tarikh : 22 Oktober 2014
Tempat : RHR Hotel Uniten, Bangi

3. Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Panel Pembangunan Indeks Syariah oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Tarikh : 24 Oktober 2014
Tempat : Dewan Syura, Aras 9, Jakim



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) menyerahkan Surat Pelantikan Panel Pembangunan Indeks Syariah kepada Rektor UIAM, YBhg. Dato' Sri Prof. Dr. Zaleha binti Kamarudin





Sidang media sempena Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Panel Pembangunan Indeks Syariah

4. Mesyuarat Induk Kajian Penyediaan Indeks Syariah Bil.2/2014

Tarikh : 26 November 2014
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur.

Wacana, Seminar dan Bengkel Syariah

1. Bengkel Pemantapan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam

Tarikh : 5 Mei 2014
Tempat : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

Bengkel ini diterajui oleh Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jakim dan dihadiri oleh beberapa orang Ahli Panel Pakar Syariah Jakim, ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang hiburan, wakil daripada RTM, TV Al-Hijrah dan penggiat seni hiburan. Turut hadir dalam bengkel ini ialah Dato' Haji Mustapha Kamal bin A. Razak, Pengarah Bahagian Media serta Dato' Haji Ali bin Mohammed, Pengarah Bahagian Dakwah. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menambahbaik draf Garis Panduan Hiburan Dalam Islam Edisi Kedua agar ia lebih bersifat holistik dan komprehensif.



Peserta Bengkel Pemantapan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam



YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jakim mempengerusikan bengkel



2. Bengkel Garis Panduan Ibadat Atlet, Jurulatih dan Pegawai Sukan

Tarikh : 28 Mei 2014
Tempat : Bilik Syura Umar al-Khattab, Institut Latihan Islam Malysia (ILIM), Bangi

3. Wacana Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara

Tarikh : 30 September 2014
Tempat : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

Sebanyak 3 kertas kerja telah dibentangkan dalam wacana ini, iaitu:

i) Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam
Oleh: YBhg. Dr. Zaidi bin Ab. Rahman, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Universiti Malaya;

ii) Elemen Penting dalam Pelaksanaan Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara
Oleh: YBhg. En. Rosli bin Mokhtar, Jabatan Syariah, KUIS; dan

iii) Pelaksanaan Maqasid al-Syariah di Malaysia
Oleh: YBhg. Dr. Muhammad Adib bin Samsudin, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Para Pembentang Kertas Kerja di "Wacana Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara"

Satu forum juga diadakan dengan tajuk "Maqasid Syariah Sebagai Paksi Dalam Pentadbiran Negara". Ahli Panel terdiri daripada YBhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz yang merupakan Presiden Yayasan Ihtimam Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Ab. Bakar bin Sarpon, Timbalan Pengarah Institu Integriti Malaysia dan En. Ali bin Maidin dari SIRIM.





Forum "Maqasid Syariah Sebagai Paksi Dalam Pentadbiran Negara"



YBhg. Dato' Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jakim hadir merasmikan wacana



Antara hadirin Wacana Maqasid Al-Syariah dalam Pentadbiran Negara

4. China-Malaysia Islamic Cultural Forum

Tarikh : 3 Julai 2014

Tempat : Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor



Forum ini adalah anjuran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersempena China – Malaysia Islamic Culture Expo 2014. Expo tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan China dan Malaysia dan bersempena menyambut ulangtahun ke-40 hubungan diplomatik antara China dan Malaysia.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan oleh wakil Chinese Islamic Association dan dan wakil dari Malaysia:

i) "Experience and Value in Harmonious Coexisting of Confucianism and Islam"
Oleh: YBhg. Profesor Dr. Yang Guiping dari Minzu University of China in Beijing;

ii) "Developing the Concept of Harmony in Islam, Constucting a harmonious Society"
Oleh: YBhg. Mr. Kuerban Maimaiti dari Institute of Ethnic and Religious Studies of the Ethnic and Religious Affairs Committee of the Xinjiang Uyghur Autonomous Region;



iii) "The Profound Significance of Muslim's Communication Between Malaysia and China"
Oleh: YBhg. Profesor Dr. Ma Qiang dari Institute for Western Frontier Region of China, Shaan Xi Normal University;

iv) "General Information about Malay Descendants Community in China"
Oleh: Tuan Haji Yusuf Liu Baojun, Felo Penyelidik, APM, Universiti Malaya;

v) "The Importance of Inter-Religious Dialogue in Ethnic Relations in Malaysia"
Oleh: YBhg. Profesor Madya Dr. Jaffary bin Awang, Felo Kanan, Institut Hadhari Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan pembentangan bertajuk; dan



vi) "The Interwining of Islam and Chinese Culture – A Truly Shared Heritage"
Oleh: YBhg. Ir. Dr. Haji Muhamad Fuad bin Abdullah, Timbalan Presiden MACMA dengan pembentangan bertajuk.

FALAK

JAKIM melaksanakan kajian dalam bidang falak merangkumi aspek pembangunan sistem pengurusan falak, menganalisis data cerapan untuk rujukan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia bagi penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah, menganalisis data piawai falak untuk menyediakan almanak, takwim hijri, hari kebesaran Islam, jadual waktu solat seluruh Malaysia, penentuan arah kiblat, objek samawi dan fenomena alam serta melaksanakan kajian istinbat hukum berkaitan falak untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, Unit Falak juga berperanan menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan bidang falak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat.

Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit Dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari

Sepanjang tahun 2014, JAKIM (Unit Falak) telah menjalankan Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit dan Pembiasan Cahaya Di Ufuk Selepas Terbenam Matahari bertempat di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan pada tarikh-tarikh seperti berikut:

1. 2 Januari 2014
2. 31 Januari 2014
3. 2 Mac 2014
4. 31 Mac 2014
5. 30 April 2014
6. 29 dan 30 Mei 2014
7. 26 dan 27 Ogos 2014
8. 24 dan 25 Oktober 2014
9. 23 dan 24 November 2014
10. 22 dan 23 Disember 2014

Kajian ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin, Universiti Malaya dan ahli kajian ini terdiri daripada pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan malaysia (JUPEM), Universiti Malaya, Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.





Gambar-gambar yang dirakam sewaktu kajian di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan

Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan

JAKIM juga melaksanakan kajian arah kiblat tanah perkuburan Islam seluruh Malaysia. Kajian ini bertujuan mengumpul data-data arah kiblat tanah perkuburan Islam bagi penyediaan kertas hukum berkaitan arah kiblat di tanah perkuburan. Bagi melaksanakan kajian ini, JAKIM telah mengadakan kerjasama dengan beberapa Jabatan/ Pejabat Mufti Negeri, antaranya:

1. Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 20 Januari 2014 dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan; dan
2. Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan Islam Kuala Temayong dan Tanah Perkuburan Islam Kuala Melaka, Langkawi pada 5-7 Februari 2014 dengan pihak Jabatan Mufti negeri Kedah dan Pejabat Agama Daerah Langkawi.







Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur





Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan Islam Kuala Temayong, Langkawi





Kajian Arah Kiblat di Tanah Perkuburan Islam Kuala Melaka, Langkawi

Seminar dan Bengkel Falak

1. **Bengkel Garis Panduan Arah Kiblat dan Garis Panduan Cerapan Hilal (Siri 3)**
   Tarikh : 8 hingga 9 Julai 2014 bersamaan 10 hingga 11 Ramadan 1435H
   Tempat : Bilik Syura Umar Al-Khatab, ILIM, Bangi



Peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Ali bin Maidin,SIRIM

2. **Bengkel Penyelarasan Zon Waktu Solat Negeri-Negeri**
   Tarikh : 8 hingga 10 Disember 2014 bersamaan 15 hingga 17 Safar 1436H
   Tempat : Hotel Seri Malaysia, Johor Baharu, Johor





Bengkel sedang berlangsung



Sesi lawatan ke Pusat Sains Republik Singapura sempena Bengkel Penyelarasan Zon Waktu Solat Negeri-negeri

Mesyuarat Panel dan Jawatankuasa

1. **Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Falak Seluruh Malaysia**
   Tarikh : 19 Februari 2014
   Tempat : Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, ILIM, Bangi







Ahli Mesyuarat penyelarasan Aktiviti Falak Seluruh Malaysia

2. Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil. 1/2014

Tarikh : 23 April 2014
Tempat : Bilik Syura Abu Bakar as-Siddiq, ILIM, Bangi



Ahli Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil. 1/2014

3. **Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya & Mesyuarat Penyelarasan Waktu Imsak dan Berbuka Puasa Negeri-Negeri Seluruh Malaysia 1435H/2014M**

Tarikh : 12 Mei 2014
Tempat : Dewan Syura, Aras 9, Jakim.



YBhg. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim memepengerusikan mesyuarat







4. Mesyuarat Isu-Isu Falak dan Syariah Berkaitan Pelantar Minyak

Tarikh : 21 November 2014
Tempat : Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, ILIM, Bangi





Ahli mesyuarat Isu-isu Falak dan Syariah berkaitan Pelantar Minyak

Pelancaran e-Falak

Majlis Pelancaran Portal e-Falak oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 10 Julai 2014 di Auditorium D8 Kompleks D, Putrajaya.





SEKSYEN AKIDAH

Aspek akidah merupakan fokus utama aktiviti penyelidikan Jakim kerana ia menjadi teras kepada pegangan agama kepada setiap individu. Penyelidikan akidah, Jakim adalah berteraskan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai dasar dan pegangan masyarakat Islam di negara ini. Sepanjang tahun 2014, JAKIM mempunyai beberapa aktiviti dan program seperti berikut:

Panel Pakar Akidah (PPA)

Dalam usaha JAKIM mencapai matlamat memelihara kemurniaan akidah, satu Panel Penasihat telah ditubuhkan pada 20 Mei 1993. Keahliannya terdiri daripada para ulama, ahli akademik dan wakil daripada beberapa agensi yang berkaitan. Pada masa ini panel ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh, Mantan Mufti Wilayah Persekutuan. Sepanjang tahun 2014, JAKIM telah berjaya melaksanakan tiga mesyuarat Panel Pakar Akidah seperti berikut:

1) **Mesyuarat Panel Pakar Akidah Kali Ke-48/2014**
   Tarikh : 28 hingga 30 Mei 2014
   Tempat : Hotel Grand Bluewave, Shah Alam

2) **Mesyuarat Panel Pakar Akidah Kali Ke-49/2014**
   Tarikh : 30 September hingga 2 Oktober 2014
   Tempat : Hotel Ramada Plaza, Melaka

3) **Mesyuarat Khas Panel Pakar Akidah (PPA)**
   Tarikh : 24 November 2014
   Tempat : Mines Wellnes Hotel, Seri Kembangan

Seminar, Bengkel dan Pembentangan Kertas Kerja Isu Akidah

1) **Seminar Hak Asasi Manusia Dari Perspektif Islam Kerjasama Jakim dan ACCIN**
   Tarikh : 24 Januari 2014
   Tempat : Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur

2) **Seminar Pemurnian Akidah Islam Kerjasama Jakim dan UM**
   Tarikh : 2 Mac 2014
   Tempat : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

3) **Bengkel Pengemaskinian Sistem Maklumat Ajaran Sesat (SISMAS) Siri 1/2014**
   Tarikh : 14 hingga 16 Mei 2014
   Tempat : Bilik Simulasi, Bhg. Pengurusan Maklumat, Jakim

4) **Bengkel Pengemaskinian Sistem Maklumat Ajaran Sesat (SISMAS) Siri 2/2014**
   Tarikh : 9 hingga 11 September 2014
   Tempat : Bilik Simulasi, Bahagian Pengurusan Maklumat

5) **Makmal Menangani Isu Syiah Siri 3**
   Tarikh : 23 hingga 25 Jun 2014
   Tempat : Grand Paragon Hotel, Johor Bahru, Johor

6) **Bengkel Pelan Tindakan Strategik Menangani Ajaran Sesat 2015-2019**
   Tarikh : 3 hingga 5 September 2014
   Tempat : Hotel Quality, kuala Lumpur.

7) **Seminar Pemikiran Akidah Peringkat Antarabangsa Anjuran UM dengan Kerjasama Institut Wasatiyah, Rabitah Alamiyah Malaysia dan Jakim**
   Tarikh : 9 hingga 10 Disember 2014
   Tempat : Universiti Malaya, K. Lumpur.

8) **Seminar Pemikiran Kassim Ahmad: Satu Penilaian**

9) **Aplikasi Neurosains Untuk "Penyakit Hati"**

10) **Program Pemurnian Akidah Hatijah Am dan Ahli Syarikat Global Ikhwan Sdn Bhd**

11) **Taklimat Khas Perkembangan Gerakan Hizbut Tahrir Malaysia**

12) **Konvesyen Akidah Antarabangsa Di Negeri Sembilan**

13) **Seminar Tarikat dan Tasawuf di KUIS Selangor**

PERCETAKAN

Beberapa buah buku dan risalah telah diterbitkan berkaitan isu akidah, iaitu:

1) Buku Soal Jawab Isu Syiah Di Malaysia
2) Bagaimana Mengenal Ahli Sunnah Wal Jamaah
3) Leaflet Penyelewengan Syiah
4) Buku Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT Hanya untuk Orang Islam

UNIT KAJIAN MEDIA

JAKIM juga berperanan menjalankan kajian terhadap bahan penerbitan berunsur Islam yang disalurkan melalui tiga media utama iaitu media cetak, media elektronik dan media baharu seperti buku-buku, majalah, manuskrip, laman web/blog dan bahan audio visual, pertubuhan/individu dan bahan gunaan yang dirujuk oleh pihak-pihak yang berkaitan. Selain itu, JAKIM diberi tanggungjawab membuat kajian terhadap trend penyebaran bahan penerbitan berunsur Islam dan pengaruhnya terhadap akidah umat Islam. JAKIM juga turut terlibat dalam membuat pemantauan terhadap bahan penerbitan berunsur Islam yang disebarkan di pasaran.

Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam

Mesyuarat ini bertujuan mendengar, menilai dan membuat keputusan bagi bahan penerbitan berunsur Islam berdasarkan laporan semakan dan penilaian yang dibuat oleh Panel Penilai atau Penyemak Jakim. Buku-buku tersebut kemudiannya akan diperakukan haram dan dicadangkan supaya dikenakan Perintah Larangan oleh Kementerisan Dalam Negeri (KDN).

1. **Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-82**
   Tarikh : 22 hingga 24 September 2014
   Tempat : Hotel Lexis, Port Dickson

2. **Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-83**
   Tarikh : 10 hingga 12 November 2014
   Tempat : Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan

3. **Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-84**
   Tarikh : 8 hingga 10 Disember 2014
   Tempat : Ramada Plaza, Melaka







Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali Ke-84

Kajian Pemantauan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam di Pasaran

Sebanyak 17 siri kajian pemantauan telah dilaksanakan bagi memastikan bahan penerbitan berunsur Islam yang telah diharamkan tidak tersebar di pasaran. Terdapat tiga bentuk kajian pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Unit Kajian Media, iaitu:

i) Pemantauan berkala (11 siri)

ii) Pemantauan bersepadu dengan kerjasama Kementerian Dalam negeri (KDN), Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), pihak berkuasa tempatan, Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan (2 siri)

iii) Pemantauan berdasarkan aduan (3 siri)

Kajian dan Penapisan Yang Dijalankan oleh Unit Kajian Media

Pada tahun 2014, JAKIM telah menjalankan kajian terhadap beberapa pertubuhan/individu, bahan gunaan serta bahan penerbitan berunsur Islam di media cetak, media elektronik dan media baharu. Jumlah kajian adalah seperti dalam carta berikut:



Carta 1: Jumlah Kajian Mengikut Kategori

Senarai Judul Buku Yang Diwartakan Perintah Larangan Sepanjang Tahun 2014

1. Utraman The Utra Power
2. After
3. Akhirnya Ku Temui Kebenaran
4. Agama Politik Nalar Politik Islam
5. 99 Wasiat Imam Ja'far Ash-shadiq Lentera Ilahi
6. Saling Memberi Saling Menerima
7. Fatwa-fatwa 2 Soal Jawab Seputar Muamalah Ahlulbait
8. Teladan Abadi Ja'far Shadiq Sang Mahaguru
9. Teladan Abadi Hasan Askari Tumpuan Kaum Papa
10. Teladan Abadi Husain Syahid
11. Fatimah Az-Zahra' & Keturunannya Yang Mulia
12. Imamul Muhtadin 'Ali bin Abi Thalib
13. Meniti Titian Kebenaran
14. Memories of Muhammad: Why The Prophet Matters
15. Perempuan Nan Bercinta
16. Al-Fathun Nawa Jilid 1/2011
17. Mengenal Diri Ilmu Peninggalan Tok Kenali Kelantan
18. Metodologi Fiqih Islam Kontemporer
19. Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam
20. The Meaning Of The Holy Quran For Kids
21. Where Did I Come From?
22. Primbon Mujarobat Ketabiban Dalam Islam
23. Ilmu Pengasihan Sejati
24. Ilmu Kharang Tinggi
25. Aji Mantra Cinta dan Peraih Harta

SEKSYEN MUAMALAT

Selaras dengan keperluan semasa, beberapa kajian mengenai muamalat telah dilaksanakan dengan matlamat supaya prinsip muamalat Islam digunakan secara meluas dalam masyarakat. Sepanjang tahun 2014, JAKIM telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti seperti berikut:

Wacana, Seminar dan Bengkel Isu Muamalat

1. Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke-10

Tarikh : 19 Jun 2014
Tempat : Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia

Muzakarah ini merupakan program tahunan anjuran Jakim sejak tahun 2004. Penganjuran muzakarah pada kali ini bertemakan "Pematuhan Syariah Perkukuh Ekonomi Ummah" dan sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan, iaitu:

i) "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013"
oleh Puan Nurul Izza binti Idris daripada Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia;

ii) "Pematuhan Syariah Dalam Operasi Syarikat Bagi Industri Halal"
oleh YBhg. Dr. Lokman bin Ab. Rahman daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

iii) "Peranan Kewangan Islam Dalam Memajukan Ekonomi Ummah"
oleh YBhg. Ustaz Mohd Nazri bin Chik daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

iv) "Peranan Kewangan Islam Dalam Industri Halal"
oleh YBhg. Dr. Syahida binti Abdullah daripada Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA).

Resolusi muzakarah adalah seperti berikut:

a. Muzakarah mengambil maklum bahawa Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang merupakan akta baharu bagi menggantikan Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Akta ini menyediakan peruntukan perundangan yang lebih menyeluruh dan komprehensif dalam mewarnai lanskap sistem kewangan Islam pada masa akan datang;

b. Muzakarah memperakui usaha penambahbaikan yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan hal ehwal perbankan dan takaful ke arah memperkasa pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam. Pematuhan syariah ini perlu diperluaskan ke sektor-sektor lain supaya bertepatan dengan maqasid syariah dan dapat meningkatkan keyakinan pengguna;

c. Muzakarah bersetuju pematuhan syariah dalam industri perniagaan bukan sahaja tertakluk kepada produk yang dihasilkan, malah ia juga turut merangkumi dana, pelaburan, takaful, pengurusan, dan operasi syarikat yang dijalankan;

d. Muzakarah mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menggubal dasar bagi menyelaras industri halal yang menggariskan peraturan dan prosedur dalam mewujudkan industri patuh syariah. Ini merupakan satu keperluan ke arah mewujudkan industri halal yang patuh syariah secara holistik;

e. Muzakarah menyeru institusi kewangan Islam perlu mengambil peluang dalam menawarkan kemudahan kewangan Islam kepada industri halal yang semakin berkembang pada hari ini. Manakala pemain industri halal pula bertanggungjawab dalam memastikan segala dana syarikat diperolehi daripada sumber yang patuh syariah;

f. Muzakarah mencadangkan kerajaan memberi perhatian sewajarnya kepada sektor keusahawanan di kalangan bumiputra yang turut memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara di samping meningkatkan peranan institusi kewangan Islam dalam membantu membangunkan ekonomi golongan tersebut; dan

g. Muzakarah mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan tertentu iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta lain-lain agensi yang berkaitan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya elemen pematuhan syariah dan undang-undang dalam mana-mana industri. Ini adalah penting bagi mengelakkan masyarakat terjebak dalam transaksi yang tidak patuh syariah dan bertentangan dengan undang-undang









2. Wacana Kewangan Islam Kepada Pegawai Dan Kakitangan Kerajaan Dan Ahli Jawatankuasa Masjid Dan Surau Peringkat Negeri Kedah

Tarikh : 25 Mei 2014
Tempat : Wisma Darul Aman, Kedah

Penganjuran wacana kewangan Islam telah mula diperkenalkan sejak tahun 2008. Wacana pada kali ini merupakan anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah (JHEAIK) serta Institut Tadbir Awam Kampus Wilayah Utara (INTURA). Objektif wacana ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai kebaikan pelaksanaan Sistem Kewangan Islam, konsep asas dan isu-iu terkini sistem Kewangan Islam serta perbezaannya dengan sistem kewangan.

Tiga kertas kerja wacana telah dibentangkan, iaitu:

i) "Perbezaan Produk Perbankan Islam dan Konvensional: Satu Analisis Kritikal"
oleh YBhg. Ustaz Mohd Hafiz bin Haji Fauzi (Ketua Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad);

ii) "Falsafah & Prinsip Kewangan Islam"
oleh YBhg. Ustaz Mohd Hafiz bin Haji Fauzi (Ketua Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad); dan

iii) "Masjid: Pusat Pembangunan Ekonomi Ummah"
oleh YBhg. Dr. Lokman bin Ab. Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Muamalat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM)





Pendaftaran peserta



Antara peserta yang hadir





Pembentang Kertas Kerja





Perasmian wacana oleh YB Dato' Haji Mohd Rawi bin Abd. Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Kedah mewakili YAB Menteri Besar Kedah



Penyampaian Cenderamata kepada Tuan Rumah

Kajian dan Penyelidikan Isu Muamalat

Antara kajian dan penyelidikan yang dijalankan oleh JAKIM adalah seperti berikut:

1. Konsep Percukaian Islam: Satu Tinjauan Dari Sudut Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)
2. Hukum Pelaburan Mecca Fund Global
3. Kajian Penubuhan Akta ar-Rahnu
4. Kajian Penyelarasan Tabung Khairat Kematian oleh Syarkat WD Gemilang
5. Kajian Pelaksanaan Sistem Pajak Gadai Islam Secara Atas Talian oleh Syarikat Pisang Sdn. Bhd
6. Kajian Pematuhan Syariah dalam Operasi Syarikat Bagi Industri Halal

Portal e-Muamalat

Portal e-Muamalat bagi tahun 2014 bermula pada 1hb. Januari, 2014 berakhir 31hb. Disember, 2014 telah memuatkan 212 keratan akhbar dan majalah, 8 banner, 1 garis panduan, 4 kertas ilmiah, 6 berita dan 12 harga emas yang diperolehi daripada Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).

Bagi pengunjung/pelayar portal e-Muamalat sebagaimana yang telah direkodkan oleh google analaytics bermula 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 2014 adalah seramai 159,049 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 seramai 128,077 pengunjung/ pelayar. Ini bermakna, purata sebulan seramai 13,254 pengunjung berbanding tahun 2013 seramai 10,673 pengunjung sebulan.

SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK

JAKIM juga menyedia, mengemaskini dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Jakim, Indeks Petunjuk Prestasi (Key Performance Indicators (KPI) Jakim dan Piagam Pelanggan. Seksyen ini juga mengurusetiakan Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan. Berikut adalah antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Seksyen Perancangan Strategik, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan:

Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) Jakim 2014

Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) Jakim merupakan mesyuarat dwitahunan yang membincangkan pencapaian Pelan Tindakan Strategik Jakim 2009 - 2014 bagi tahun semasa dan merancang program Jakim bagi tahun yang akan datang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha dan dianggotai oleh semua Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan JAKIM. Bagi tahun 2014, Mesyuarat SKS telah diadakan seperti butiran berikut:

1. **Mesyuarat Pencapaian Sasaran Kerja Strategik Jakim 2009 - 2014 (Kajian Penilaian Setengah Tahun 2014)**
   Tarikh : 26 hingga 28 Jun 2014
   Tempat : Avillion Admiral Cove, Port Dickson



YBhg. Dato' Ketua Pengarah mempengerusikan mesyuarat









Antara Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan yang hadir

1. Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik Jakim (Pencapaian 2014 dan Perancangan 2015)

Tarikh : 26 hingga 28 November 2014
Tempat : The Grand Beach Resort, Port Dickson









YBhg. Dato' Ketua Pengarah mempengerusikan mesyuarat Antara Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan yang hadir





Pertandingan Bowling turut diadakan bagi mengukuhkan kemesraan dalam kalangan pegawai-pegawai kanan Jakim

Key Performance Indicators (KPI) JAKIM


KPI merupakan satu sistem pengukuran yang mudah dan berkesan bagi membantu sesebuah organisasi menjelaskan dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi sesebuah organisasi.

Selaras dengan fungsi yang diberi, JAKIM bertanggungjawab memantau pencapaian KPI setiap bahagian dalam Jakim dan KPI Jakim kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (MKPI) setiap bulan. Terdapat dua MKPI bagi tahun 2014 dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

BIL.	MKPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Jumlah Kelas Pengajian Saudara Kita (Mualaf) Di Perkampungan Terpilih Saudara Kita (Mualaf)	800 kelas	1891 kelas pengajian (100%)
2.	Jumlah Peserta Dalam Program Dialog Silang Agama Atau Program Indahnya Islam	6000 orang	6140 orang peserta (100%)
Pencapaian Keseluruhan :			**100%**

Jadual 1: KPI Jakim kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (MKPI)

Manakala bilangan KPI bahagian-bahagian dalam JAKIM adalah sebanyak 200 KPI. Purata pencapaian atau pencapaian keseluruhan KPI tersebut adalah 95%. Pencapaian KPI tersebut dapat dilihat melalui pembahagian sektor seperti dalam carta di bawah:



Carta 2: Pencapaian KPI Jakim Mengikut Sektor

Penyediaan Pelan Strategik JAKIM 2015-2019

Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 akan berakhir pada Disember 2014. Justeru itu, Pelan Strategik 2015-2019 perlu disediakan sebagai kesinambungan pelan strategik tersebut. Penyediaan pelan strategik yang baru telah dimulakan seawal Februari 2014. Berikut adalah sesi percambahan idea, mesyuarat dan bengkel yang telah diadakan:

1. **Sesi Taklimat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU)**
   Tarikh : 10 Februari 2014
   Tempat : Dewan Syura, JAKIM

Encik Shahrir bin Mohammad Zakey, Timbalan Pengarah Bahagian Transformasi Sektor Awam dijemput bagi memberi khidmat nasihat, kaedah dan penilaian yang terbaik dan sesuai untuk digunakan dalam menyemak semula Pelan Strategik yang lalu dan memastikan Pelan Strategik JAKIM yang akan datang lebih mantap.



Encik Shahrir Mohammmad Zakey, Timbalan Pengarah Bahagian Transformasi Sektor Awam, MAMPU, menyampaikan taklimat



YBhg. Dato' Ketua Pengarah tekun melihat video selingan dari pihak MAMPU





Antara Pengarah-Pengarah Bahagian dan Panel Pemikir JAKIM yang hadir

2. **Semakan Pelan Strategik JAKIM 2009-2014**
   Tarikh : 11 Februari 2014
   Tempat : Bilik Mesyuarat Saidina Abu Bakar As-Siddiq, ILIM



YBhg. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) mempengerusikan mesyuarat





Antara Pengarah-Pengarah Bahagian dan Panel Pemikir JAKIM yang hadir bagi berkongsi buah fikiran

3. Wacana Perancangan Strategik JAKIM 2015-2019

Tarikh : 24 - 25 Februari 2014
Tempat : Puri Pujangga, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Wacana ini, mengetengahkan isu-isu perundangan syariah yang melibatkan aspek pelaksanaan, penguatkuasaan dan pendakwaan, isu pendidikan Islam, isu pengantarabangsaan, isu pembangunan halal, isu pemerkasaan organisasi dan modal insan, isu pembangunan dakwah, serta isu pembangunan kefatwaan dan penyelidikan Islam melalui 11 pembentangan, iaitu:

i) "Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Brunei Darussalam: Perbezaan antara Brunei dan Malaysia"
Oleh: YABhg. Tun Abdul Hamid Mohamad, Mantan Ketua Hakim Negara

ii) "Strategi dan Program Jakim Ke Arah Memperkasa Penyelarasan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara dan YBhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Profesor, Fakulti Undang-Undang dan Syariah, USIM

iii) "Strategi dan Program Ke Arah Pengantarabangsaan JAKIM"
Oleh: YBhg. Dato' Wira Prof. Dr. Ismail Haji Ibrahim, Ketua Hal Ehwal Akademik, UIM

iv) "Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Pendidikan Islam Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri, Rektor KUIS dan YBhg. Tan Sri Dato' Hj Alimuddin Hj Mohd Dom, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad

v) "Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Pembangunan Halal Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia

vi) "Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Agensi/ Institusi Agama Islam di Peringkat Persekutuan, Negeri, Daerah dan Komuniti Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah Jakim

vii) "Strategi JAKIM dalam Memperkasa Organisasi dan Modal Insan Hal Ehwal Islam"
Oleh: YBhg. Dato' Dr. Ismail Haji Alias, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

viii) "Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Pembangunan Dakwah Islamiah Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Prof. Dr. Zulkiple bin Abd Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM

ix) "Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Pembangunan Kefatwaan dan Penyelidikan Islam Menjelang Tahun 2020"
Oleh: YBhg. Dr. Mohd. Farid Mohd Shahran, Fellow Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM



Ucapan Aluan dari YBhg. Ketua Pengarah JAKIM



YBhg. Dato' Wira Prof. Dr. Ismail Haji Ibrahim, Ketua Hal Ehwal Akademik, UIM



YABhg. Tun Abdul Hamid Mohamad, Mantan Ketua Hakim Negara



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri, Rektor KUIS



YBhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Profesor, Fakulti Undang-Undang dan Syariah, USIM



YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin Hj Mohd Dom, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad




YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia



YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah JAKIM



YBhg. Prof. Dr. Zulkiple bin Abd Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM



YBhg. Dato' Dr. Ismail Haji Alias, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)



YBhg. Dr. Mohd. Farid Mohd Shahran, Fellow Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM







Bergambar Kenangan Bersama Panel Jemputan

4. **Sesi Percambahan Idea bersama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Panel Pemikir**
   Tarikh : 18 April 2014
   Tempat : Dewan Sheikh Daud al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

5. **Sesi Percambahan Idea bersama Pegawai Gred 44dan Ke Atas**
   Tarikh : 23 April 2014
   Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 6, JAKIM

6. **Bengkel Dokumentasi Pelan Strategik JAKIM 2015-2019**
   Tarikh : 28 - 30 April 2014
   Tempat : Klana Beach Resort, Teluk Kemang







Encik Shahrim Hussin, Puan Suraya Hani Salleh dan Encik Mohd Kamal Azizi Shahadan dari Bahagian Advisori Pengurusan 1, MAMPU sebagai fasilitator









Perbincangan dan percambahan idea dalam kumpulan mengikut Teras Pelan Strategik

7. **Bengkel Penyediaan Pelan Strategik JAKIM 2015-2019 (mengikut teras)**
   Tarikh : 19 - 28 Mei 2014
   Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 6, JAKIM

8. **Bengkel Pemurniaan Draf Pelan Strategik JAKIM 2015-2019**
   Tarikh : 4 Julai 2014
   Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 6, JAKIM

9. **Sesi Pembentangan dan Pemurniaan Draf (mengikut sektor)**
   Tarikh : 8 - 18 Julai 2014
   Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 8, JAKIM

10. **Sesi Pembentangan Draf Pelan Strategik JAKIM 2015-2019**
    Tarikh : 21 Julai 2014
    Tempat : Dewan Syura, Aras 9, JAKIM

11. **Mesyuarat Penyelarasan Dokumentasi Pelan Strategik JAKIM 2015-2019 bersama Panel Penulis**
    Tarikh : 19 Ogos 2014

12. **Mesyurat Semakan Dokumentasi Pelan Strategik JAKIM 2015-2019**
    Tarikh : 10 - 12 Oktober 2014
    Tempat : Klana Beach Resort, Teluk Kemang, Port Dickson





Mesyurat Semakan Dokumentasi Pelan Strategik JAKIM 2015-2019

Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS) Kali ke-32/2014
Tarikh : 28 - 30 Oktober 2014
Tempat : KSL Hotel & Resort, Johor Bahru.

Mesyuarat JAPPIS merupakan mesyuarat tahunan yang diurusetiakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan sebagai medium bagi menyelaras dan berkongsi maklumat mengenai isu-isu penyelidikan Islam yang dijalankan oleh Jakim, JAIN dan agensi-agensi persekutuan yang berkaitan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ketua-ketua Penolong Pengarah Penyelidikan Jabatan Agama Islam seluruh negeri dan agensi-agensi pusat iaitu Majlis Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Kor Agama Tentera (Kagat) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).



YBhg. Prof. Madya Dr. Khalif Muammar bin A.Harris, Pensyarah dan Kordinator Akademik di Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menyampaikan taklimat mengenai Liberalism







YBhg. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jakim mempengerusikan mesyuarat









Antara ahli mesyuarat yang hadir

PENGURUSAN FATWA



Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia atau ringkasnya Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) berperanan sebagai badan pengeluar dan penyelaras hukum/fatwa di peringkat kebangsaan. Muzakarah JFK diadakan bagi tujuan mengeluar dan menyelaraskan pandangan hukum/fatwa khususnya isu-isu yang bersifat nasional sebagai panduan kepada masyarakat.

Muzakarah Jawatankuasa MKI telah bersidang sebanyak empat (4) kali. Dua (2) daripadanya adalah Muzakarah Khas yang telah membincangkan **"Isu Bughah"** dan **"Tragedi MH 370"**. Antara keputusan/pandangan hukum lain yang telah diputuskan ialah:

(1) Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan
(2) Penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) Menggunakan Mikroorganisma Terubahsuai
(3) Kedudukan Amalan Khurafat di Pulau Besar Melaka
(4) Kajian Semula Tiupan Rouse dan Last Post
(5) Hukum Penggunaan Vaksin Meninggitis Monumen
(6) Kuantifikasi dan Stabiliti DNA Babi Yang Diekstrak daripada Daging Campuran Dan Produk Yang Diproses
(7) Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS
(8) Isu Perkahwinan Kanak-Kanak: Kajian Dari Aspek Agama, Kesihatan dan Psikologi
(9) Kajian terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)
(10) Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia
(11) Hukum Pendermaan Rahim
(12) Hukum Amalan Toast Dalam Majlis Makan Beradat Angkatan Tentera Malaysia
(13) Hukum Pengggunaan Cordyceps Sinensis Dalam Pembuatan Ubat Tradisional
(14) Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd Yusof.
(15) Kedudukan Perbuatan Zikir Sambil Memukul Gendang Atau Peralatan Muzik lain Dalam Masjid Atau Surau

KAJIAN FATWA

Beberapa kajian mengenai isu-isu kefatwaan telah dan sedang dilaksanakan bagi tujuan pembangunan kefatwaan dan penentuan hukum/fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa MKI. Antara isu-isu kajian fatwa yang dijalankan ialah:

1. Kajian Awal Penggunaan Sutera Dalam Produk Tekstil
2. Pendermaan Rahim
3. Kajian Impak Penerimaan & Pematuhan Masyarakat Terhadap Keputusan MJFK
4. Percukaian Menurut Perundangan Islam: Kajian Terhadap GST
5. Isu Toast Dalam Majlis Makan Beradat Angkatan Tentera Malasyia

Multaqa Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia

Multaqa Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia yang bertemakan "Mendepani Cabaran Semasa Ummah Melalui Pengukuhan Institusi Fatwa" telah diadakan pada 22-23 Oktober 2014 bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 4 kertas kerja dibentangkan; iaitu "Kepentingan Memahami Maqasid Syar'iyyah Oleh Ahli Fatwa Dalam Mengeluarkan Fatwa" oleh Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar (USIM), "Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam Di Malaysia" oleh Prof. Dato' Zakaria Stapa (UKM),

"Menangani Isu Khilafiah Dan Perbezaan Pandangan Dalam Pengeluaran Fatwa: Kupasan Isu Percukaian dan Zakat" oleh Dr. Arieff Salleh Rosman, Felo Fatwa dan "Keterikatan Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa Semasa" oleh Ustaz Lokmanulhakim Hussain, Felo Fatwa. Satu sesi Eksekutif Talk telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin bertajuk "Transformasi dan Pengukuhan Institusi Fatwa Di Malaysia" turut diadakan pada Majlis Makan Malam sempena Multaqa tersebut.



Ucapan Perasmian oleh YB Menteri Di JPM



Sesi Multaqa

Pertemuan Jawatankuasa Fatwa Bersama Ikon Da'ei



Bagi merapatkan hubungan antara para da'ie dengan institusi kefatwaan ke arah mewujudkan kesepaduan fikrah dalam memartabatkan syiar Islam di negara ini, satu pertemuan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan ikon-ikon da'ie tanahair telah diadakan pada 10 April 2014 di RHR Hotel@Uniten. Ikon-ikon da'ie berkenaan dalam kalangan yang banyak mengisi slot-slot agama dan motivasi di stesen-stesen tv. Antara personaliti da'ie yang hadir ialah Ustaz Haslin Baharin, Ustaz Nidzam Abdul Kadir, Prof. Dr.Ridhuan Tee Abdullah, Dr.Mohd.Izhar Ariff, Prof. Dr.Muhaya, Dato' Siti Nor Bahyah Mahmood, dan ramai lagi.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan dan Pembangunan Fatwa



Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan dan Pembangunan Fatwa (JKPPF) Kali Ke-8 telah diadakan pada 15-17 September 2014 di Hotel Langkawi Seaview, Langkawi, Kedah Darul Aman. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Tuan Haji Mohamad Nordin Ibrahim telah dihadiri oleh Timbalan/Ketua Penolong Mufti/Pegawai-Pegawai Jabatan Mufti Seluruh Malaysia serta Pengarah/wakil beberapa Bahagian-Bahagian di JAKIM; iaitu Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Bahagian Penyelidikan. Beberapa isu berkaitan dengan penyelarasan kefatwaan telah dibincangkan sepanjang tempoh mesyuarat tersebut; antaranya ialah:

(1) Garis panduan pemakaian keputusan/pandangan hukum yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai fatwa negeri;

(2) Hasil Kajian "Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI: Kajian Terhadap Penerimaan & Penolakan di Peringkat Negeri;

(3) Cadangan penyeragaman sighah fatwa bagi tujuan penguatkuasaan;

(4) Penyelarasan arah kiblat;

Bengkel Penyelarasan Pengurusan Fatwa

Bengkel Penyelarasan Pengurusan Fatwa Jabatan Mufti Seluruh Malaysia telah diadakan pada 4 hingga 6 Februari 2014 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Seramai 35 orang peserta telah menghadiri Bengkel ini terdiri daripada Timbalan/ Pegawai Jabatan Mufti Seluruh Malaysia, wakil Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM dan wakil JAKIM daripada Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Bahagian Pengurusan Fatwa. Isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan penyelarasan kefatwaan iaitu Ijtihad Jamai'ie Dalam Penetapan Hukum Syara': Aplikasi di Malaysia" dan "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan" oleh Lokmanulhakim Hussain (Felo Fatwa JAKIM), "Kesan Ketidakseragaman Fatwa: Pandangan Dari Sudut Undang-Undang" oleh Hamzah Ismail (Penasihat Undang-Undang JAKIM), "Mekanisme Pewartaan dan Penguatkuasaan Fatwa" oleh Norliah binti Sajuri (Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM) dan "Garis Panduan Pemakaian Keputusan/ Pandangan Hukum Yang Dibuat Oleh Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai Fatwa Negeri" oleh Aminudin bin Mohamad (Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM).



Pemeteraian Memorandum Persefahaman (Mou) Dalam Bidang Kefatwaan

Pemeteraian MoU dalam bidang kefatwaan antara JAKIM dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah berlangsung pada 25 November 2014 bertempat di Dewan Datuk Mohd. Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor. JAKIM diwakili oleh Ketua Pengarah, Dato' Haji Othman Mustapha. Manakala USIM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, UTM diwakili oleh Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur, Prof. Dr. Hamdani Saidi dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan diwakili oleh Pengurus Besarnya, Haji Zabidi bin Nasan.



JAKIM-USIM



JAKIM-UTM



JAKIM-Yayasan Taqwa

WALK-ABOUT KEFATWAAN

Pertemuan Dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

Prof. Emeritus Tan Sri Dato Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI telah mengadakan pertemuan dengan Datuk Syed Danial Syed Ahmad, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia pada 9 Disember 2014 bagi berbincang ke arah memantapkan lagi pelaksanaan tugas dan peranan Jawatankuasa Fatwa MKI. Pertemuan yang diadakan di Pejabat Penyimpan MoHor Besar Raja-Raja Malaysia turut dihadiri oleh Dato' Haji Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Sheikh Ghazali Hj. Abd. Rahman, Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI dan juga pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM.



Walk-about Ke Jabatan Mufti Negeri-Negeri

Beberapa siri walk-about ke Jabatan Mufti Negeri-Negeri telah diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dalam hal ehwal kefatwaan antara pusat dengan negeri-negeri. Antara Jabatan Mufti yang telah dikunjungi ialah:

1. Jabatan Mufti Negeri Selangor
   5 Feb 2014
2. Jabatan Mufti Negeri Melaka
   11 Feb 2014
3. Pejabat Mufti Negeri Wilayah Persekutuan
   14 Feb 2014
4. Jabatan Mufti Negeri Sembilan
   05 Mei 2014
5. Jabatan Mufti Negeri Perak
   05 Jun 2014
6. Kunjungan Ke Atas Mufti WP
   17 Julai 2014
7. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
   26 Ogos 2014



Jabatan Mufti P.Pinang



Kunjungan Mufti WP

SEMINAR ULAMA MABIMS

Seminar Ulama MABIMS telah berlangsung pada 19 hingga 21 Mei 2014 di Holiday Inn Orchard City Centre Singapura yang dianjurkan oleh Negara Republik Singapura. Seminar yang bertemakan "Melakar Rangka Kerja Bio-Etika Islam Senusantara" ini telah disertai oleh empat (4) anggota Negara MABIMS iaitu Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. Malaysia turut membentangkan Kertas Kerja "Hak Dan Batas-Batas Individu Dalam Isu Kajian DNA Dan Pendermaan Organ" oleh Nor Safina Zainal, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM. Seminar ini memfokuskan kepada permasalahan umum bioethics iaitu mengenai penghormatan nyawa manusia dan autonomi manusia dalam kebebasan memilih. Hasil daripada seminar kali ini suatu draf awal Rangka Kerja Bioetika Islam

telah dapat dihasilkan dan akan dikemukakan pada Mesyuarat MABIMS akan datang untuk digunapakai dalam menghadapi isu-isu bioethics yang banyak berkaitrapat dengan hukum Islam.



International Conference On Organ Transplantation In Islam

International Conference On Organ Transplantation In Islam telah diadakan pada 20 hingga 23 November 2014 di University Of Western Sydney (UWS) Australia. Persidangan ini memfokuskan perbahasan tentang *Organ Transplantation in Modern Medicine, Islamic Theological Perspective on Organ Transplantation and Donationdan Social Scientific and Comparative Analysis of Organ Transplantation and Donation*. JAKIM telah dijemput untuk menyertai dan membentangkan kertas kerja "*Organ Transplantation: Islamic Bioethics Discourse*" yang telah diwakili oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa, Ustazah Nor Safina Zainal.



MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA

Minggu Amanah Saham Malaysia (MASM) anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah berlangsung pada 20-27 April 2014 di RTC Kota Bharu, Kelantan. Penyertaan JAKIM adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan hukum/fatwa terutama berkaitan dengan isu-isu muamalat dan kewangan Islam serta mengedarkan bahan-bahan terbitan kefatwaan kepada para pengunjung. Program Bersama Felo Fatwa, Bual Bicara Bersama Felo Fatwa, Kuiz Fatwa dan "Like" Facebook Fatwa Malaysia turut diadakan sepanjang MSAM.



Pengunjung Booth JAKIM



Bersama Felo Fatwa



Ketua Pengarah JAKIM hadir memberi sokongan

"ROAD-SHOW" PENDIDIKAN FATWA

"Road-Show" Pendidikan Fatwa melalui Seminar/Wacana Pendidikan Fatwa telah diadakan di beberapa buah negeri secara kerjasama dengan Kementerian/Jabatan Kesihatan Malaysia dan Jabatan-Jabatan Mufti Negeri yang berkenaan:

1.	Seminar Pendidikan Fatwa Peringkat IPT Negeri Sarawak	29-30 April 2014
2.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat Negeri Selangor	19 Jun 2014
3.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat Negeri Kedah	11 Ogos 2014
4.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Negeri Sabah Peringkat Kota Kinabalu	11 Sept 2014
5.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Negeri Sarawak Bahagian Sibu	22-23 Sept. 2014
6.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat WP Labuan	02 Okt 2014
7.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat Negeri Sembilan	06 Okt 2014
8.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat Negeri Perak	18 Nov 2014
9.	Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Negeri Sabah Peringkat Sandakan	27 Nov 2014
10.	Wacana Pendidikan Fatwa Muamalat	03 Dis 2014

Isu-isu yang diperjelaskan dalam siri-siri tersebut adalah berkaitan dengan isu-isu perubatan, kesihatan muamalat dan pandangan hukum/fatwa yang berkaitan dengannya. Antaranya ialah isu pelalian, pengguguran, merokok, insuran & takaful dan pelaburan.



Bahagian Sibu, Sarawak



Peringkat Negeri Perak



Peringkat Negeri Sembilan



Peringkat Negeri Kelantan

PROGRAM FELO FATWA

Felo Fatwa diwujudkan hasil inisiatif daripada Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai medium bagi memperjelaskan isu-isu hukum yang bersifat segera dan semasa dalam media baru, dan membimbing masyarakat dengan pandangan hukum yang disepakati secara jama'ie sama ada secara atas talian, bersemuka atau melalui bahan penulisan. Setelah hampir setahun pelaksanaan program Felo Fatwa ini, feedbacks yang diterima amat positif dan memberangsangkan daripada pelbagai peringkat masyarakat dalam dan luar negara. Beberapa saluran media sosial telah dibuka untuk memudahkan maklumat fatwa disebarkan dan juga bagi masyarakat awam berhubung langsung secara maya dengan Felo Fatwa. Saluran-saluran tersebut ialah e-Fatwa, Facebook Fatwa Malaysia dan twitter Felo Fatwa. Semua jawapan dan penjelasan yang disediakan oleh Felo Fatwa akan dipapar di saluran-saluran berkenaan. Sehingga 31 Disember 2014, jumlah PAGE LIKES Facebook Fatwa Malaysia ialah seramai 66,500. Purata setiap bulan sebanyak 25 isu/persoalan diterima melalui emel felofatwa@gmail.com daripada masyarakat dalam dan juga luar negara.



Felo Fatwa



Facebook Fatwa Malaysia

PORTAL E-FATWA

Portal e-Fatwa yang merupakan Portal Rasmi Fatwa Malaysia terus memainkan peranan sebagai medium utama dalam penyebaran keputusan Jawatankuasa Fatwa MKI dan fatwa negeri-negeri serta info kefatwaan. Jumlah pengunjung daripada dalam dan luar Negara sentiasa meningkat setiap tahun. Pengunjung portal pada tahun 2014 telah mencecah 1,602,272 berbanding 814,297 pengunjung pada tahun 2013.





PENERBITAN FATWA

Penyebaran maklumat kefatwaan melalui penerbitan turut dilakukan dengan menerbitkan beberapa siri penerbitan kefatwaan; iaitu:

1. Buletin al-Ifta' Siri 5 & Siri 6
2. Q & A Felo Fatwa
3. Pendermaan Jasad Si Mati
4. Parameter Pelaburan Emas
5. FAQ Hukum Pelaburan ASN & ASB
6. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI
7. Himpunan Keputusan Muzakarah JK Fatwa MKI Isu-Isu Sains dan Perubatan
8. 5 Pamplet Info Kefatwaan/Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI
9. FAQ Vaksin & Imunisasi Dari Aspek Syarak Dan Perubatan



MANIFESTASI DAKWAH DALAM MASYARAKAT

MANIFESTASI DAKWAH DALAM MASYARAKAT

PROGRAM UKHUWAH

Bas Belia MABIMS 2014

Perjalanan selama 7 hari merentas hampir 340 kilometer tanah besar Surabaya hingga ke Denpasar, Bali, Indonesia telah memberi seribu pengalaman kepada 42 orang belia Islam dari 4 buah Negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei bermula pada 22 hingga 28 Oktober 2014.

Program dwitahunan di bawah program kluster MABIMS (Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura) dan dianjurkan secara bergilir oleh Negara-negara anggota MABIMS. Bas Belia MABIMS bertemakan Pemimpin Serantau, Pemikir Global merupakan pertemuan pemuda berusia 25 sampai dengan 30 tahun yang diharapkan menjadi pemimpin masa depan serta menjaga hubungan baik antara Negara masa hadapan.

Majlis Perasmian Bas Belia MABIMS telah disempurnakan oleh Sekretaris Jeneral, Kementerian Agama Republik Indonesia. Sekretaris Jeneral, Kementerian Agama, Prof. Dr. Nur Syam. Para peserta dibawa ke Universiti Islam Negeri, Madrasah Alayiah dan masjid-masjid utama Indonesia, Pesantren Amanatul Ummah di Surabaya, Pesantren Shafiyyah Salafiyyah di Situbundo, Pesantren Darussalam di Bangyuwangi dan Pesantren Nurul Islam di Bali.







Bengkel Semakan Akhir Draf Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) 2014

JAKIM selaku Jawatankuasa Induk Pembangunan Draf Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) telah menjayakan Bengkel Semakan Akhir Draf PTDN 2014 bertempat di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada 2 hingga 4 April 2014. Bengkel ini melibatkan seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai peringkat pengurusan dan profesional JAKIM, Panel-panel Penilai Draf lima Agenda Transformasi Dakwah Negara (ATDN), Ketua-ketua dan Ahli-ahli Pasukan Memperkukuh Draf ATDN yang telah dilantik secara rasmi oleh pihak pengurusan tertinggi Jakim serta urusetia program.

Bengkel ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan (TKPPI), JAKIM dan merupakan tindakan susulan hasil persetujuan melalui Workshop Memperkemas Draf PTDN bersama TKPPI 2014 pada 17 Mac 2014 yang lalu. Ahli bengkel bersetuju untuk menghimpunkan semua ahli Pasukan Memperkukuh Draf PTDN yang telah dilantik secara rasmi melalui Bengkel Pengemaskinian Draf PTDN 2013 pada 8 Julai 2013 bagi melaporkan hasil gerak kerja masing-masing untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi jabatan.





JAKIM Dinobatkan Sebagai Jabatan Paling Inovatif 2013

JAKIM dinobatkan sebagai Jabatan Paling Inovatif Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2013 sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 di MAEPS, Serdang hari ini, 29 Oktober 2014. Anugerah Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 (AIJPM) ini telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin dengan temanya Menyemarak Inovasi Merealisasi Transformasi.

Melalui majlis ini JAKIM telah merangkul sebanyak 6 anugerah. Anugerah berkenaan adalah:

1. JAKIM memperoleh tempat ketiga melalui Projek Diari Huffaz Darul Quran di bawah Kategori Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
2. Anugerah olahragawati individu yang dimenangi oleh Puan Shukriyah binti Mohamad dari Bahagian Kewangan JAKIM.
3. Anugerah Khas Sukan Individu yang telah dimenangi oleh En Mohd Azam bin Mohd Daud dari Bahagian Kewangan, JAKIM.
4. Jakim memperolehi JOHAN dalam Anugerah Inovasi JPM 2013 dalam kategori ICT melalui projek JAKIM.TV.
5. JAKIM mendapat tempat KEDUA dalam Kategori Produk Harapan melalui Projek Diari Huffaz Darul Quran.
6. Secara keseluruhannya JAKIM telah dinobatkan sebagai Jabatan Paling Inovatif tahun 2013.

Perakuan pemenang oleh Panel Penilai telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Inovasi JPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan pemenang bagi kedua-dua kategori iaitu ICT dan non ICT masing-masing mendapat RM8,000 bagi tempat pertama.











DAKWAH KHAS

Sambutan Majlis Tahun Baru Cina Peringkat Kebangsaan 2014

"Hasten to Success" adalah tema bagi sambutan Tahun Baru Cina atau Chinese New Year peringkat kebangsaan bersama saudara Muslim dan non Muslim yang telah diadakan pada 16 Februari 2014 di Telekom Convention Centre, Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur. Program gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM. Program ini merupakan anjuran Jakim dengan kerjasama Hidayah Centre Foundation, Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Malaysia Reverted Muslim (MRM), Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT), Overseas Chinese Muslim Malaysia (OCMA), Persatuan Darul Fitrah Malaysia dan Restoran Muhammad Chan Abdullah.

Perayaan kebudayaan yang disambut oleh setiap lapisan masyarakat Saudara Muslim dan non-Muslim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Cina iaitu hampir 1,000 orang jemputan dan turut hadir adalah barisan kepimpinan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang datang dan menjayakannya.







Program Tautan Kasih Masyarakat Orang Asli dan Cina Muslim Pulau Ketam 2014

JAKIM telah mengadakan program Tautan Kasih Bersama Masyarakat Orang Asli dan Cina Muslim di Pulau Ketam. Seramai 20 kakitangan dari JAKIM, MAIS, Yayasan Taqwa dan JAKOA mendekati beberapa saudara Muslim dan Orang Asli Sungai Dua untuk melihat keadaan hidup mereka. Rombongan yang di ketuai oleh Tuan Haji Hashim Haji Salleh, KPPK Cawangan Dakwah Khas turut serta menziarahi Kampung Orang Asli Sungai Dua dengan ditemani oleh Ustaz Fauzi Siva bin Abdullah, Eksekutif Unit Pembangunan Mualaf (MAIS).

Pelbagai acara sukan seperti pertandingan berenang, permainan kerusi berirama dan lain-lain mendapat sambutan yang amat baik dari penduduk setempat. Acara pertandingan mewarnai bagi kanak-kanak juga diadakan selain pelbagai bantuan makanan dan kelengkapan rumah daripada MAIS dan Yayasan Taqwa yang telah disalurkan selepas acara sukan tersebut. Pada sebelah malamnya, diadakan pula kuliah maghrib yang bertajuk 'Tahsin Ibadah' yang disampaikan oleh Ustaz Daniel Tan bin Abdullah.

Keesokan harinya bersama Ustaz Amin Lam Panel Dakwah Muallaf Pulau Ketam, kita dibawa melawat keluarga Encik Salleh Abdullah, Encik Shafie Abdullah, Encik Hassan Abdullah, Encik Salleh Chia Abdullah, Encik Musa Abdullah dan Encik Mohd Nor Abdullah. Encik Hassan menyatakan bahawa pernah satu ketika dahulu penduduk Islam di sini menjangkau 250 orang pada satu masa. Namun, pada hari ini hanya tinggal 10-12 keluarga yang masih menjadikan Islam sebagai pegangan hidup mereka. Itu pun ada yang di antara mereka hanya suami isteri yang Muslim, sedangkan anak-anak mereka memilih jalan kekufuran sebagai pegangan hidup.

Dengan bungkusan yang mengandungi makanan, rombongan berbasikal menemui seorang demi seorang rumah saudara kita hingga ke jam 10.30 pagi. Apa yang dapat disimpulkan kebanyakan saudara kita di Pulau Ketam ini sudah lanjut usia antara 60-70 an mengalami penyakit yang memakan belanja ratusan ringgit sebulan. Keuzuran mereka dan tiada upaya untuk berdikari menyebabkan sukar untuk bekerja. Keadaan ini memaksa mereka tinggal dengan saudara mara yang bukan Islam.







Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Saudara Muslim Peringkat Zon Utara

"Kemenangan Aidilfitri" adalah tajuk perbincangan dalam forum yang dianjurkan pada 16 Ogos 2014 sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Saudara Muslim Peringkat Zon Utara di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Majlis yang dihadiri lebih 200 orang Saudara Muslim dan Orang Asli dari Negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Ali bin Mohammed, Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Program ini merupakan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Pusat bimbingan Islam Sultan Mu'adzam Shah (PUSBA).

Majlis ini turut dihadiri oleh Dato' Haji Mohammad Mohsin bin Dato' Haji Abd Rahman Pengerusi PUSBA dan Dato' Hajjah Nafisah binti Haji Abdullah Timbalan Pengarah JHEAIK. Pengarah Bahagian Dakwah dalam ucapannya menegaskan agar semua hadhirin mendapat satu semangat yang begitu bersungguh-sungguh dalam menghayati bulan Syawal yang penuh dengan peluang-peluang untuk berbuat kebaikan yang disediakan oleh Allah SWT. Manakala Pengerusi PUSBA juga turut menjelaskan kehebatan ibadah puasa yang difardhukan dalam rukun Islam yang ketiga sehingga Aidilfitri dikurniakan sebagai hari kemenangan bagi umat Islam yang bertaqwa.





MEDIA PENYIARAN

Media Penyiaran

Jun 1994 menyaksikan Unit Dakwah Radio dan TV RTM di pindahkan ke bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sebagai Bahagian Media yang bertanggungjawab menerbitkan rancangan agama radio dan TV berperanan membantu JAKIM mencapai misi dan visi organisasi melalui konsep dakwah media dan media baru.

Unit TV menerbitkan 24 rancangan di TV1 berbahasa melayu, 3 rancangan berbahasa Tamil dan mandarin termasuk dua rancangan hiburan Islam. Manakala Unit Radio menerbitkan lebih 80 rancangan harian dan mingguan termasuk rancangan dalam bahasa Tamil, Mandarin, Inggeris dan bebarapa bahasa suku kaum bumiputera seperti bahasa temuan, jakun, temiar dan sebagainya. Unit radio juga bersiaran melalui radio rasmi jakim Salam FM (91.1) yang bersiaran dari jam 10 malam hingga 8 pagi yang mempunyai pengikut dan pendengar setianya sendiri.

Pada tahun 2014 Bahagian ini mengorak selangkah ke hadapan lagi dengan penerbitan radio internet Salamfm.net dengan mota ilmu merentas sempadan. Walaupun masih dalam bentuk siaran percubaan, sistem radio tersebut telah mencatat sebanyak 71 buah negara mengikuti siaran radio tersebut. Sehingga kini sebanyak lebih kurang 3,700 pendengar dari seluruh dunia mengikutinya seperti USA, Brazil, Singapore, Netherlands, Italy dan lain-lain lagi. Radio internet boleh dilayari melalui website salamfm.net. Radio ini akan dirasmikan tidak lama lagi.

JAKIM diberi kepercayaan dan tanggungjawab menerbitkan acara - acara rasmi agama dengan secara langsung dengan kerjasama RTM , seperti siaran langsung majlis Sambutan Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Majlis Tilawah Al Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Bahagian ini juga aktif melaksanakan kerja amal dan aktiviti kemasyarakatan dengan meneruskan tradisi Unit Radio menerbitkan program Salam Iftar dan Salam Sahur Ramadhan di 5 buah pusat kebajikan anak yatim sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang mendapat sokongan padu dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan beberapa pihak NGO.












16 rancangan menunjukan prestasi yang sangat memberangsangkan apabila dilihat peningkatan rating penonton mencapat lebih dari 30 juta penonton dari bulan Disember 2014 sehingga bulan Mei 2015 sebagaimana carta di bawah :




MEDIA CETAK

Bahan Bacaan Terbitan JAKIM

JAKIM memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah melalui pelbagai saluran. Antara bidangnya ialah dakwah bil hal, penyiaran, pendidikan, modal insan dan juga melalui terbitan buku-buku dan majalah-majalah khas. Antara yang telah diterbitkan oleh JAKIM ialah :

Bil	Kategori Bahan Terbitan	Tajuk
1	Buku	-Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa -Sebuah Tempat Bernama Kaabah
2	Majalah	-Majalah Pendidik -Majalah Cahaya -Majalah Sinar Rohani
3	Buletin	-Buletin Harian Tilawah sempena Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa.
4	Risalah Khas	-Perpaduan Nadi Transformasi Negara -Maulidur Rasul -Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia
5	Risalah Yassin	-Sempena Hari Keputraan DYM SPB Yang Di-Pertua Agong -Sempena Hari Pahlawan. -Sempena Maal Hijrah .
6	Buku Braille	-Dilema Wanita Bekerjaya -Garis Panduan Nikah Cerai Rujuk -“Allah” Kalimah Tauhid -Poligami di Malaysia -Tragedi MH370 -Elak Sambut Valentine’s Day -Hujjah Menolak penggunaan Kalimah Allah oleh Kristian. -Fatwa Munakahat -Panduan Solat Sunat Tarawih.


MASTIKA
HADITH
RASULULLAH SAW
MUQADDIMAH
&
JILID
1
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA


MAULIDUR
RASUL SAW
1436H/2015M
PERPADUAN NADI
TRANSFORMASI NEGARA
Oleh :
DR. ZULFAQAR MAMAT
AHMAD TARMIZI MAHMUD


PANDUAN
Sembahyang
Sunat Tarawih

PROMOSI BAHAN TERBITAN JAKIM DAN JUALAN LUAR PEJABAT

JAKIM aktif menjelajah ke seluruh Negara dalam mempromosikan buku-buku terbitan JAKIM sepanjang 2013, JAKIM menjalankan akiviti memperkenalkan buku-buku bagi menggalakkan rakyat menambah minat membaca dan menambah nilai penghayatan Islam melalui pembacaan buku-buku berbentuk Islamik.

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1.	9 Jan 2014	Jualan buku sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jakim dan Pelancaran Buku Diskusi Isu Akidah & Pemikiran Semasa	Auditorium D8 Kompleks D
2.	21 Jan 2014	Jualan buku sempena Majlis Penyampaian Amanat YB Menteri di Jab. Perdana Menteri	Auditorium D8 Kompleks D
3.	3-4 Mac 2014	Promosi dan jualan buku anjuran Perpustakaan KDN	Blok D1, Kompleks D
4.	28 Feb-9 Mac 2014	Ekspo Buku Islam 10, Putrajaya	Dewan Cempaka Sari, Presint 3, Putrajaya
5.	17 Mac 2014	Jualan buku sempena Multaqa Imam, Guru Takmir di Melaka	Dewan Masjid Al- Azim, Melaka
6.	19 Mac 2014	Jualan Buku sempena Kongres Kepimpinan Wanita Islam Peringkat Kebangsaaan kali 2	Dewan Besar IKIM, Jalan Duta, Kuala Lumpur
7.	31 Mac 2014	Jualan buku sempena Multaqa Imam, Guru Takmir di Terengganu	Dewan Utama, Wisma Darul Iman, K.Terengganu
8.	24 April – 4 Mei 2014	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur
9.	14 – 16 Mei 2014	Jualan buku sempena Festival Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2014	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

LAPORAN TAHUNAN (2014) JUALAN BUKU JAKIM


(Kutipan Jualan Bagi Kedai Buku JAKIM Kompleks D dan Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin)

BIL.	BULAN	KEDAI BUKU/JUALAN LUAR PEJABAT	NASKHAH	NILAI (RM)
1	**Januari**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	1,660	30,423.95
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	127	1,375.55
JUMLAH KESELURUHAN			**1,787**	**31,799.50**
2	**Februari**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	1,234	20,717.50
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	138	3,100.05
JUMLAH KESELURUHAN			**1,372**	**22,859.14**
3	**Mac**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	2,655	19,675.49
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	33	578.15
JUMLAH KESELURUHAN			**2,688**	**20,253.64**
4	**April**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	4100	25,633.79
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	69	3,071.70
JUMLAH KESELURUHAN			**4,169**	**28,705.49**
5	**Mei**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	2,800	25,132.76
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan		
JUMLAH KESELURUHAN			**2,800**	**25,132.76**
6	**Jun**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	355	6,408.50
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan		
JUMLAH KESELURUHAN			**355**	**6,408.5**
7	**Julai**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	1,237	7,225.80
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan		
JUMLAH KESELURUHAN			**1,237**	**7,225.80**
8	**Ogos**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	505	3,074.80
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	110	1,749.20
JUMLAH KESELURUHAN			**615**	**4,824.00**
9	**September**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	1,859	14,619.00
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	112	1,673.20
JUMLAH KESELURUHAN			**1,971**	**16,292.20**
10	**Oktober**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	949	14,127.35
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	123	2,266.80
JUMLAH KESELURUHAN			**1,072**	**16,394.15**
11	**November**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	3,200	36,762.65
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	239	4,658.80
JUMLAH KESELURUHAN			**3439**	**41,421.45**
12	**Disember**	Kedai Buku Jakim Kompleks D	2,542	39,568.12
		Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan	217	1,869.50
JUMLAH KESELURUHAN			**2759**	**41,437.62**
JUMLAH KESELURUHAN TAHUNAN (2014)			**24,264**	**262,754.25**

PERPUSTAKAAN AWAM ISLAM (PAI)

PAI yang terletak di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan mengenai Islam kepada warga JAKIM, komuniti setempat dan orang awam. Sehingga tahun 2014, PAI mempunyai 144,843 naskhah koleksi bahan rujukan.


Carta 1 : Koleksi Perpustakaan PAI bagi tahun 2014



Pengguna Perpustakaan

Jumlah pengguna perpustakaan PAI bagi tahun 2014 adalah seramai 7,768 orang. Butiran terperinci adalah seperti berikut : -

Carta 2 : Statistik Pengguna PAI bagi tahun 2014



Pinjaman Bahan Perpustakaan


Jumlah permohonan pinjaman bahan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 1,028 pinjaman.

Pertanyaan Rujukan

Perpustakaan menerima sebanyak 770 pertanyaan rujukan sepanjang tahun 2014.

Carta statistik pencapaian perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Carta 3 : Statistik Perkhidmatan PAI bagi tahun 2014




Jenis Bahan yang dirujuk

(a) Koleksi Umum
Sebanyak 2,030 naskhah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2014.

(b) Koleksi Arab
Sebanyak 205 naskhah koleksi Arab dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2014.

Berikut adalah carta statistik buku dirujuk di PAI bagi tahun 2014.

Carta 4 : Statistik buku yang dirujuk bagi tahun 2014



MEDIA BAHARU

1. *Jakim.TV*

Jakim.TV adalah siaran WebTV JAKIM. Ia merupakan medium baharu yang memuatkan hasil produksi JAKIM. Ia boleh dilayari dengan melawati http://www.jakim.tv yang memuatkan koleksi video serta arkib rancangan RTM khususnya yang berkaitan Islam bertujuan bagi meningkatkan penerbitan kandungan Islamik tempatan yang lebih berkualiti, holistik dan berterusan untuk mengimbangi kandungan dari luar yang bercanggah dengan nilai agama dan sosio-budaya Malaysia. Buat permulaannya, kebanyakan kandungan JAKIM. TV adalah berbentuk *video on demand* (VoD).

Jakim.TV menjadi satu-satunya saluran media webtv berwibawa, berteraskan Islam yang diiktiraf MyAIM (Malaysian Authoritative Islamic Media) di Malaysia. Ia selari dengan tujuan kerajaan dalam menjadikan sistem penyampaian kerajaan yang cekap, mudah, cepat dan mesra pengguna selain berperanan sebagai media alternatif dakwah baru yang tidak diragui kewibawaannya sebagai panduan umat Islam di peringkat nasional dan antarabangsa. Ia boleh dilayari dari negara luar seperti Thailand, Singapura, Indonesia, United Kingdom, Brunei, AS, Asutralia dan Mesir. Ternyata Jakim.TV merupakan hasil inovasi yang sangat inovatif, signifikan serta berimpak tinggi kerana berjaya menggabungkan perisian terbuka (*open source software*) dengan teknologi "*adaptive video streaming*" terkini daripada Microsoft sekaligus memudahkan penyampaian dakwah dan tarbiyah melalui *internet*. Sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 bertemakan "Menyemarak Inovasi Merealisasi Transformasi", JAKIM menerusi projek Jakim.TV ini telah dinobatkan sebagai Johan dalam Anugerah Inovasi JPM 2013 (Kategori ICT).



Anugerah Inovasi JPM 2013 (Kategori ICT) telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin.



Paparan muka depan Jakim.TV


2. Sistem Dashboard JAKIM

Sistem Dashboard JAKIM merupakan salah satu komponen utama dalam *Malaysian Islamic Service and Bussiness Intelligence* (MISB). Sistem Dashboard ini menampilkan inovasi dari aspek pembentangan data dan maklumat berkenaan hal ehwal Islam (HEI) untuk tujuan membuat keputusan dan tindakan yang tepat dalam penyediaan perancangan strategik dan juga dalam menangani isu-isu hal ehwal Islam semasa. Sistem ini mula dibangunkan pada tahun 2012 dan mula digunakan pada tahun 2013. Ia boleh dilayari dengan melawat ke http://dashboard.islam.gov.my.

Sistem Dashboard JAKIM ini diambil dari sistem sebenar atau laporan "*stand alone*" yang kemudian dijana dan dikumpulkan menjadi data berpusat yang boleh dicapai bila-bila masa dan di mana sahaja. Ia terbahagi kepada 9 modul utama iaitu;

1. Modul Laporan Halal – Ringkasan Laporan aktiviti Pensijilan Halal
2. Modul Laporan Pas Lawatan Ikhtisas
3. Modul Laporan Kewangan
4. Modul Laporan Sumber Manusia
5. Modul Laporan Mesyuarat
6. Modul Laporan Key Performance Indicators (KPI)
7. Modul Laporan Sasaran Kerja Strategik (SKS)
8. Modul Laporan Pendidikan Islam
9. Modul Laporan Masjid & Imam


Kesimpulannya, sistem Dashboard Jakim memudahkan pengurusan JAKIM dan *stakeholders* JAKIM yang lain mendapatkan maklumat berkenaan hal ehwal Islam secara online yang bersifat sentiasa kemas kini, menyeluruh, lengkap dan mesra pengguna. Ia dipecahkan berdasarkan bahagian-bahagian dan pengguna yang bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat dan disediakan dengan kawalan keselamatan yang kukuh.




Muka hadapan Dashboard Jakim




Modul-modul yang terdapat pada Dashboard JAKIM




Contoh Laporan Halal pada Dashboard JAKIM



Contoh Laporan Halal



Contoh laporan penjawatan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JAKIM



Contoh Laporan Sasaran Kerja Strategik oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

3. *Portal Masjid Malaysia*

Selaras dengan visi Islamic Portal, Islamic Model for the World, JAKIM bergerak selangkah lagi ke hadapan dengan membangunkan Portal Masjid Malaysia. Portal ini diwujudkan bertujuan memberi maklumat dan informasi berkaitan masjid seperti perkhidmatan direktori dan informasi berhubung masjid dan surau, statistik bilangan masjid dan surau di Seluruh Malaysia, integrasi dengan e-khutbah dan e-penerbitan berkaitan masjid, berita terkini, aktiviti-aktiviti masjid dan sebagainya. Kewujudan portal ini telah memberi banyak informasi berguna ke arah melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap masjid dengan pelbagai aktiviti dan program pengimarahan kepada semua lapisan masyarakat. Portal ini boleh dilayari dengan melawat ke http://masjid.islam.gov.my



HARI KEBESARAN ISLAM

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M telah diadakan dengan jayanya pada 12 Rabi'ulawwal 1435H bersamaan 14 Januari 2014 (Selasa), bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya.

Dengan bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri, YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor; YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YBhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman; YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M, dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan itu turut disertai lebih 13,500 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Dalam majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan (9) penerima anugerah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW dan Anugerah Maulidur Rasul SAW. Penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW bagi tahun 1435H/2014M ialah YBrs. Dr. Mohd Daud bin Bakar, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM50,000, sijil, plak serta hadiah iringan Mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Manakala, penerima-penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW pula ialah YBhg.Tan Sri Abdul Kader Talip (Bekas Mufti Wilayah Persekutuan), YBhg. Dato' Faiza bin Haji Thamby Chik (Felo Kehormat Universiti Sains Islam Malaysia), YBhg. Datuk Wira Hj. Hamza bin Taib (Pesuruhjaya Polis Sabah), YBhg. Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM: 2013-2016), YBhg. Prof. Dato' Zakaria bin Stapa (Pensyarah di Jabatan Akidah dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), YBhg. Datin Rosmiyati binti Haron (Mantan Pengarah Bahagian Latihan Jakim), YBrs. Encik Azimi Kassim @ Pak Ngah, (Juruhebah Radio Salam FM) dan Allahyarham Ahmad Ammar bin Ahmad Azam (Pelajar Malaysia di Turki dan Sukarelawan Malaysia). Masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, sijil, plak serta hadiah iringan mashaf al-Qur'an dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Qur'an yang bernilai RM 3,000.00. Majlis sambutan ini diakhiri dengan ceramah khas yang disampaikan oleh pendakwah bebas, YBrs. Ustaz Mohammad Kazim bin Elias.











Suasana sepanjang majlis Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M

MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1436H/2014M

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2014M pada 25 Oktober 2014 (Sabtu) bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Penyertaan melebihi 4,500 orang terdiri daripada 100 pasukan kontinjen daripada jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan swasta.

Tema sambutan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara" amat bertepatan dengan usaha Kerajaan yang inginkan rakyat negara ini bersatu padu, bekerjasama, saling memahami dan menerima di antara satu sama lain atas dasar akidah supaya dapat direalisasikan sebagai sebuah negara unggul dengan wujudnya konsep "*unity in diversity*".


Kemuncak bagi Majlis Sambutan Maal Hijrah ini adalah penganugerahan tokoh Maal Hijrah di mana YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara dinobatkan sebagai tokoh Peringkat Kebangsaan tahun 1436H/2014M. Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 100,000.00, sebuah plak, pingat dan sijil penghargaan.



Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/ 2014M



YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman menerima plak daripada YAB Perdana Menteri.


JAKIM

PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KEMASYARAKATAN

PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KEMASYARAKATAN

Kemajuan negara yang mapan perlu diintegrasikan dengan pembangunan modal insan yang seimbang. Pembangunan modal insan yang seimbang lahir daripada institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan yang kukuh dan stabil. Oleh itu, Jakim bersama agensi agama di peringkat negeri sentiasa menjalin kerjasama untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti melaksanakan program dengan berdasarkan Pelan Strategik Jakim 2009-2014 iaitu **Memantapkan Kefahaman Dan Penghayatan Islam Secara Syumul Bagi Melahirkan Khaira Ummah. Antara program yang dilaksanakan adalah dari aspek** :

1. Penyelarasan nikah, cerai, ruju'
2. Pembangunan dasar, modul/manual dan pelan tindakan
3. Pendidikan kekeluargaan,
4. Rawatan kepada kumpulan sasar terdiri dari juvana, orang kena pengawasan dadah, LGBT dan sebagainya.


PENYELARASAN NIKAH, CERAI RUJU'

Jakim sebagai agensi penyelaras telah mengadakan penyelarasan urusan nikah, cerai dan ruju' umat Islam di Malaysia dan warganegara Islam Malaysia yang berada di luar Negara. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah :

1. Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai, Ruju' Seluruh Malaysia
   a) Kali ke 30 telah diadakan pada 16-18 Jun 2014 bertemapat di Hotel Grand Continental, Kuantan,Pahang.
   b) Kali ke 31 pada 24-26 November 2014 di Suria City Hotel, Johor
2. Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai, Ruju' (KPNCR) dan Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (KpJKSN) Seluruh Malaysia pada 12-13 Oktober 2014 di Hotel Pantai Puteri, Melaka NCR Luar Negara
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi penyediaan Tatacara Pengurusan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam yang Tinggal Tanpa Dokumen Lengkap di Malaysia
   a) Siri 1 - pada 9-11 April 2014 di Selesa Beach Resort, N. Sembilan
   b) Siri 2 - pada 14-16 Oktober 2014 di Hotel Pantai Puteri, Melaka
4. Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai, Ruju' (KPNCR) dengan Selatan Thailand pada 9-11 Jun 2014 di Kelantan

Penyelarasan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM)

Carta 1 : Pelaksanaan SPPIM



Jadual 1 : Status Pelaksanaan SPPIM Mengikut Modul

	N.Sembilan	Melaka	Perlis	Kedah	Perak	JAWI KL	Catatan
Backlog NCR	√	√	√	√	√	x	
BN	√	√	√	√	√	x	
BNO	√	√	√	√	√	x	
Nikah	√	√	√	√	√	x	Cetakan sijil belum dibuat
Cerai	√	√	√	√	√	x	
Rujuk	√	√	√	√	√	x	
Rundingcara	√	√	√	x	x	√	

Multaqa' Pendaftar / Penolong Pendaftar Nikah, Cerai Ruju'

Pada 10 November 2014 bertempat di Masjid Al-Azim, Melaka, Jabatan Kemajuan Islam Melaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Melaka telah menganjurkan Multaqa Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Peringkat Negeri Melaka.



Ucapan Perasmian penutupan oleh Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka YBhg. Datuk Wira Yaakob bin Md Amin



Ucapan aluan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial Dan Komuniti, Jakim, YBhg. Tuan Haji Zakuan bin Sawai

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman dan pendedahan berhubung prosedur nikah, cerai dan ruju' di Malaysia serta mempertingkatkan keberkesanan proses urusan perkahwinan orang Islam di Malaysia dan di luar negara supaya selari dengan undang-undang dan peraturan Negara.

Program ini dimulakan dengan sesi forum yang melibatkan dua orang panel iaitu Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. S.S. Dr Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka, Y.A. Tuan Abu Sufian bin Abu Yaziz, dengan tajuk : **Nikah Sindiket : Pandangan dari Sudut Syara' dan Perundangan.**

JAKIM juga berperanan memberi pendidikan dan kefahaman secara berterusan kepada kakitangan awam dan masyarakat Islam umumnya mengenai kekeluargaan dan sosial.



Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. S.S.Dr. Zulkifli Mohamad al- Bakri menerangkan Isu Nikah Sindiket Dari Pandangan Syara'



Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka, Y. A. Tuan Abu Sufian bin Abu Yaziz menjelaskan Isu Nikah Sindiket dari Aspek Perundangan



Majlis Penyampaian cenderahati kepada Penolong Pendaftar Nikah, Cerai, Ruju' Peringkat Negeri Melaka



Perhatian yang diberikan oleh Penolong Pendaftar yang hadir

SEMINAR KAUNSELING SYARIE PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2014

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengadakan Seminar Kaunseling Syarie Peringkat Kebangsaan Tahun 2014 dan Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jakim dan LPPKN pada 5 November 2014 (Rabu) bertempat di Dewan Putra, Hotel Putra, Kuala Lumpur.



Kerjasama strategiK antara JAKIM dan LPPKN

Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim.



Ucapan perasmian oleh Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarg satua dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim memberi ucapan

Dalam majlis yang sama, Majlis Pemeteraian MoU antara Jakim dan LPPKN dengan ditandatangani oleh Ketua Pengarah Jakim, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha dan Ketua Pengarah LPPKN, YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail yang disaksikan oleh kedua-dua menteri. Kerjasama yang dipersetujui adalah berbentuk perkongsian program kekeluargaan dan perkongsian data dan hasil penyelidikan, bahan penerbitan serta maklumat yang berkaitan kedua-dua agensi ini.



Ucapan seminar oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, YBhg. Dato' Razali bin Shahabudin



Pemeteraian MoU ditandatangan oleh Ketua Pengarah Jakim, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha dan Ketua Pengarah LPPKN, YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail

Bertemakan '**Membina Kesejahteraan Ummah dan Kestabilan Sosial**', seminar ini diadakan bagi membincangkan peranan psikologi dan Kaunseling Syarie secara menyeluruh dalam pembangunan ummah serta peranannya dalam membantu kerajaan untuk mengatasi permasalahan sosial yang dilihat semakin membimbangkan pada masa kini. Kaunseling Syarie berfungsi sebagai penunjuk jalan atau pemandu klien untuk mencari jalan dan membuat pilihan dengan berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Antara isu yang dibincangkan ialah Isu Sosial dan Keluarga Islam Isu dan Cabaran Keluarga daripada Perspektif LPPKN serta Keperluan dan Cabaran Kaunseling Syarie Dalam Pembangunan Ummah.



Sebahagian peserta yang hadir terdiri dari Pegawai Rundingcara Negeri, Kementerian dan Jabatan kerajaan

KONVENSYEN PEMERKASAAN UMMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

Dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu semasa berkaitan keluarga, sosial dan komuniti Islam selain untuk memperkasakan kerjasama strategik di antara agensi secara holistik dan berkesan, bahagian ini telah menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Ummah Peringkat Kebangsaan 2014.

Konvensyen yang diadakan pada 24-25 Jun 2014 di Dewan Melawati, Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, Selangor ini adalah anjuran bersama Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) Jakim dan Sektor Pembangunan Sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).



Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Dato' Hj. Othman bin Mustapha



Pembentangan kertas kerja oleh Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri



Sesi soal jawab

Konvensyen yang membawa tema **"Kesejahteraan Ummah Tanggungjawab Bersama"** ini turut memfokuskan kepada pendekatan pembebasan asnaf al-Riqabdaripada permasalahan sosial serta mekanisme penglibatan dan peranan pemimpin negara dan negeri, agensi awam dan swasta serta pihak-pihak yang berkenaan dalam menangani isu umat Islam ini.



Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa menerima cenderahati dari Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, Tuan Haji Zakuan bin Sawai

Majlis Perasmian konvensyen telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jakim. Pada majlis tersebut, beliau juga telah menyempurnakan pelancaran 3 Manual Sosial Islam terbitan JAKIM iaitu Manual Kaunseling Syarie, Manual Islam dan MakNyah dan Manual Sukarelawan Sosial Islam.

SEMINAR RUMAHKU SYURGAKU

Bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah berlangsung Seminar Rumahku Syurgaku (RKSK) Peringkat Kebangsaaan Program yang diadakan pada 27 Oktober 2014 (Isnin) ini bertemakan: "MENITI BAHAGIA HINGGA KE SYURGA" dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri , YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B).

Sempena seminar ini juga diadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula PPKI & PPS kepada Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK). Pusat ini berfungsi membantu masyarakat dalam menangani isu keluarga dan masyarakat. Pusat ini telah diwujudkan dan dibawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia.



Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), melancarkan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti



Forum bertajuk ' Meniti Bahagian Hingga ke Syurga'



Peserta yang terdiri dari kakitangan kementerian/jabatan





KONGRES KEPIMPINAN WANITA ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) telah menganjurkan Kongres Kepimpinan Wanita Islam Peringkat Kebangsaan 2014 pada 19 Mac 2014. Kongres yang diadakan di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ini dirasmikan oleh oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir B. Hj. Baharom (B)

Kongres ini bertemakan, **"Kepimpinan Wanita Pemacu Transformasi Ummah"** dan antara isu yang diketengahkan dalam pembentangan ini ialah **Wanita, Pemimpin atau Dipimpin, isu Wacana Kesetaraan Gender : Kekeliruan Feminis Muslim, Isu-isu Kepimpinan Wanita di Peringkat Global**



Peserta yang terdiri dari kakitangan kementerian/jabatan



Antara panel pembentang



Forum yang membicarakan isu,"Wanita dan Cabaran kementerian/jabatan

Kongres yang bertemakan, **"Kepimpinan Wanita Pemacu Transformasi Ummah"** diteruskan pada sebelah petangnya dengan forum yang mengupas isu,**"Wanita dan Cabaran Sekularisme"** oleh ahli-ahli panel yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang iaitu,Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, Pensyarah dari Universiti Malaya, Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Dr. Asyraf Wajdi bin Datuk Haji Dusuki, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Manakala moderator forum adalah Prof. Datin Dr. Azizan binti Baharuddin, Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) merangkap Ahli PISWI.



Kepimpinan wanita dari pelbagai peringkat menghadiri kongres ini

Menyedari kepentingan kepimpinan wanita sebagai pemacu tranformasi ummah, Kongres Kepimpinan Wanita Islam Peringkat Kebangsaan 2014 telah bersetuju menggariskan resolusi berikut:

Pertama :
Islam mengiktiraf peranan dan tanggungjawab wanita sama ada sebagai anak, isteri, ibu dan pekerja. Setiap peranan dan tanggungjawab tersebut mestilah dilaksanakan menurut tuntutan syarak. Di samping itu, perjuangan memartabatkan kedudukan wanita Islam hendaklah berlandaskan prinsip kesamarataan (equality) yang berteraskan keadilan (equity). Wanita yang memimpin tanpa mengira peringkat kepimpinan mesti melengkapkan diri mereka dengan iman, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Justeru, wanita mestilah diberi galakan, sokongan dan kemudahan prasarana untuk memimpin dan memberi sumbangan dalam pembangunan sosial masyarakat dan negara mengikut kepakaran masing-masing di samping sentiasa bersedia untuk dipimpin mengikut kesesuaian.

Kedua :
Kepimpinan adalah suatu kewajipan setiap manusia tanpa mengira jantina dan ia adalah suatu yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Matlamat memimpin hendaklah membawa kepada sebaik-baik ummah (khayra ummah).

Ketiga :
Penindasan dan diskriminasi terhadap wanita hendaklah dihindari oleh semua pihak agar keharmonian dalam masyarakat terjamin berdasarkan keadilan dan bukan kesamarataan jantina (gender equally) semata-mata.

Keempat :
Penglibatan dan peluang kepada pemimpin wanita Islam dalam setiap aspek pengurusan perlu ditambah melalui pelbagai agensi termasuk institusi keagamaan supaya saling melengkapi antara satu sama lain.

Kelima :
Program penjelasan dan pendidikan bagi menangkis pelbagai aliran pemikiran hendaklah disebarluaskan kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai medium.

Keenam :
Satu piagam wanita Islam di peringkat nasional hendaklah diwujudkan sebagai rujukan dan panduan berkaitan isu-isu wanita Islam di Malaysia.

Ketujuh :
Institusi kekeluargaan yang merupakan asas paling utama dalam pembentukan keperibadian muslim hendaklah diperkukuhkan menerusi pendidikan Islam yang syumul bagi melahirkan pemimpin yang berwibawa kepada generasi yang akan datang.

PELANCARAN SUKARELAWAN SOSIAL ISLAM



Timbalan Ketua Pengarah (PI) YBhg. Dato' Hj. Razali bin Shahabudin melancarkan Kelab Sukarelawan



Pelancaran Kelab Sukarelawan Sosial Islam oleh TKP9PI)

Pada 2 Mac 2014 bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telahberlangsung Seminar Sehari Mengenai Kesukarelawan. Program ini anjuran bersama Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK), Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Dalam seminar ini telah diadakan Majlis Pelancaran Kelab Sosial Islam bernaung di bawah Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan),YBhg Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Jakim. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Yayasan Ihtimam Malaysia, YBhg Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi Yayasan Ihtimam Malaysia, YBhg Tan Sri Zaman Khan Bin Rahim Khan, barisan pemimpin Pertubuhan Bukan Kerajaan, wakil agensi-agensi agama peringkat zon tengah dan selatan Semenanjung Malaysia.

Antara pengisian ialah:

1. Wacana Bersama Pemimpin NGO iaitu YBhg Dato' Dr Abdul Razak bin Kechik, Presiden Malaysia Relief Agency (MRA), Dr. Abdullah Sudin Ab Rahman, Presiden Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) dan Tuan Haji Zairulshahfuddin B. Zainal Abidin, Pengarah Negara Islamic Relief Malaysia (IRM).



2. Pengenalan Asas Gerak Kerja Sosial Menangani Isu-isu yang dikendalikan oleh tiga orang fasilitator dari NGO iaitu En. Mohd Rashid bin Hashim, Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia, Encik Nurfitri Amir bin Muhammad, Pertubuhan Menangani Gejala Sosial (UNGGAS) Malaysia dan Encik Mohamad Raffie bin Jaafar, **Pertubuhan Amal Firdausi Kuala Lumpur (PAFI).**





3. Slot *Sharing is Caring – Outreach* : '*Best Practice*' Sukarelawan Sosial Islam menangani isu-isu. Slot ini diadakan secara berkumpulan dengan kendalian empat orang fasilitator. Pada slot ini para peserta diberikan pendedahan yang lebih lanjut dan perkongsian pengalaman dari fasilitator serta para peserta itu sendiri.

Selaras dengan pelancaran Kelab ini, keahlian akan dibuka kepada mana-mana individu yang berminat dengan beberapa syarat yang dikenakan iaitu:

KEAHLIAN KELAB SUKARELAWAN SOSIAL ISLAM

- **Warg anegara Malaysia yang beragama Islam dan berumur lebih daripada 18 Tahun ke atas;**
- **Mestilah berdaftar dengan Yayasan Ihtimam Malaysia atau dengan unit sukarelawan di bawah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM ; dan**
- **Mestilah melepasi 3 fasa Latihan ToT (Training for Trainers) dan 1 sesi Temuseru yang diiktiraf oleh Kelab atau pun JAKIM.**

PROGRAM RINTIS KURSUS PASCA PERKAHWINAN

Pada tahun 2012, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pembangunan Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK) telah pun membangunkan Modul Pasca Perkahwinan dengan membahagikan tempoh perkahwinan kepada 4 fasa iaitu tempoh perkahwinan 0-5 tahun (Fasa Bulan Madu), tempoh perkahwinan 6 – 10 tahun (Fasa Sehati Sejiwa), tempoh perkahwinan 11 – 20 tahun (Fasa Semarak Kasih) dan tempoh perkahwinan 21 tahun ke atas (Fasa Syurga Cinta).

Bagi mendapatkan kajian impak terhadap keberkesanan kursus sekaligus memudahkan pelaksanaan di peringkat pelaksana, satu Program Rintis bagi setiap fasa telah dirancang dan selesai diadakan sepanjang tahun 2013 - 2014 ini.

Objektif Program Rintis ini terbahagi kepada dua iaitu:

Memberi pendedahan teknik dan kemahiran suami isteri dalam menguruskan soal-soal kehidupan berumahtangga dan Memberi kesedaran / motivasi tentang peranan dan tanggungjawab suami isteri/ibu bapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia;



Pada tahun 2014, program rintis bagi tiga fasa telah dilaksanakan iaitu:

1. Fasa Semarak Kasih bagi 11-20 tahun tempoh perkahwinan telah diadakan pada 5-7 September 2014 bertempat di Hotel Summit USJ, Subang Jaya. Ia melibatkan pasangan suami isteri yang telah melalui tempoh perkahwinan antara 11-20 tahun.







2. Fasa Syurga Cinta melibatkan pasangan suami isteri 21 tahun ke atas tempoh perkahwinan telah diadakan pada 9-11 Mei 2014 di Pusat Latihan Sarawak





3. Fasa Sehati Sejiwa untuk pasangan suami isteri bagi 6-10 tahun tempoh perkahwinan. Ia diadakan pada 18-20 November 2014 di Maktab Tentera Laut DiRaja Malaysia, Lumut, Perak.







DASAR KEKELUARGAAN, SOSIAL DAN HAL EHWAL WANITA

Bahagian ini juga dipertanggungjawabkan untuk membangunkan dasar, pelan tindakan, manual, program-program berkaitan kekeluargaan, sosial dan komuniti dan sebagainya.

Mesyuarat Penyelarasan Program Kekeluargaan, Sosial dan Komuniti JAKIM dan JAIN 2014

Mesyuarat kali pertama telah diadakan pada 23 Januari 2014 di InstitutLatihan Islam Malaysia. Tujuan mesyuarat adalah untuk menyelaras dan memperkasa gerak kerja secara bersepadu dan holistik di antara JAKIM dan JAIN berkaitan program kekeluargaan, sosial dan komuniti. Selain itu, dapat meningkatkan perkongsian strategik dari aspek inovasi idea dan sumbang saran, penyediaan tenaga penceramah / fasilitator / sukarelawan, pelaksanaan modul-modul / bahan terbitan yang berkaitan, penyediaan logistik dan lain-lain bagi mencapai objektif yang dirancang dengan lebih berkesan.

Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial 2014

Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial Kali Ke-2 telah diadakan pada 4 - 6 Mei 2014 di RHR Hotel @ UNITEN Bangi, Selangor. Manakala persidangan Kali Ke-3 telah diadakan pada 31 Oktober& 1 November 2014 di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Tujuan persidangan dilaksanakan adalah untuk menyelaras gerak kerjadi antara JAKIM, JAIN, IPTA dan NGO yang berkaitan bagi menangani gejala sosial yang kritikal. Pada tahun ini tumpuan diberikan kepada pembangunan Pelan Tindakan Rawatan dan Pemulihan Kepada Golongan Kecelaruan Jantina (LGBT).

Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara 2014

Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara 2014 kali pertama telah diadakanpada 28-30 September 2014 di De Palma Hotel Ampang, Selangor. Tujuan bengkel adalah untukmerangka dan membangunkan pelan tindakan bagi memperkukuhkan lagi institusi kekeluargaan Islam di Malaysia berpandukan kepada Dasar Keluarga Sakinah Negara yang telah digubal oleh JAKIM pada tahun 2010.

RAWATAN DAN PEMULIHAN ('ILAJ WA SHIFA)

Tadarus Perdana

Mengambil peluang keemasan di bulan Ramadhan ini, Majlis Tadarus Al-Quran Perdana dan Berbuka Puasa Bersama Asnaf Riqab 2014 telah diadakan pada 20 Julai 2014 (Ahad) bertempat di Laman Kayangan, Kompleks Belia & Sukan Negeri Selangor, Shah Alam. Majlis telah dijayakan dengan anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM). Majlis tersebut telah dihadiri hampir 550 orang termasuk para peserta yang diraikan dan tetamu jemputan.



Majlis Tadarus Al-Quran



Majlis Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Us. Amirrahman bin Abas



Majlis Perasmian



Majlis penyampaian sumbangan

Antara pengisian ialah Majlis Tadarus Al-Quran Perdana, Majlis Khatam Al-Quran Perdana dijalankan dan diketuai oleh Qari Jemputan, Ustaz Amirahman bin Abas. Tazkirah Ramadhan juga turut diselitkan sebagai pengisian kerohanian. Manakala acara kemuncak bagi majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Razali bin Shahabuddin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), JAKIM dan diikuti penyampaian ucapan perasmian yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Bakhtiar bin Hussein, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor. Sempena mengambil keberkatan Ramadhan, penyampaian bantuan Ramadhan kepada asnaf riqab dan rumah pemulihan riqab telah diberikan kepada para peserta dengan pelbagai kategori sumbangan seperti yang telah ditetapkan.

PENGUKUHAN MODAL INSAN

PENGUKUHAN MODAL INSAN

PROGRAM PEMERKASAAN PHEI

JAKIM berperanan sebagai penggubal dasar bagi Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. JAKIM telah berjaya membangunkan Pelan Operasi Latihan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi Gred S 41 hingga S 48. Pelaksanaan program pembangunan latihan ini adalah dilaksanakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). BPI juga telah menggariskan Bidang Teras PHEI yang merangkumi 8 bidang Perkhidmatan Hal Ehwal Islam seperti :

a) Akidah dan Aliran Pemikiran
b) Dakwah dan Pembangunan Insa
c) Perundangan Islam
d) Tarbiyyah dan Tadribiyyah Islamia
e) Kewangan dan Ekonomi Islam
f) Pengurusan Halal Malaysia
g) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
h) Pengurusan Siasah Syariah

Latihan Dalam Tempoh Percubaan

JAKIM telah mengadakan Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam bertempat di Pusat Pemantapan Akidah (PPA) Jelebu pada 17 hingga 26 Sept 2014 kepada Kumpulan Pelaksana Gred S 17 seramai 47 orang. Kursus ini dilaksanakan berpandukan kepada modul i-Qawiyy al-Amin yang dibangunkan khusus memberi latihan kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan baru Skim Hal Ehwal Islam. Antara objektif kursus ini dilaksanakan adalah untuk membentuk warga perkhidmatan Hal Ehwal Islam yang bersikap positif, berintegriti dan berpersonaliti tinggi serta menerapkan pendekatan berhikmah ke arah melahirkan budaya kerja yang cemerlang.



Peserta Kursus PHEI sedang menjalani Riadhah Minda









Peserta Kursus Asas PHEI menjalani sesi Program Kembara

Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)

HLP merupakan tajaan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pegawai awam bagi membiayai kos pengajian di peringkat ijazah lanjutan iaitu Ph.D dan Sarjana. Secara automatik pegawai yang mendapat tajaan diberi cuti belajar bergaji penuh.

Sehingga 2014, JAKIM telah memberi peluang kepada pegawainya mengikuti pengajian dengan tajaan HLP di peringkat Ph.D seramai 36 orang, dan Sarjana seramai 159 orang. Peluang yang diberikan adalah sejajar dengan hasrat JAKIM bagi memantapkan modal insan dan melahirkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang ke arah memperkasakan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Seterusnya agar JAKIM dapat melahirkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berpendidikan tinggi, berkelayakan, dan berpengalaman luas yang mampu untuk menangani isu-isu semasa yang kompleks yang berlaku di dalam dan luar negara. Pegawai yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka pada tahun 2014 peringkat Ph.D adalah:

Bil.	Nama Pegawai	Bidang Pengajian	Tempat Pengajian
1.	Dr. Mohamad Marzuqi Bin Abdul Rahim	Pendidikan	UNIVERSITI YARMOUK JORDAN
2.	Dr. Zulfaqar Bin Mamat	Kefatwaan	UKM
3.	Dr.Yusaini Bin Yusoff	Dakwah	UKM

Manakala 7 orang pegawai yang telah dianugerahkan Ijazah Sarjana adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Bidang Pengajian	Tempat Pengajian
1.	Us. Mohd Roska Bin M. Rasidek	Dakwah	UKM
2.	Us. Khwar Izman Bin Ismail	Dakwah	UKM
3.	Us. Majdi Bin Mohamad Nor	Dakwah	UKM
4.	Us. Mohammad Azli Bin Ab.Rahman	Muamalat	UKM
5.	Us. Mohd Hidayat Bin Abd. Rani	Mualamalat	UM
6.	Mohd Haiyazid Bin Mohammad	Muamalat	UKM
7.	Us. Mohd Salleh Bin Ariff	Syariah- Fikh	UKM

PROGRAM PEMANTAPAN DAN PENYELARASAN PEGAWAI KADER

Selaku agensi pusat, JAKIM mengambil peranan menyelaras isu-isu berkaitan latihan dan kebajikan pegawai dan kakitangan JAKIM yang ditempatkan di luar ibu pejabat di 18 buah agensi kerajaan melalui pelbagai program. Bagi melahirkan pegawai kader yang profesional, kompeten dan berkualiti dalam melaksanakan tugasan hal ehwal Islam di agensi-agensi berkaitan.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Konvensyen Kader Zon Utara	8 Feb. 2014	Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah	170 orang
2.	Konvensyen Kader Zon Tengah	20 Feb. 2014	Auditorium Al-Syafei , ILIM	220 orang
3.	Konvensyen Pegawai Kader Zon Selatan	28-29 Ogos 2014	Hotel Sentral, Melaka	240 orang
4.	Konvensyen Kader Zon Sabah	28-29 Sept. 2014	PLI, Kundasang, Sabah	120 orang

Program Pemerkasaan PHEI Luar Negara

Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London merupakan program pemerkasaan modal insan khususnya bagi Pegawai Hal Ehwal Islam di peringkat global dengan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Seramai 18 orang Pegawai Hal Ehwal Islam telah berangkat ke United Kingdom pada 12 April 2014 bagi menghadiriK ursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London selama dua bulan bermula 14 April 2014 sehingga 13 Jun 2014. Para peserta terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat di JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan juga Tabung Haji.

Kursus ini merupakan salah satu program di bawah pembangunan kepimpinan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kearah melahirkan barisan kepimpinan di kalangan pegawai hal ehwal Islam yang lebih profesional, berfikiran matang dan dinamik. Selain itu, kursus ini juga merupakan satu medan bagi memberi pendedahan secara langsung kepada pegawai untuk meningkatkan kemahiran pengurusan, kepimpinan, kemasyarakatan, perbandingan agama dan komunikasi dalam Bahasa Inggeris selari dengan Pelan Laluan Kerjaya mengikut kehendak jabatan dan keperluan semasa.



Ketua Pengarah, JAKIM dan Timb. Ketua Pengarah (PI) hadir di KLIA menyampaikan pesanan sebelum peserta berlepas ke London



Kunjung hormat kepada TYT Datuk Ahmad Rashidi Bin Hazizi, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom



Khusyuk mendengar taklimat program daripada pihak penganjur



Mengenali kota London di minggu pertama



Sedang mengikuti kelas Perbandingan Agama

Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa

Seramai 16 orang Pegawai Hal Ehwal Islam berlepas ke Kaherah Mesir pada 30 Ogos 2014 bagi mengikuti Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa. Mereka terdiri daripada 7 orang pegawaiJakim yang mendapat tajaan penuh daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan 9 orang pegawai yang sedang bertugas di Jabatan Agama Islam Ne eri(JAIN) danabatan Mufti ditaja oleh agensi masing-masing. Program init urut disertai oleh Pegawai Agama dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Majlis Sukan Negara (MSN). Deligasi peserta kursus bagi tahun ini diketuai oleh Ustaz Anuar Hakim Bin Mohd Salleh dariJabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Kursus ini berlangsung selama 3 bulan iaitu bermula 1 September 2014 sehingga 27 November 2014 dikendalikan oleh pejabat Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Dakwah Islamiah al-Azhar Mesir. Kursus ini merupakan salah satu usaha Jakim untuk meningkatkan kemahiran, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman di kalangan pegawai Hal Ehwal Islam khususnya dalam pengurusan dakwah dan kefatwaan yang berhubungkait dengan masalah semasa ummah. Melalui kursus ini juga peserta akan diberi penekanan mengenai asas-asas ilmu bagi mengeluarkan sesuatu hukum disamping mendalami kemahiran pengurusan kefatwaan yang dikendalikan oleh Darullfta', Mesir.









Peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir

Kursus Imam dan Pendakwah

Kali kedua peluang diberikan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam untuk menyertai kursus Imam dan Pendakwah di Mesir. Kursus anjuran Lajnah al-'ulya lil Dakwah al-Islamiyyah al-Azhar al-Sharif di Mashikah al-Azhar Mesir telah berlangsung selama 3 bulan bermula 6 April 2014 sehingga 30 Jun 2014. Seramai 5 orang pegawai dipilih untuk menyertai kursus ini iaitu Ustaz Mohd Yazid Bin Disun dari Masjid Negara, Ustaz Huzaifah Bin Jalal Asnawi dari Masjid Tuanku Mizan, Ustaz Redzuan Bin Ahmad dari Darul Quran, Ustaz Zulkiffly Bin Adimun dari Jabatan Agama Islam Labuan dan Ustaz Mohd Razalieh Bin Matusin dari Majlis Agama Islam Labuan untuk siri I.

Bagi Siri ke II pula bermula pada September sehingga November 2014 telah dihadiri oleh Us. Mohd Najeeb Bin Abdul Rahim (S41) dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Us Adam bin Ibrahim (S 41) dari Jab. Agama Johor, Mohd Isa Bin Hj. Ab Rahman (S 32)dari Jab. Mufti Kedah, Mohd Shahir bin Annuar (S 27) MAIWP dan Mohd Firdaus Bin Rosli (S 27) Masjid Tuanku Zainal Abidin Jakim.

Pihak penganjur telah menaja penginapan dan makan minum sepanjang tempoh kursus. Selain JAKIM, penyertaan kursus seramai ini juga dihadiri oleh peserta dari negara India, Nigeria dan Binin. Menariknya, kursus ini memberi peluang kepada semua peserta untuk mendalami ilmu-ilmu agama mencakupi bidang fiqh dan akidah serta ilmu al-Quran secara langsung dari para ilmuan yang muktabar di Mesir. Kursus ini juga merupakan medium peningkatan keintelektualan modal insan dari kalangan pegawai hal ehwal Islam sebagai persediaan untuk menangani permasalahan masyarakat masa kini.



Kursus Imam dan Pendakwah Siri I



Kursus Imam dan Pendakwah Siri II

PENYELARASAN PUSAT-PUSAT AKADEMIK DAN PUSAT-PUSAT LATIHAN

Pembangunan Modul

Selaras dengan hasrat membentuk dan melahirkan modal Insan yang berkualiti dan cemerlang, Bahagian Pembangunan Insan turut membangunkan modul-modul latihan khusus bagi membina kemahiran dan meningkatkan pengetahuan para pegawai Hal Ehwal Islam. Pembangunan modul-modul latihan ini adalah berteraskan kepada lapan (8) bidang teras perkhidmatan hal ehwal Islam. Bagi tahun 2014, Bahagian Pembangunan Insan telah membangunkan sebanyak empat buah modul iaitu:

1- **Modul Sijil Tinggi Akidah dan Pemikiran Islam**
Modul Sijil Tinggi Akidah dan Pemikiran Islam yang komprehensif ini dibangunkan bertujuan membina kemahiran para pegawai Hal Ehwal Islam dalam empat bidang, iaitu Akidah, Perbandingan Agama, Tasawuf dan Pemikiran Islam.

2- **Modul Sijil Tinggi Pengurusan dan Kepemimpinan Islam**
Modul Sijil Tinggi Pengurusan dan Kepemimpinan Islam dibangunkan untuk membina kemahiran para pegawai Hal Ehwal Islam dalam aspek pengurusan dan kepemimpinan Islam.

3- **Modul Sijil Tinggi Pengurusan Harta dan Kewangan Islam**
Modul Sijil Tinggi Pengurusan Harta dan Kewangan Islam dibangunkan untuk membina kemahiran pegawai Hal Ehwal Islam dalam aspek pengurusan Harta dan Kewangan Islam.

4- **Modul Latihan Badan Pensijilan Halal Antarabangsa Filipina**
Modul Latihan Badan Pensijilan Halal Antarabangsa Filipina pula dibangunkan untuk memberi pendedahan kepada wakil pertubuhan Islam dari negara Filipina berkaitan prosedur bagi membangunkan badan pensijilan halal di Filipina.

Sebanyak dua (2) modul pula telah berjaya dicetak pada tahun 2014 iaitu:

1- **Modul Sijil Tinggi Kaunseling Syar'ie dan Pengurusan Rundingcara Kekeluargaan Islam**
2- **Modul Sijil Tinggi Pengurusan Fatwa**

PPROGRAM PEMANTAUAN STANDARD KUALITI PENGURUSAN PUSAT- PUSAT AKADEMIK (SKPPA) DAN STANDARD KUALITI PENGURUSAN PUSAT- PUSAT LATIHAN (SKPPL) JAKIM

Pada tahun 2008, pengurusan tertinggi Jakim telah bersetuju agar Bahagian Pembangunan Insan membuat pemantauan di Pusat-Pusat Latihan dan Pusat-Pusat Akademik JAKIM bagi memastikan perjalanan operasi pengurusan pusat mampu mencapai objektif penubuhannya. Disamping itu, dapat mewujudkan satu tanda aras kualiti yang tersendiri bagi Pusat Latihan dan Pusat Akademik JAKIM. Standard Pemastian Kualiti Pendidikan Malaysia daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dipilih untuk dijadikan asas dalam pembangunan Standard Kualiti Pengurusan Pusat Latihan dan Pusat Akademik JAKIM. Pelaksanaan standard ini adalah oleh Bahagian Pembangunan Insan dalam memastikan kualiti Pusat Latihan dan Pusat Akademik terkawal dan berkualiti.

PELAKSANAAN PROGRAM PEMANTAUAN SKPPL DAN SKPPA JAKIM 2014:

- Pelaksanaan SKPPA JAKIM di Institut Pengajian Islam Dan Dakwah (IPDAS), Keningau, Sabah pada 25-27 Februari 2014
- Pelaksanaan SKPPA JAKIM di Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS), Kuching, Sarawak pada 18-20 Jun 2014
- Pelaksanaan SKPPL JAKIM di Pusat Latihan Islam (PLI) Kundasang, Sabah pada 27-29 Ogos 2014
- Pelaksanaan SKPPL JAKIM di Pusat Latihan Islam (PLI) Lahad Datu, Sabah pada 24-26 September 2014

BENGKEL DOKUMEN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) / NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS)

- Pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM Bil.3/2014 telah memutuskan agar Bahagian Pembangunan Insan menyelaras program dan bengkel bagi memastikan Pusat Akademik Jakim mendapat pengiktirafan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Malaysia daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- Melalui pengiktirafan daripada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Malaysia program-program kemahiran yang ditawarkan di pusat akademik JAKIM akan dinaiktaraf dan memenuhi keperluan semasa dan jugaakan melayakkan para pelajar lepasan sijil kemahiran ini menyambung pengajian ke tahap yang lebih tinggi di institut-institut pengajian tinggi Malaysia. Sehubungan itu, satu bengkel telah diadakan pada 21 Mei 2014 di BPI JAKIM bagi merealisasikan hasrat tersebut yang berobjektifkan :

1. Menjelaskan kepada pusat-pusat akademik JAKIM berkaitan dokumen Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Malaysia
2. Memastikan semua program kemahiran yang ditawarkan di pusat-pusat akademik JAKIM memenuhi syarat pengiktiran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Malaysia
3. Menyediakan draf kurikulum-kurikulum kemahiran yang dilaksanakan di pusat-pusat akademik JAKIM berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Malaysia

Skim Pembiayaan Hafiz

Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 49/2009 yang bersidang pada 19 Jun 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar Hafiz yang telah menghafaz al-Quran 30 juzuk di Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Objektif pengwujudan SPH adalah bertujuan untuk:

a. Memartabatkan serta menarik minat masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran.
b. Membantu menjana modal insan dari kalangan penghafaz al-Quran.
c. Membantu golongan penghafaz al-Quran bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelaksanaan Skim Pembiayaan Hafiz 2014

Pelaksanaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 49/2009 yang bersidang pada 19 Jun 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar Hafiz yang telah menghafaz al-Quran 30 juzuk di Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Objektif pengwujudan SPH adalah bertujuan untuk:

1. Memartabatkan serta menarik minat masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran.
2. Membantu menjana modal insan dari kalangan penghafaz al-Quran.
3. Membantu golongan penghafaz al-Quran bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi

Butiran permohonan adalah seperti berikut;

STATUS	KESELURUHAN PERMOHONAN		PEMOHONAN YANG LAYAK	
Tempat Pengajian	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
Jumlah	259	98	212	85
Jumlah Keseluruhan	**357**		**297**	

Tapisan Dan Pemilihan

Seramai 357 permohonan telah diterima dan daripada jumlah keseluruhan permohonan, tersebut, sebanyak 297 permohonan telah melepasi syarat-syarat yang permohonan, tersebut, sebanyak 297 permohonan telah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan dan layak dipanggil temuduga yang diadakan di tempat berikut :

- ILIM Bangi
- ILTIM Besut
- JAKIM Sabah
- Jordan
- Mesir

Bilangan Penerima SPH 2014 Mengikut Bidang Pengajian

Daripada 297 orang pemohon yang ditemuduga, seramai 152 orang telah dipilih. Butiran pemohon yang berjaya mengikut bidang pengajian dan IPT adalah seperti berikut;

		TEMPATAN	SARJANA	MESIR	JORDAN
BIL	BIDANG PENGAJIAN	JUMLAH PELAJAR			
1	PENGAJIAN ISLAM	72	4	4	18
2	QIRAAT	10	0	22	0
3	KEJURUTERAAN	3	0	0	0
4	SAINS	3	0	0	0
5	TEKNOLOGI	2	0	0	0
6	SASTERA	2	0	0	0
7	FARMASI	2	0	0	0
8	PERUBATAN	4	0	0	0
9	KEJURURAWATAN	1	0	0	0
10	PERGIGIAN	1	0	0	0
JUMLAH		**100**	**4**	**30**	**18**
JUMLAH KESELURUHAN		**152**			

Bilangan Penerima SPH 2013 Mengikut Institusi Pengajian Tinggi

BIL	NEGARA	UNIVERSITI	JUMLAH PELAJAR
1	Malaysia (104)	KUIS	2
2		UIAM	13
3		UKM	24
4		UM	7
5		UTM	1
6		UITM	1
7		UNISZA	10
8		USIM DQ	24
9		USIM NILAI	14
10		UIAM KUANTAN	8
11	MESIR (30)	SHOUBRA	15
12		MANSOURA	8
13		AL-AZHAR	6
14		TANTA	1
15	JORDAN (18)	MU'TAH	9
16		YARMOUK	6
17		BAYT	2
18		AMMAN	1
JUMLAH KESELURUHAN			152

Penyerahan Surat Tawaran

Majlis penyerahan Surat Tawaran SPH kepada pelajar-pelajar yang berjaya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 November 2014 bertempat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

GAMBAR MAJLIS PENYAMPAIAN TAWARAN SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ 2014














Bagi tahun 2014, secara keseluruhannya JAKIM telah berjaya melaksanakan program sebanyak 153 program dengan penyertaan seramai 7374 orang daripada pelbagai agensi dan jabatan seluruh Malaysia. Penyertaan program ini merangkumi pelbagai kursus (termasuk 14 kursus Pelan Operasi Latihan, JAKIM), 5 program pensijilan, 1 program Diploma Pengurusan Islam (DPI) dan 19 program intellectual discourse yang dilaksanakan melalui 7 pusat-pusat di ILIM iaitu:

- Pusat Pengurusan Undang-undang Islam (PPUI)
- Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI)
- Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD)
- Pusat al-Quran dan Ilmu Teras (PQIT)
- Pusat Ekonomi dan Kewangan Islam (PEKI)
- Pusat Bahasa (PB)
- Pusat Teknologi Maklumat (PTM)

PECAHAN KEHADIRAN PESERTA MENGITU AGENSI





Kursus anjuran Pusat Bahasa



Kursus anjuran Pusat Ekonomi & Kewangan Islam



Kursus anjuran Pusat al-Quran & Ilmu Teras



Kursus anjuran Pusat Pengajian Sains Dakwah



Kursus anjuran Pusat Teknologi Maklumat



Kursus anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Islam



Barisan peserta seminar persediaan persaraan di ILIM yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Undang-Undang Islam

SISTEM MAKLUMAT LATIHAN ILIM / *ILIM TRAINING INFORMATION SYSTEM* (I-TIS)

Maklumat pengurusan latihan daripada sistem maklumat latihan ILIM atau ILIM Training Information System (I-TIS) telah dibangunkan pada tahun 2010. Sehingga tahun 2014 banyak penambahbahbaikan telah dibuat oleh ILIM dalam menaiktaraf sistem ini untuk lebih sistematik bagi memudahkan pelanggan ILIM sejajar dengan kecanggihan IT masa kini.





Permohonan kursus secara online boleh diaplikasikan bermula tahun 2014

PENSIJILAN TINGGI

Program pensijilan telah memasuki tahun kelima (5) pelaksanaannya. Justeru itu, sepanjang tahun 2014, JAKIM telah berjaya melaksanakan lima (5) Sijil Tinggi seperti di jadual 1:

BIL	PROGRAM SIJIL TINGGI	TEMPOH	ANJURAN	BERMULA
1	Sijil Tinggi Pengurusan Sains Dakwah	3 minggu	Pusat Pengajian Sains Dakwah	Tahun 2009
2	Sijil Tinggi Muamalat	3 minggu	Pusat Ekonomi dan Kewangan Islam	Tahun 2011
3	Sijil Tinggi Bahasa Arab	3 minggu	Pusat Bahasa	Tahun 2013
4	Sijil Tinggi Penguatkuasa Syarie Malaysia	6 minggu	Pusat Pengurusan Undang-Undang Islam	Tahun 2014
5	Sijil Tinggi Kaunseling Syarie & Pengurusan Rundingcara Kekeluargaan Islam	4 minggu	Pusat Pengurusan Undang-Undang Islam	Tahun 2014

a) Sijil Tinggi Pengajian Sains Dakwah (STPSD)

Program Sijil Tinggi Pengurusan Sains Dakwah melalui tiga peringkat pada:

- Peringkat : Asas (20-24 Januari 2014)
- Peringkat : Pertengahan (10-14 Mac 2014)
- Peringkat : Lanjutan (19-23 Mei 2014)

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Awam khususnya Pegawai Hal Ehwal Islam sebagai dai di samping memberi pendedahan dan latihan mengenai strategi, teknik dan metodologi dakwah bersesuaian dengan kehendak semasa.

Seramai 25 orang peserta telah berjaya memperolehi sijil tinggi ini yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Mufti Negeri serta dari agensi-agensi lain.



Peserta STPSD pada hari penganugerahan sijil dalam Majlis Konvokesyen ILIM

b) Sijil Tinggi Muamalat (STM)

Program Pensijilan Sijil Tinggi Muamalat telah memasuki tahun ke-3 pelaksanaan di ILIM yang telah diurus setiakan oleh Pusat ekonomi dan kewangan Islam (PEKI).Program ini bertujuan melahirkan Pegawai Hal Ehwal Islam dan kakitangan kerajaan yang mempunyai kefahaman secara komprehensif tentang prinsip syariah dalam bidang Fiqh Muamalat dan memahami tentang aplikasi prinsip syariah dalam ekonomi, kewangan dan perbankan Islam. Pada tahun 2014, seramai 19 orang peserta daripada pelbagai agensi telah berjaya menamatkan Sijil Tinggi tersebut yang telah diadakan pada 3 peringkat iaitu:

- **Peringkat Asas : 17-20 Februari 2014**
- **Peringkat Pertengahan : 01-04 April 2014**
- **Peringkat Lanjutan : 09-12 Jun 2014**



Peserta mengikuti kuliah berkaitan kewangan Islam



Modul STM yang digunapakai di ILIM

c) Sijil Tinggi Bahasa Arab (STBA)

Program Sijil Tinggi Bahasa Arab 2014 ini merupakan program pensijilan yang di anjurkan oleh Pusat Bahasa buat kali kedua. Program ini pertama kali diadakan pada tahun 2013 rentetan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga Penasihat ILIM kali keenam. Kali ini seramai 15 orang peserta telah layak menamatkan sjil ini dengan jayanya pada Majlis Konvokesyen ILIM Kali Ke-3 yang telah diadakan pada 26 September 2014. Secara dasarnya, program ini melibatkan Pegawai Hal Ehwal Islam Jakim dan guru-guru KAFA di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



Ustaz Rozuki Bin Ariffin (Pensyarah Bahasa Arab, UIA) ialah salah seorang tenaga pengajar STBA sedang memberi contoh perbendaharaan kata Bahasa Arab kepada peserta.

d) Sijil Tinggi Kaunseling Syarie & Pengurusan Runding Cara Kekeluargaan Islam (STKSPRKI)

Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2014 dengan melibatkan sasaran kepada Pegawai Hal Ehwal Islam dari seluruh Malaysia, keutamaan peserta sijil tinggi ini adalah kepada pegawai runding cara di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Pensijilan ini bertujuan untuk melahirkan peserta yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, khususnya dalam bidang runding cara kekeluargaan Islam. Kursus ini dilaksanakan secara berfasa selama 4 minggu (20 hari) dan melibatkan peserta yang sama sepanjang tempoh 4 fasa tersebut. Setiap peserta perlu menyertai keempat-empat siri tersebut serta lulus ujian yang dilaksanakan untuk dianugerahkan Sijil Tinggi Kaunseling Syarie dan Pengurusan Runding Cara Kekeluargaan Islam.



Modul Sijil Tinggi KSPRKI



Barisan peserta pada hari konvokesyen ILIM

e) Sijil Tinggi Penguatkuasa Syarie Malaysia (STPSM)

Buat julung kalinya program berstatus jangka masa sederhana telah diadakan pada 12 Mei- 20 Jun 2014 (lebih kurang 6 minggu) selari dengan dasar Program Transformasi Kerajaan bagi penambahbaik pemerkasaan Pegawai Penguatkuasa. Seramai 29 orang peserta daripada pelbagai negeri telah hadir mengikuti program ini. Program sijil ini dilaksanakan secara berpenginapan penuh (fully residential) dengan mengguna pakai Modul Sijil Tinggi Penguatkuasa Syarie Malaysia (STPSM) yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Insan dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jakim. Pecahan peserta seperti di graf 3:

Komponen modul STPSM adalah seperti berikut:

- Pengantar Ilmu Teras
- Kefahaman Undang-undang Islam
- Kemahiran Penguatkuasaan
- Akhlak dan Etka Penguatkuasa





Majlis resepsi peserta STPSM



Segak Beruniform semasa Majlis Penganugerahan Sijil Tinggi oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PROGRAM *INTELLECTUAL DISCOURSE*

Saban tahun kehadiran para peserta untuk program berbentuk *intellectual discourse* mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan penjawat awam daripada di sekitar Putrajaya.Kebanyakan program ini berobjektif untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai pelbagai isu terkini yang hangat diperbincangkan dalam dan luar negara. Biasanya program ini menampilkan barisan penceramah yang tersohor dan yang berkeupayaan untuk memberi penjelasan berkaitan isu-isu dan tema-tema yang telah ditetapkan. Tahun 2014 seramai 2728 (37%) penyertaan peserta daripada keseluruhan kehadiran peserta ILIM 2014 adalah dalam program seumpama ini.

Senarai Nama Program tersebut bagi tahun 2014

BIL	PROGRAM	TARIKH	URUS SETIA	JUMLAH
1	Wacana Psikokologi Kekeluargaan	28 Mac 2014	PPKI	158 orang
2	Wacana Isu-Isu Munakahat	11 April 2014	PPKI	50 orang
3	Diskusi Psikokologi Kekeluargaan	16 Mei 2014	PPKI	61 orang
4	Seminar Bahasa:Kepentingan Penguasaan Bahasa Isyarat sebagai Bahasa Dakwah & Perundangan	22 Mei 2014	PB	163 orang
5	Diskusi Isu-isu Munakahat	6 Jun 2014	PPKI	163 orang
6	Seminar al-Quran Kali ke-6 Sempena MajlisTilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 2014	16 Jun 2014	PQIT	532 orang
7	Muhadharah Ekonomi Islam	25 Jun 2014	PEKI	122 orang
8	Seminar Ihya' Ramadan	I Julai 2014	PPSD	283 orang
9	Diskusi Isu-Isu Munakahat	3 Julai 2014	PEKI	66 orang
10	Wacana Isu-Isu Munakahat	19 September 2014	PPKI	39 orang
11	Konvokesyen ILIM Kali ke-3	26 September 2014	PPUI	200 orang
12	Seminar Bahasa:Penterjemahan Sumber-Sumber Agama di Malaysia	9 Oktober 2014	PB	93 orang
13	Diskusi Muamalat Islam	13 Nov. 2014	PEKI	36 orang
14	Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali ke-3	18-19 Nov.2014	PPUI	176 orang
15	Wacana Psikokologi Kekeluargaan	27 Nov.2014	PPUI	176 orang
16	Muhadharah Ekonomi Islam	3 Disember 2014	PEKI	109 orang
17	Seminar Isu-Isu Semasa Islam/ Takhrij Hadis	4 Disember 2014	PPSD & PQIT	200 orang
18	Seminar Antarabangsa Muamalat Ekonomi Kewangan Islam 2014 (SMEKI)	8-10 Disember 2014	PEKI	100 orang
19	Bengkel Kepimpinan Muda Lima Bintang dalam Perkhidmatan Awam	16 Disember 2014	PPUI	118 orang
			JUMLAH KEHADIRAN PESERTA	2728 ORANG



Majlis Konvokesyen ILIM Kali ke-3 disempurnakan Konvensyen ILIM kali ke-3 dirasmikan oleh oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri



TKP Perkhidmatan Awam (Pembangunan)



Perasmian seminar al-Quran tahun 2014 Kupasan isu-isu munakahat oleh S.S Mufti Wilayah diwakili oleh TKP JAKIM (Pengurusan)



Persekutuan Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad al- Bakri



Perasmian Seminar Bahasa oleh Penyampaian cenderahati oleh Timb. Pengarah Pengarah ILIM pada 9 Oktober 2014



ILIM dalam Program Seminar Bahasa pada 22 Mei 2014



Program Diskusi Muamalat Islam pada 13 Nov.



Seminar SMEKI kerjasama dengan UKM



Hadirin Program Seminar Isu-Isu Semasa & Takrij Hadis



Bengkel Kepimpinan Muda Lima Bintang dalam Perkhidmatan Awam

PROGRAM TAFAQQUH FI- ALDIN

Program Tafaqquh fi al-Din merupakan program yang paling lama diadakan berbanding program-program peningkatan kemahiran intelek yang lain. Program ini bertujuan membangunkan kepakaran pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam melalui penguasaan dalam disiplin pengajian Ilmu Turath sejajar dengan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pembimbing dan pakar rujuk hal ehwal Islam. Program ini mengambil masa selama setahun bagi setiap pengambilan peserta. Pecahan Peserta Program Tafaqquh fi al-Din tahun 2014

JAWATAN	JUMLAH PESERTA
Bahagian Hab Halal, Jakim	5 orang
Bahagian Dakwah, Jakim	1 orang
JAWI	3 orang
ILIM	2 orang
Jabatan Mufti	3 orang
Kader Jakim (SPA)	1 orang
JUMLAH PESERTA	**17 orang**



Menekuni kitab Turath yang dikendalikan oleh salah seorang tenaga pengajar kelas Tafaqquh Fi al- Din di ILIM iaitu S.S Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang).

PROGRAM BERSIFAT ANTARABANGSA

a) Kursus Profesionalisme Imam Peringkat Serantau

Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD) telah menganjurkan Kursus Profesionalisme Imam Serantau pada 22-27 September 2014. Kursus seumpama ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan hubungan dua hala antara badan-badan Islam dan masjid-masjid di Asia Tenggara di samping menjadikan ILIM sebagai sebuah institusi latihan bertaraf antarabangsa. Selain itu, kursus ini diharapkan dapat memperkembangkan ilmu pengurusan Islam khususnya pentadbiran masjid dalam kalangan imam-imam di rantau Asia Tenggara.



Himpunan para imam peringkat serantau daripada negara Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, Kemboja dan Malaysia bergambar dengan pihak penganjur ILIM.

b) Kursus The Management of National Halal Certification And International Relationship In Halal Industry

Realisasikan visi menerusi penganjuran program bertaraf antarabangsa dengan kerjasama Wisma Putra pada 16 November – 29 November 2014 menjadi permulaan untuk ILIM terus mengorak langkah dengan penganjuran pelbagai program bersifat antarabangsa selepas ini. Seramai 9 orang peserta daripada Negara Filipina telah mengikuti kursus tersebut.



Ketua Pengarah JAKIM merasmikan majlis penutup



Peserta Filipina mengikuti kursus di ILIM program MTCP

Selain itu, ILIM juga sentiasa menjadi tempat tumpuan penganjuran program berskala besar dengan kerjasama daripada kerajaan negeri mahu pun Institusi Pegajian Tinggi Awam (IPTA). Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

- Pada 5-6 November 2014:Persidangan ke-4 Falsafah Sains Asia Timur & Asia Tenggara 2014 (East Asia & Southeast Asia Conference on the Philosophy of Science 2014): Kerjasama dengan Universiti Kebangsaaan Malaysia (UKM)

- Pada 16-17 November 2014: Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V 1436/2014 “Rahiman : Pencetus Keamanan Sejagat” : Kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V dan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan mencemar Duli ke ILIM dalam Program Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V

105 PELAJAR DARUL QURAN MELEBAR BAKTI DI TANJUNG KARANG

Darul Quran JAKIM melalui Persatuan Kebajikan Pelajar Maahad Tahfiz Darul Quran (PERKEMAT DQ) telah mengadakan Program Bakti Huffaz 2014. Program tersebut bermula pada 24 hingga 29 Oktober 2014 bertempat di Kampung Ampangan , Jalan Parit Satu Sg. Sireh, Tanjung Karang , Selangor Darul Ehsan. Peserta yang terlibat terdiri daripada pelajar semester 1,3, dan 5 Diploma Tahfiz al-Quran .

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ust. Che Mat bin Che Deraman,Pendaftar Darul Quran JAKIM. Dalam ucapan beliau, Ust. Che Mat menyentuh berkenaan objektif utama program Bakti Huffaz diadakan iaitu memberi pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar program Bakti Huffaz diadakan iaitu memberi pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar sebelum mereka berdepan dengan masyarakat sebagai seorang dai'e dan murabbi kepada masyarakat kelak selaras dengan visi Darul Quran untuk melahirkan huffaz, qurra' dan du'at yang berwibawa kearah pembangunan negara dan ummah. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut En. Jainuddin bin Abu AmalPengerusi JKKKP Kg. AmpanganTanjungKarang .

Majlis Penutup program tersebut telah disempurnakan oleh Ybhg. Pn. Hjjh. Zawanah binti Muhammad Pengarah Darul Quran JAKIM, dengan disertai penduduk Kampung Apangan serta anak angkat mereka . Harapan Puan Pengarah adalah silaturahim yang terjalin melalui program Bakti Huffaz ini tidak terhenti di sini sahaja bahkan diharapkan dapat berterusan sehingga ke masa hadapan insyaallah.





DELEGASI DARUL QURAN KUNJUNGI SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI AUSTRALIA

Delegasi Darul Quran yang diketuai oleh Pengarah, Ustazah Zawanah Muhammad telah mengunjungi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia pada 15 Ogos yang lalu. Rombongan Delegasi Akademik dan Bakti Siswa ke Australia ini disertai 15 orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Darul Quran JAKIM.

Pertemuan ini telah disambut oleh Tuan Yang Terutama Dato' Zainal Abidin Ahmad Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia dan pegawai-pegawai kanan suruhanjaya tersebut, temasuk Ustaz Asri Bin Abdullah yang bertugas sebagai Pegawai Atase Halal di pejabat konsulat tersebut.

Delegasi telah diberikan penerangan berkaitan fungsi dan tugas-tugas Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia selaku wakil Kerajaan Malaysia di luar negara. TYT Dato' Zainal Abidin Ahmad menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah mempunyai hubungan yang baik dengan Australia dalam tempoh yang sudah lama dan mereka telah banyak bekerjasama dari pelbagai bidang termasuk ketenteraan. Selain itu Australia turut menerima akreditasi halal daripada Malaysia yang telah memacu industri halal di Australia.

Di kesempatan ini juga, delegasi telah berkesempatan menziarahi beberapa buah masjid di sekitar Sydney iaitu Masjid Tempe, Masjid Lakemba serta berpeluang menjalankan beberapa aktiviti di Masjid Darul Imaan yang lebih dikenali sebagai masjid komuniti Orang Melayu di Sydney.





DARUL QURAN RANGKUL DUA HADIAH INOVASI PERINGKAT JABATAN PERDANA MENTERI

Darul Quran JAKIM telah merangkul dua hadiah inovasi yang diadakan sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014 yang diadakan pada 29 Oktober 2014. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang mewakili Darul Quran, iaitu GEN-Q telah memenangi hadiah ketiga pada Konvensyen KIK melalui Projek Diari Huffaz. Projek yang dilaksanakan oleh kumpulan yang terdiri daripada sembilan orang ahli ini turut merangkul tempat kedua bagi bagi Kategori Produk Harapan. Kedua-dua hadiah disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin.





KONVENSYEN PENSYARAH TAHFIZ KALI KE-13

Majlis Perasmian Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-13 berlangsung di Klana Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus baru-baru ini. Penganjuran Konvensyen kali ini adalah kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Masjis perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Hj. Awaludin bin Haji Said, Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ketika dalam ucapan beliau, Yang Berhormat Dato' Dr. Awaludin menyatakan betapa perlunya para pensyarah tahfiz dan pentadbir institusi pengajian tahfiz meletakkan Al-quran itu di tempat yang tertinggi .

Turut hadir pada Majlis Perasmian Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan kali ini adalah Y.B Dato' Hj. Mat Ali bin Mat Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, Y.B Tuan Haji Hairudin bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan Negeri Sembilan, Y.Bhg. Dato' Ghazali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Sembilan, Y.Bhg. Dato' Ghazali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Y.B Dato' Hj. Tahar bin Sudin , Pegawai Kewangan Negeri Sembilan, Y.B Sohibus Samahah Dato' Hj. Mohd Yusof bin Hj. Ahmad Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Tuan Selamat bin Paigo , Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Tuan Hj. Kamal Amran bin Kamaruddin, Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Tuan Hj. Abd Halim bin Sulaiman, Ketua Penolong Pengarah Pelajaran JHEAINS, Puan Hjh. Zawanah binti Muhammad, Pengarah Darul Quran JAKIM, pengetua-pengetua serta perwakilan daripada Ma'ahad Tahfiz Alquran Negeri.

Pada majlis ini juga, turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman diantara JAKIM melalui Darul Quran dengan JHEAINS melalui Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) buat sekian kalinya.

Dengan tema "Huffaz Berhemah Qudwah Ummah" diharapkan dapat memberi semangat dan inspirasi bagi seluruh pensyarah dan institusi tahfiz di Negara ini untuk terus maju dan komited dalam memperkasan Al-Quran .





596 GRADUAN DIRAI DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KALI KE-23

Seramai 596 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Diploma Tahfiz al-Quran wal-Qiraat, Sijil Tahfiz al-Quran dan Sijil Tinggi Taranum dalam Majlis Konvokesyen Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kali ke-23.

Majlis yang berlangsung dengan penuh istiadat itu disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Othman Mustapha di Dewan Muktamar, Darul Quran di sini.

Dato' Othman Mustapha Ketua Pengarah JAKIM yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, penganjuran majlis itu bukan sahaja bertujuan meraikan kejayaan para pelajar dalam bidang berkaitan, malah sebagai satu suntikan semangat kepada mereka untuk terus memartabatkan al-Quran yang menjadi rujukan utama umat islam dalam kehidupan.

Majlis itu turut menyaksikan Muhammad Dawud Al-Hawariy Hamizan, 21, dan Nurdiana Zwlkifli, 22, dipilih sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri yang julung kali diperkenalkan tahun ini.









PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN NEGERI PERINGKAT KEBANGSAAN DI KUANTAN

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke-28 telah diadakan di MS Garden Hotel, Kuantan Pahang pada 24-26 November lalu. Persidangan kali ini dianjurkan oleh Maahad Tahfiz Negeri Pahang dengan kerjasama Darul Quran, JAKIM.

Persidangan dwi tahunan ini telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Dakwah Islamiyyah dan Tugas-tugas Khas Negeri Pahang. Turut hadir dalam majlis ini YDH. Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Bin Hj. Wan Hassan Timb. Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP, Pengarah Darul Quran, Hjh Zawanah Muhammad dan Dato' Haji Zulkifle Bin Haji Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Maahad Tahfiz Negeri Pahang.

Sepanjang persidangan ini, sebanyak 6 kertas telah dibentangkan yang menyentuh secara langsung berkenaan dengan kawalan kualiti akademik, peperiksaan, pengurusan dan penyelarasan antara semua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Dalam pada itu, para peserta persidangan berpeluang melawat International College of Automative di Pekan, Pahang dan melakukan aktiviti menunggang kuda yang diuruskan oleh Maahad Tahfiz Negeri Pahang.





PROJEK INOVASI MAHASISWA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA USIM DARUL QURAN TERPILIH MENYERTAI PERINGKAT AKHIR "CABARAN MY INNOVATION - JEJAK INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2014"

10 orang mahasiswa, Semester 3 Program Ijazah USIM-DQ berjaya mara ke peringkat akhir "Cabaran My Innovation-Jejak Inovasi Negeri Selangor" yang diadakan pada 12 dan 13 November 2014 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kumpulan daripada Darul Quran iaitu The Rare Thinkers telah menghasilkan projek inovasi Tajwid Magic Flower. Manakala, kumpulan ALEBO menghasilkan projek Arabic Learning Board .

Kedua-dua kumpulan terpilih mewakili Daerah Hulu Selangor bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerusi projek inovasi Tajwid Magic Flower iaitu inovasi dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) pengajian al-Quran khususnya berkaitan tajwid yang merupakan projek inovasi kumpulan The Rare Thinkers. Manakala produk inovasi Arabic Learning Board (ALEBO) adalah inovasi permainan untuk meningkatkan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah mahupun Universiti merupakan produk inovasi daripada kumpulan ALEBO.

Projek inovasi Tajwid Magic Flower dan ALEBO merupakan dua projek inovasi terbaik yang dinilai melalui kurus Creative Thinking And Problem Solving, Semester 2, Program Ijazah Sarjaan Muda Quran Sunnah, USIM-DQ dan dipertandingkan di peringkat Daerah Hulu Selangor bersama 6 institusi yang lain. Kedua-dua kumpulan ini telah dinilai dan berjaya mara ke peringkat akhir Cabaran My Innovation-Jejak Inovasi Negeri Selangor Tahun 2014.





Pencapaian Calon Mengikut Pangkat

Program Tahun 2014

NO	PANGKAT	DIPLOMA	PENSIJILAN DQ/UIAM	STTQ
1	Mumtaz	44	33	1
2	Jayyid Jiddan	136	47	18
3	*Jayyid*	*176*	*38*	*8*
4	*Maqbul*	*26*	*10*	*1*
5	*Gagal*	*0*	*0*	0

PENYELARASAN PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN MASJID

PENYELARASAN PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN MASJID

MESYUARAT MKI KALI KE-56, 57 DAN 58

Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah diadakan sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 16 Januari 2014 (Khamis), 9 Jun 2014 (Isnin) dan 15 Disember 2014 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 3, Bangunan Perdana Putra, Blok Utama, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat MKI Kali Ke-56, dalam perutusannya sangat menekankan soal perpaduan negara dan umat Islam yang berteraskan konsep wasatiyyah sebagai agenda utama kerajaan. Beliau turut menyatakan bahawa dalam isu penggunaan kalimah Allah, kerajaan amat menitikberatkan soal keselamatan dan kedamaian serta tidak akan membiarkan isu ini menggugat keharmonian negara. Dalam mesyuarat MKI Kali Ke-57 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pula menekankan mengenai kualiti dan kecekapan urus tadbir pengurusan hal ehwal Islam terutamanya dalam aspek pematuhan syariah dalam pengurusan halal dengan menekankan sistem pengauditan dan pemeriksaan serta penguatkuasaan yang tegas.

Mesyuarat MKI Kali Ke-58 pula, YAB Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada JAKIM atas kejayaan memenangi anugerah inovasi Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2014 sebagai "Jabatan Paling Inovasi" di Jabatan Perdana Menteri.



YAB Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat MKI Kali ke-56



YAB Perdana Menteri bergambar bersama semua Ahli Mesyuarat MKI yang hadir



YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia bergambar bersama Ahli Mesyuarat MKI yang hadir

SEMINAR MAGNET KERJAYA PELAJAR JAKIM-1MDB 2014

JAKIM dengan kerjasama 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tampil menganjurkan Seminar Magnet Kerjaya Pelajar JAKIM-1MDB 2014 bersama Amin Idris bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi pada 21 hingga 23 Februari 2014. Seminar ini telah dihadiri 50 orang pelajar JAKIM-1MDB terdiri daripada para penerima geran tahunan JAKIM-1MDB yang melanjutkan pengajian di USIM, UM, UITM, UNIMAS, UIA, UNISZA dan Darul Quran JAKIM. Majlis Perasmian Penutup Seminar dan Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Kemajuan Islam JAKIM, Ramlah binti Yong.





PERSIDANGAN LEPAI KALI KE-42 DAN KE-43

Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) telah diadakan dua (2) kali bagi tahun 2014. Persidangan LEPAI Kali ke-42 pada 8 Mei 2014 manakala Persidangan Kali Ke-43 telah berlangsung pada 5 Disember 2014 dan dipengerusikan oleh Pengerusi LEPAI, Tan Sri Dr. Mohd Yusof bin Noor.



Tan Sri Dr. Mohd Yusof bin Noor mempengerusikan Mesyuarat LEPAI Kali ke-42



Sesi bergambar sebahagian ahli persidangan LEPAI kali ke-43 yang hadir

PROGRAM QIAMULLAIL PERDANA BERSAMA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI 2014

Program qiamullail ini julung kali telah diadakan dengan kerjasama BKI dan Masjid Putra, Putrajaya pada 20 Julai 2014. Program ini berjaya mengumpulkan seramai 1900 orang terdiri daripada warga JAKIM, kakitangan dari agensi di bawah YB Menteri di JPM dan orang awam.

Program yang bermula dari jam 3.00 pagi ini merupakan hasrat YB Menteri untuk bertemu penjawat awam dan masyarakat setempat disamping menyampaikan inspirasi kerajaan bagi melahirkan masyarakat bertaqwa. Peluang menghidupkan malam Ramadhan ini direbut bersama-sama bagi mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat. Program tersebut dimeriahkan dengan kehadiran Mufti dari negara Zimbabwe, Mufti Menk dengan menyampaikan kuliah subuh dalam bahasa Inggeris.



YB Menteri Di JPM Bersama Jemaah Mendengar Tazkirah Subuh Oleh Mufti Menk dari negara Zimbabwe



YB Menteri Di JPM Menyampaikan Cenderamata Kepada Mufti Menk

KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI / RAKYAT (KESSUMA) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2014

KESSUMA baru berusia dua (2) tahun sejak 2013 dianjurkan oleh JAKIM. Sebelum ini, Kejohanan Sukan Sekolah Agama ini dilaksanakan oleh negeri-negeri, sejak 15 tahun yang lepas. Bagi tahun 2014, JAKIM bersama dengan Jabatan Agama Islam Kedah telah berganding tenaga dalam melaksanakan KESSUMA Kali Ke-15.

Kejohanan ini telah dijalankan pada 14 hingga 18 Ogos 2014 di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah dan telah disertai oleh semua negeri kecuali Sarawak. Jumlah peserta kontinjen yang telah menyertai KESSUMA ini ialah seramai 2,500 orang peserta termasuk pegawai pengiring dari negeri masing-masing. Acara yang telah dipertandingkan dalam kejohanan ini ialah bola sepak, sepak takraw, ping pong, badminton, bola tampar dan bola jaring.





ANUGERAH MASJID MALAYSIA (AMM) KALI PERTAMA

Pelaksanaan Anugerah Masjid Malaysia (AMM) Peringkat Kebangsaan Tahun 2014 bermula daripada cetusan idea YAB Perdana Menteri melalui ucapan beliau dalam Majlis Perhimpunan Perdana Ulama Umara & Asnaf Bersama YAB Perdana Menteri pada 5 Mac 2013 (Selasa) di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

AMM ini adalah salah satu usaha murni kerajaan untuk memperkasakan pengurusan masjid. Pelbagai aspek dan perkara yang dapat dikongsi dan diperkukuhkan dari pelaksanaan AMM ini.Penilaian masjid telah dibuat berdasarkan buku Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) iaitu merangkumi 4 komponen seksyen A dan 5 komponen Seksyen B. Seksyen A merangkumi komponen pengurusan, pengimarahan, prasarana dan

persekitaran manakala seksyen B melibatkan aktiviti masjid bersama surau, usaha dakwah kepada non-muslim, mengoptimakan sumber kariah, pengurusan jenazah dan kubur serta pelaksanaan inovasi.



Majlis Perdana Ulama Umara & Anugerah Masjid Malaysia



Johan Masjid Daerah

hingga 17 September 2014 bertempat di Akademi Binaan Malaysia, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Seramai 600 orang pelajar dan pegawai terlibat dengan Ihtifal Ilmi Kali Pertama ini. Acara yang dipertandingkan ialah pertandingan Tilawah al-Qur'an, syarahan bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris, perbahasan ala Parlimen, nasyid dan seni khat.



Majlis Perasmian Ihtifal Ilmi Kali Pertama



Majlis Perasmian Ihtifal Ilmi Kali Pertama

IHTIFAL ILMI KALI PERTAMA (2014)

Buat julung kalinya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan Majlis Ihtifal Ilmi Kali Pertama (2014) untuk mencungkil bakat dan mengukur kefahaman para pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) atau Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) terhadap kurikulum yang digunakan, selain meningkatkan motivasi para guru dalam penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di sekolah.

Ihtifal sulung ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu. Majlis gilang-gemilang ini telah diadakan pada 13

IHTIFAL KAFA KEBANGSAAN (IKK) KALI KETIGA TAHUN 2014

Ihtifal Kelas al- Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 telah diadakan pada 14 hingga 16 November 2014 bertempat di Bukit Gambang Resort City, Kuantan Pahang. Sebanyak lima acara telah dipertandingkan berbanding empat acara pada tahun 2013. Acara tersebut ialah Tilawah al-Qur'an, Nasyid Berkumpulan, Syarahan yang melibat kategori lelaki dan perempuan, manakala acara Kesenian Khat dan Tulisan Jawi kategori terbuka.

Ihtifal kali ini disertai oleh seramai 700 orang peserta dari seluruh negara. Kontinjen Melaka telah berjaya dinobatkan sebagai juara keseluruhan Ihtifal ini dengan memperoleh dua (2) pingat emas, dua (2) perak dan tiga (3) gangsa.





JAKIM CAWANGAN SABAH

Unit Kelas Al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) JAKIM Cawangan Sabah:

Dengan perbelanjaan peruntukan hampir RM23 juta, lebih 80 siri program telah digerakkan ke seluruh pelusuk negeri Sabah yang terdiri daripada enam bahagian utama yang meliputi 32 buah daerah. Unit KAFA telah berjaya mencapai salah satu sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) JAKIM Cawangan Sabah yang telah ditetapkan iaitu memberi latihan kepada lebih 1,200 guru-guru KAFA di Sabah setiap tahun. Keseluruhan program KAFA pada tahun 2014 telah melibatkan lebih 6,000 peserta. Antara program tersebut ialah:

- Peperiksaan KAFA (Semester 1 dan 2);
- Peperiksaan Percubaan UPKK;
- Peperiksaan UPKK;
- Bengkel Lujnah Peperiksaan;
- Program Gerak Gempur UPKK;
- Bengkel Semakan Kertas UPKK 2014;
- Ihtifal KAFA Peringkat Daerah (32 Daerah), Bahagian dan Negeri
- Kursus Bahasa Arab;
- Temuduga Guru KAFA Seluruh Sabah;
- Kursus P&P Penyelia KAFA Sabah;
- Kursus Induksi Guru KAFA 2014;
- Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Sabah;
- Ijtima' Penyelia KAFA Sabah;
- Bengkel Pengurusan KAFA Negeri Sabah;
- Mesyuarat Pembangunan KAFA Negeri Sabah;
- Mesyuarat Jawatankuasa KAFA Negeri;
- Sidang Media Pengumuman Keputusan UPKK Negeri Sabah 2014; dan
- Melaksanakan pembayaran elaun kepada guru KAFA Negeri Sabah.

Jadual 1: Kuantiti Guru dan Murid KAFA Negeri Sabah Tahun 2014

KATEGORI	BILANGAN		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Guru KAFA	834 orang	1,366 orang	2,200 orang
Murid KAFA	17,430 orang	22,570 orang	40,000 orang

Jadual 2: Peruntukan Unit KAFA Bagi Tahun 2014

JENIS	JUMLAH (RM)
Pembayaran Elaun Guru KAFA Negeri Sabah	22,000,000.00
Program dan Latihan	400,000.00
JUMLAH	**22,400,000.00**

Majlis Sambutan Hari Guru Dan Anugerah Kecemerlangan UPKK Tahun 2014

JAKIM Cawangan Sabah telah berjaya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Guru Dan Anugerah Kecemerlangan UPKK Bahagian Pantai Barat Selatan Tahun 2014 pada 28 Mei 2014 bertempat di Dewan Teratai Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ustaz Halim bin Ahmad, Pengarah JAKIM Cawangan Sabah. Dalam majlis ini seramai 123 orang murid KAFA lelaki dan perempuan yang mendapat 8A bagi semua mata pelajaran Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dari 5 daerah iaitu Tuaran, Tamparuli, Menggatal, Penampang dan Kota Kinabalu. Seterusnya 12 orang telah menerima Anugerah Guru Cemerlang. Pada peringkat kebangsaan, KAFA Negeri Sabah telah menduduki tempat ketiga tertinggi dalam pencapaian 8A di dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) tahun 2014.



Ustaz Halim Ahmad dalam acara penyampaian anugerah



Ustazah Hjh. Nordianah menyampaikan ucapan aluan



Para guru, pelajar dan ibu bapa yang hadir memberi sokongan kepada Majlis Anugerah yang dianjurkan



Sidang Media Pengumuman Keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Negeri Sabah 2014
Oleh Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri

Bengkel Pemeriksaan Kertas UPKK Tahun 2015

Unit KAFA telah melaksanakan bengkel di atas pada 27 Oktober hingga 1 November 2014 bertempat di Hotel Airport View Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Seramai 90 orang peserta terdiri daripada penyelia dan guru KAFA dari seluruh Sabah terlibat dalam program tersebut. Dalam bengkel ini, mereka dibahagikan kepada enam kumpulan dan bertanggungjawab memeriksa enam bidang kertas subjek UPKK. Bengkel pemeriksaan kertas secara berpusat ini telah diadakan buat kali yang ke-6 dan melibatkan semua kertas jawapan calon dari seluruh negeri Sabah. Bengkel kali ini dimulakan dengan kursus moderasi pemeriksaan kertas jawapan secara berkumpulan mengikut subjek yang bertujuan untuk menyeragamkan panduan menyemak kertas jawapan serta panduan memberi markah kepada semua peserta bengkel.



Bengkel Moderasi sebelum memulakan Penyemakan Jawapan UPKK Subjek Ulum Syariah



Majlis perasmian bengkel dan Majlis Penyampaian Netbook 1 Malaysia daripada Wakil Pengarah SKMM

PENGURUSAN MASJID

MASJID NEGARA

Maulidur Rasul : Daurah Kitab : Bidayatul Sul Fil Tafdhili Al-Rasul

Masjid Negara telah menganjurkan Program Sambutan Maulidur Rasul 1436H pada 21-22 januari 2015 yang lalu bertempat di dewan syarahan utama Masjid Negara. Sambutan kali ini agak berbeza dengan sambutan maulidur rasul yang dianjurkan pada tahun-tahun sebelum ini. Pendekatan bedah kitab atau daurah kitab yang diperkenalkan ini adalah cetusan idea YBhg. Tuan Haji Yusuff Bin Ahmad, Timbalan Imam Besar Masjid Negara yang juga merupakan mantan imam besar masjid negeri Pulau Pinang yang biasa menganjurkan pembacaan kitab seperti ini seterusnya dapat memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang kefahaman Islam melalui pembacaan dan pembahasan kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama' ahli sunnah wal jamaah serta menolak dari fahaman israiliyyat.

Program kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat dan kira-kira 300 orang yang hadir bagi mendengar perbahasan mengenai keperibadian Baginda Rasulullah SAW yang amat kita cintai. Penceramah undangan adalah YBhg al-Fadhil Ustaz Rosli bin Osman, KPP Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. beliau merupakan tokoh agama di pulau pinang dan kerap menyampaikan ceramah-ceramah dengan kaedah pembacaan dan tadabbur kitab. Kaedah penyampaian yang menarik dan isi yang padat menceriakan suasana seterusnya mengikat para peserta untuk terus setia sehingga ke akhir program.





Program Bicara Mufti Bulanan Bersama Mufti Wilayah Persekutuan

Bagi memberi kefahaman Islam kepada masyarakat, Masjid Negara terus-menerus merancang dan menganjurkan program-program ilmiah yang bertujuan memberi pencerahan dari pelbagai sudut kehidupan beragama. Kali ini, Masjid Negara menganjurkan program Bicara Mufti siri 1/2015 pada 23 Januari 2015, jumaat di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara yang menampilkan Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan.

Kira-kira 200 orang yang hadir menadah ilmu dan bersoal jawab mengenai Hal Ehwal; Islam dan semasa. Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini antaranya Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), masjid-masjid sekitar Wilayah Persekutuan, NGO dan orang awam. Program ini akan diadakan secara bulanan sepanjang tahun 2015. Antara objektif program ialah :

1. Mendekatkan institusi mufti kepada orang awam.
2. Membentangkan isu berkaitan konsep fatwa.
3. Memberi peluang berbincang secara langsung bersama mufti.
4. Perkongsian pintar dengan media massa dan orang ramai.





Pelancaran Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Negara Kuala Lumpur

Watikah Pelantikan Jawatankuasa Induk dan Pelancaran Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas 50 tahun Masjid Negara Kuala Lumpur 2015M / 1436H telah berlangsung pada 27 Januari 2015 (selasa) bersamaan 6 Rabi'ulakhir 1436H bertempat di Dewan Syarahan, Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Masjid Negara adalah simbolik keutuhan perpaduan, kesejahteraan dan keutuhan agama Islam di Malaysia. Sejarah Masjid Negara yang mula beroperasi dari 1965 yang telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 27 Ogos 1965.

YB Perdana Menteri telah memaklumkan dalam mesyuarat kabinet bahawa adalah wajar Masjid Negara dinaik taraf setanding dengan masjid-masjid utama di negara luar. Hasil dari Mesyuarat Kabinet pada 17 Disember 2014, jemaah menteri bersetuju bahawa JAKIM menganjurkan sambutan Jubli Emas 50 tahun Masjid Negara sepanjang tahun 2015. Rentetan itu, JAKIM telah menubuhkan jawatankuasa kerja bagi melicinkan perjalanan Program Sambutan Jubli Emas 50 Masjid Negara ini yang mana akan melibatkan 27 buah agensi, 24 jawatankuasa dan 18 program.

Antara objektif penganjuran majlis ini adalah untuk memartabatkan Masjid Negara sebagai sebuah institusi masjid yang terulung di Malaysia disamping menjadikan Masjid Negara sebagai sebuah masjid yang terbaik di negara ini dalam aspek pengurusan, pengimarahan, kemudahan prasarana dan persekitaran yang indah lagi menarik. Penganjuran ini juga adalah bagi menonjolkan Masjid Negara sebagai sebuah masjid yang mempunyai ciri-ciri seni bina dan ikonik bukan sahaja di peringkat dalam negara malahan di Peringkat Antarabangsa. Ia juga bagi mempertingkatkan lagi usaha mengimarahkan institusi masjid sebagai tempat ibadah kepada orang ramai terutama sekali kepada generasi muda pasca merdeka. Selain itu juga, ia dapat memperkukuhkan lagi usaha penambahbaikkan keupayaan Masjid Negara dalam menarik lebih ramai pelancong bagi menjayakan sektor pelancongan islamik di Malaysia.

Ucapan perasmian dan pelancaran telah disempurnakan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri seterusnya menyampaikan watikah kepada yang terpilih. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Othman Bin Hj.Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM dan YBhg.Dato' Haji Othman Bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM.





Program Kem Ibadah Kanak-Kanak Siri 1/2015

Sempena Cuti Sekolah, Unit Penyelarasan Dakwah dan Ibadah, Masjid Negara telah mengadakan Kem Ibadah Kanak-Kanak Siri 1/2015 pada 17 Mac 2015. Kem berkenaan diadakan bermula 13 hingga 15 Mac 2015. Program telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat sambutan menggalakkan iaitu sebanyak 139 orang serta terdapat penyertaan dari luar Lembah Kelang iaitu Pahang 16 orang, Johor 3 orang ,Perak 3 orang dan Melaka 1 orang. Antara objektif program ini adalah:

- Melahirkan super muslim yang dapat memberi keberkatan kepada ibu bapa yang telah mendidik dengan penuh sabar
- Meningkatkan kefahaman asas-asas fardu ain dan fardu kifayah kepada anak-anak.
- Mendedahkan kisah benar yang bersandarkan al-Qur'an dan al-Hadith kepada anak-anak agar dapat memberi motivasi kepada mereka

Oleh Itu, program ini dapat bagi membantu peserta membina kecemerlangan diri menjadi insan yang soleh dan berakhlak mulia disamping meningkatkan motivasi peserta, serta bagi membimbing peserta mengenai tanggungjawab sebagai seorang anak, pelajar, ahli masyarakat dan hamba Allah yang bertaqwa.









MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

Karnival Rasul In My Heart

Bagi menafaatkan cuti hujung minggu bersama keluarga, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) telah mengadakan Karnival Rasul *In My Heart* pada 24 – 26 Januari 2014. Karnival ini diadakan dengan mensasarkan beberapa objektif utama seperti berikut:

- Memperingati perjuangan Rasulullah SAW
- Menanamkan kecintaan Rasulullah kepada masyarakat Islam dan
- Mempamerkan produk-produk Islam.

Majlis ini dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri seterusnya melancarkan terbitan Al-Qur'an Waqaf Ibtida' bertajwid. Antara dif-dif jemputan yang turut hadir ialah Y.Bhg. Tan Sri Hassan Azhari, Y.Bhg. Dr. Zahazan bin Mohamad, Pengurus Telaga Biru Sdn. Bhd., Tuan Hj Hazarudin bin Baharudin, Imam Besar MTMZA serta pengarah-pengarah Bahagian JAKIM. Antara acara menarik diadakan sepanjang karnival ini ialah pameran dan jualan produk Islamik, sukan sunnah nabi seperti memanah dan berkuda, bazaar jualan. Manakala program kerohanian pula diisi dengan qiamullail, solat dhuha dan ceramah yang menampilkan penceramah dan selebriti serta persembahan qasidah. Karnival yang berlangsung selama 3 hari ini telah menarik lebih

10,000 pengunjung. Semoga dengan aktiviti-aktiviti ini dapat mendidik masyarakat agar mendekatkan diri kepada institusi masjid seterusnya dapat memartabatkan perkembangan dunia Islam.



YB. Dato Seri Ahmad Zahidl Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri Bersama Tuan Haji Hazarudin Di Karnival Rasul *In My Heart*



Pengunjung Karnival Dalam Majlis Pelancaran Al-Qur'an Wakaf Ibtida'





Aktiviti Berkuda Dan Taman Arnab Memeriahkan Kanak-Kanak

PRAY 4 MH370 DAN MH17

Bagi memohon keselamatan dan memudahkan pencarian pesawat MH370 yang masih belum diketahui situasi sebenar MTMZA juga turut mengadakan solat hajat, bacaan Yaasiin dan Tahlil serta doa selamat pada 14 Mac 2014. Majlis yang bermula sejurus selepas Solat Jumaat dimulai dengan solat hajat dan seterusnya doa selamat dibimbing oleh Imam bertugas iaitu Y.Bhg. Ustaz Muhamad Redza bin Ahmad. Majlis yang dihadiri hampir 20,000 orang jemaah turut disertai YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak , Perdana Menteri Malaysia, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri serta YBhg.Tan Sri Aseh Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya. Manakala pada 18 Ogos 2014 MTMZA juga turut mengadakan solat jenazah ghaib sempena istiadat penghormatan jenazah tragedi pesawat MH17. Selesai solat jenazah ghaib yang dibimbing oleh YBhg. Ustaz Hamdan bin Mohamad disertai juga dengan majlis tahlil dan doa selamat.



Jemaah YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj. Baharom (B), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri turut menyertai Solat Hajat dan Doa Selamat untuk MH370



YBhg. Tuan Haji Hazarudin Bin Baharudin Imam Besar MTMZA. Mengimamkan Solat Hajat MH370 Bersama Ketua-ketua Jabatan Pelbagai Agensi



Jemaah Wanita Turut Serta Dalam Majlis Tahlil Dan Doa Selamat MH370



Keluarga Mangsa Tragedi MH17 turut hadir dalam Majlis Tahlil Dan Doa Selamat

HALAQAH BERSAMA MTMZA

Halaqah menjadi alternatif pendidikan Islam yang cukup efektif untuk membentuk peribadi Muslim. MTMZA telah mengambil inisiatif untuk bersama TV9 mengadakan program halaqah yang disiarkan secara langsung pada 18 April 2014 bersama panel jemputan YBhg. Ustaz Syed Mohd Norhisyam bin Tuan Padang, YBhg. Ustaz Roslan bin Mohamed dan YBhg. Ustaz Tarmizi bin Abd Rahman. Program ini telah mendapat tempat di hati masyarakat Putrajaya dan menjadi sejarah bagi program halaqah sendiri yang mendapat sambutan tertinggi. Disamping itu program ini juga diserikan lagi dengan ceramah khas oleh YBhg. Dato' Ustazah Siti Nor Bahyah Mahamood bersama Y.Bhg. Ustaz Wan Akashah Bin Wan Abdul Hamid. Antara objektif program ini diadakan adalah supaya masyarakat dapat mendalami ajaran Islam dan seterusnya dapat meningkatkan diri dengan ilmu. Melalui program ini juga masyarakat dapat berkongsi maklumat dikalangan para ilmuan yang mempunyai kepakaran dalam mengupas sesuatu isu.



Panel Jemputan Program Halaqah `Tak Tengok Rugi'



Jemaah MTMZA tidak berganjak menyaksikan Halaqah di MTMZA

Tokoh Antarabangsa di MTMZA

MTMZA telah berjaya menarik tokoh/ulama' antarabangsa ke masjid ini bagi menyampaikan dakwah kepada masyarakat Putrajaya. Antara tokoh jemputan khas ini ialah Nouman Ali Khan, penceramah Islam terkenal di Amerika Syarikat yang berasal dari Pakistan dan juga pengasas kepada Institut Bayyinah (The Bayyinah Institute for Arabic and Qur'anic). Kehadiran beliau telah berjaya menarik belasan ribu jemaah ke MTMZA pada 20 Jun 2014. Selain itu, Mufti Ismail Menk dari Zimbabwe juga telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan jemaah MTMZA di sepanjang bulan Ramadhan tahun 1435H. Tazkirah beliau bermula selepas solat tarawikh.



Nouman Ali Khan memberi ceramah khas



Mufti Ismail Menk sedang memberi tazkirah



Jemaah MTMZA sedang mendengar ceramah yang disampaikan oleh Nouman Ali Khan

Karnival Permotoran MTMZA

MTMZA dengan kerjasama Gabungan bikers SeMalaysia telah mengadakan kanival permotoran pada 25 Disember 2014. Objektif utama karnival ini diadakan adalah untuk memberI kesedaran keselamatan jalan raya disamping mendekatkan bikers dengan masjid. Pelbagai pengisian telah diadakan seperti pameran permotoran, sukan memanah, doa selamat dan solat hajat.





MTMZA dipenuhi dengan motosikal berkuasa tinggi



Doa selamat bersama bikers diadakan di Dewan Solat Utama MTMZA



Gerai pameran bikers

PENGGUBALAN DAN PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

PENGGUBALAN DAN PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

JAKIM telah meneruskan kesinambungan kajian undang-undang sihir dan kajian untuk mewujudkan undang-undang/ peraturan bagi pungutan khairat pada tahun 2014. Jalinan kerjasama dengan pihak Universiti Malaysia Pahang telah diteruskan bagi melaksanakan kajian undang-undang sihir melalui penganjuran bengkel-bengkel sebagaimana yang berikut :

- Bengkel Kajian Undang-Undang Sihir Bil.2 : 7-9 Februari 2014;
- Bengkel Kajian Undang-Undang Sihir Bil.3 : 11-13 April 2014;
- Bengkel Kajian Undang-Undang Sihir Bil.4 : 6- 7 Ogos 2014; dan
- Bengkel Khas Kajian Undang-Undang Sihir : 18-19 Oktober 2014.

Hasil daripada perbincangan melalui bengkel-bengkel tersebut, suatu Kertas Cadangan Untuk Mewujudkan Peruntukan Kesalahan Sihir Dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil.146 pada 3 November 2014 dan bersetuju agar kesalahan berkaitan amalan sihir dimasukkan dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah serta kajian lanjut dibuat terhadap undang-undang lain yang berkaitan.



Bengkel Kajian Undang-Undang Sihir

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak Dan Sivil

JAKIM merupakan urusetia kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang dipengerusikan oleh Penasihat Perundangan Syariah, YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman. Jawatankuasa ini berperanan dalam menggubal, menyelaras dan membantu Jakim berkenaan dengan undang-undang Islam dan isu-isu perundangan semasa. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam menyemak undang-undang sedia ada ke arah mengharmonikan undang-undang Syarak dan sivil.

Bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang khususnya undang-undang Syariah, Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat kali sepanjang tahun 2014 iaitu pada 21-23 Februari 2014, 26-28 April 2014, 17-19 September 2014 dan 2-4 November 2014. Antara undang-undang yang dibincangkan adalah Undang-Undang Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam dan Undang-Undang Profesion Guaman Syarie. Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil juga telah membincangkan mengenai cadangan untuk mewujudkan peruntukan kesalahan berkaitan amalan sihir dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah dan cadangan bagi mewujudkan undang-undang bagi mengawal aktiviti penyembelihan.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Bil.145

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan

JAKIM telah dilantik sebagai urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman. Objektif mesyuarat ini adalah memutuskan kaedah pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dan memberi penjelasan tentang pelaksanaan undang-undang Syariah kepada masyarakat. Sepanjang tahun 2014, sebanyak tiga kali mesyuarat telah diadakan iaitu pada 17 Julai 2014, 11 September 2014 dan 18-20 Disember 2014



Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman sedang mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan.

Konvensyen Undang-Undang Jenayah Syariah

Pejabat Penasihat Undang-Undang telah mengurusetiakan Konvensyen Undang-Undang Jenayah Syariah yang diadakan pada 11 Disember 2014 bertempat di Hotel Putra KL, Kuala Lumpur. Konvensyen ini dihadiri seramai 150 orang yang terdiri daripada wakil Jabatan Agama Islam Negeri, Peguam Syarie dan institusi pengajian tinggi. Objektif konvensyen ini ialah membincangkan isu, permasalahan dan cadangan penyelesaian berkaitan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dan memberi penjelasan tentang pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah kepada masyarakat dan mendapatkan input daripada pihak-pihak yang terlibat bagi mewujudkan undang-undang jenayah Syariah yang mantap dan berkesan. Praktikal hukuman sebat menurut sivil dan Syariah turut diadakan semasa konvensyen ini dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia.



Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, memberi ucapan alu-aluan.

Kempen Menangani Eksploitasi Kanak-Kanak Melalui Kutipan Amal Peringkat Kebangsaan

Pada 24 Jun 2014 bertempat di ILIM, Bangi, Jakim dengan Kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah melancarkan Kempen Menangani Eksploitasi Kanak-Kanak Melalui Kutipan Amal Peringkat Kebangsaan. Dengan tema "Bijak Bersedekah Kepada Yang Berhak", kempen ini bertujuan memberi pendedahan dan hebahan kepada umum mengenai penguatkuasaan Akta/ Enakmen di bawah undang-undang berkaitan kesalahan kutipan amal dan eksploitasi kanak-kanak, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan peranan dan tanggungjawab dalam isu eksploitasi kanak-kanak melalui kutipan amal ini.

Kempen ini melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi yang akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara serentak di seluruh Negara bagi menggempur pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam isu eksploitasi kanak-kanak melalui kutipan amal ini. Turut dilancarkan di dalam kempen ini adalah Pelan Tindakan Penguatkuasaan Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato Haji Razali bin Shahabudin. Pelan tersebut mengandungi lima Teras Strategik yang dirangka dengan kerjasama 18 agensi merangkumi agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi bagi membolehkan tindakan yang bersepadu dan berkesan dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri.



Forum bertajuk "Sokong Yang Membawa Rebah"



Pelancaran Pelan Tindakan Penguatkuasaan Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato Haji Razali bin Shahabudin.



Sokongan masyarakat perlu dalam menjayakan kempen ini.

PROGRAM DISKUSI ISU PENGUATKUASAN DAN PENDAKWAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DI REPUBLIK SINGAPURA

Agenda kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi penguatkuasaan dan pendakwaan syariah luar Negara diteruskan pada tahun ini dengan Diskusi Isu Penguatkuasan Dan Pendakwaan Undang-Undang Syariah di Republik Singapura pada 21 Ogos 2014. Deligasi yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim ini melibatkan Pegawai-Pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia.

Di samping bertujuan untuk menjalinkan hubungan strategik dengan agensi agama seperti Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Mahkamah Syariah Republik Singapura, objektif program ini bertujuan mendapatkan maklumat dan penjelasan yang tepat berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan serta kaedah-kaedah hukuman Syariah di Republik Singapura. Antara pengisian sepanjang program ini adalah Kunjung Hormat dan Diskusi di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Kunjung Hormat dan Diskusi di Mahkamah Syariah Singapura dan Kunjung Hormat dan Diskusi di Masjid Sultan, Singapura. Secara keseluruhannya program ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan diskusi dapat diadakan pada masa yang ditetapkan. Diharapkan agar program ini dapat diteruskan dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim dan kerjasama antara dua negara khususnya bagi mengkaji dan berkongsi pengalaman mengenai Perundangan Syariah dari aspek penguatkuasaan, pendakwaan, kehakiman dan pentadbiran di Agensi Kerajaan Republik Singapura.



Ucapan Aluan Oleh Pengarah Pembangunan Agama MUIS,



Ucapan Balas Oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM menyampaikan cenderahati kepada Pengarah Pembangunan Agama MUIS Tuan Mohd Murat bin Md. Aris.



Delegasi Program Diskusi Isu Penguatkuasan Dan Pendakwaan Undang- Undang Syariah bergambar kenangan di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama Dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia Bagi Tahun 2014

"Melestari Martabat Undang-Undang Syariah di Malaysia" menjadi tema Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia bagi tahun 2014. Konvensyen yang menghimpunkan lebih 140 orang Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie seluruh Negara ini telah diadakan pada 17 hingga 19 November 2014 bertempat di Hotel Wana Riverside, Melaka. Perasmiannya telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Hadir sama ialah Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka, Datuk Wira Haji Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jakim, Dato Haji Razali bin Shahabudin mewakili Ketua Pengarah Jakim dan Mufti Negeri Melaka, S.S Datuk Dr. Mohd Muhadis Yassin.

Konvensyen ini bertujuan membincangkan isu-isu dan permasalahan semasa serta mencari jalan penyelesaian yang berkaitan dalam pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Malaysia, mewujudkan tindakan penguatkuasaan Syariah yang selaras, seragam, berkesan dan bersepadu serta mengeratkan jalinan hubungan kerjasama antara agensi Persekutuan dan Negeri. Ucaptama konvensyen yang bertajuk "Melestari Martabat Undang-Undang Syariah di Malaysia" telah disampaikan oleh Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman.



Ucaptama oleh Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman,





Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM, Tuan Aziz bin Hj. Mohamad menyampaikan cenderahati kepada pembentang kertas kerja



Sesi pembentangan kertas kerja



Forum bertajuk "Perkahwinan Antara Nikmat dan Azab"



Ucapan perasmian oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)



Bergambar kenangan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)

Projek Rintis Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan & Bahagian Pendakwaan Syariah Jain

Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan Syariah JAIN telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif bagi memantau semua pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan agar ianya berjalan dengan sistematik dan berkesan selari dengan kehendak undang-undang sedia ada. Sistem ini merupakan mekanisma baharu terhadap penambahbaikan gerak kerja, menilai kekuatan dan kelemahan organisasi serta memperluaskan konsep perkongsian ilmu. Bagi menguji keabsahan instrumen Penarafan yang telah dibina, Projek Rintis Penarafan telah dijalankan di tiga buah negeri yang terpilih iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 16 Julai 2014, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 27 Ogos 2014 dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) pada 23 September 2014.

Kumpulan penilai diketuai Oleh Prof. Madya Dr. Mohd Aderi bin Che Noh dari Fakulti Pendidikan, UKM dan dibantu oleh beberapa penilai yang dilantik mengikut kepakaran serta pengalaman masing-masing dalam bidang Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah. Hasil pelaksanaan projek rintis tersebut mendapati bahawa terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dikemaskini bagi memastikan instrumen penarafan tersebut dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2015 dalam projek sebenar Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan Syariah JAIN.



Projek Rintis Penarafan di JAWI



Projek Rintis Penarafan di JAIM

Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Aqidah

Dengan bertemakan "Aqidah Kukuh Perpaduan Teguh", Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Aqidah telah dilaksanakan pada 25 November 2014 di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bandar Baru Bangi, Selangor. Seminar ini dihadiri oleh a Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie, pegawai JAKIM, JAIN, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pendakwah serta Institut Pengajian Tinggi.

Majlis perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman bin Mustapha. Manakala pembentangan kertas utama bertajuk "Kelestarian Fatwa Dalam Membina Keutuhan Negara" telah disampaikan oleh Mufti Negeri Perak, S.S. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria. Seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kesalahan-kesalahan jenayah berkaitan aqidah di Malaysia serta isu-isu yang berkaitan dengannya. Seminar ini turut mencadangkan tindakan pencegahan, penguatkuasaan dan pendakwaan yang seragam serta selaras menerusi resolusi yang dirumuskan di akhir seminar.



S.S. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak
membentangkan kertas utama bertajuk "Kelestarian Fatwa Dalam Membina Keutuhan Negara"



Ketua Pengarah JAKIM diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM dan Pengarah Bahagian Penyelarasan
Undang-Undang di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Aqidah



Forum bertajuk : "Ajaran Sesat Parasit Ummah"

PEMERKASAAN HAB HALAL GLOBAL

PEMERKASAAN HAB HALAL GLOBAL

PENSIJILAN HALAL MALAYSIA TAHUN 2014

Industri halal merupakan kuasa besar dan mempunyai permintaan yang sangat tinggi dalam pasaran global. Salah satu emelen penting dalam industri halal ialah pensijilan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pensijilan halal yang dilaksanakan oleh JAKIM menggabungkan kedua-dua elemen iaitu Islam (hukum syarak) dan sains (teknologi). Ia dilaksanakan bagi memastikan tuntutan dan prinsip-prinsip syariah dipenuhi selain keselamatan dan kebersihan sesuatu produk terjamin.

Pada tahun 2014, JAKIM telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menggariskan kesinambungan dan sinergi bersama bagi menjadikan Malaysia sebagai hab halal global menjelang tahun 2020.

Kelulusan Pensijilan HALAL dengan Tempoh 5 Tahun

Pensijilan halal Malaysia pada tahun 2014 telah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatannya dengan menawarkan tempoh pensijilan selama 5 tahun kepada syarikat yang memiliki rekod cemerlang. Syarikat-syarikat tersebut adalah pemegang sijil halal yang telah memberi komitmen yang tinggi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.


Sepanjang tahun 2014, terdapat 9 permohonan telah diberikan pensijilan untuk tempoh 5 tahun, iaitu:

- AJINOMOTO (MALAYSIA) BERHAD
- BERRY CALLEBAUN (M) SDN BHD
- F&N DAIRIES MANUFACTURING SDN BHD
- GARDENIA BAKERIES (KL) SDN BHD
- HOE PHARMACEUTICALS SDN BHD
- KUALA LUMPUR FRIED CHICKEN (M) SDN BHD
- NESTLE MANUFACTURING (M) SDN BHD


Statistik Pensijilan HALAL Malaysia dalam Negara Bagi Tahun 2014

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 8920 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 4,442 (50%) adalah merupakan permohonan penambahan produk dan 1,017 (11%) permohonan pembaharuan. Syarikat bukan bumiputra masih lagi mendahului senarai pemohon sijil halal Malaysia iaitu sebanyak 66% walaupun berlaku sedikit penurunan berbanding tahun 2013. Statistik menunjukkan sebanyak 4,720 permohonan telah diluluskan, manakala jumlah syarikat yang gagal adalah 159 disebabkan tidak mematuhi prosedur pensijilan yang ditetapkan. Maklumat berkaitan permohonan pensijilan halal Malaysia adalah seperti butiran di bawah:


Carta 1 : Permohonan Pensijilan Halal yang diterima sepanjang tahun 2014




Carta 2 : Permohonan Pensijilan Halal yang diterima sepanjang tahun 2013 – 2014




Carta 3 : Demografi Pemohon Pensijilan Halal Malaysia bagi tahun 2013 - 2014



Carta 4 : Statistik Pensijilan Halal Malaysia bagi tahun 2013 - 2014



Carta 5 : Statistik Pensijilan Halal Malaysia bagi tahun 2013 - 2014



CAWANGAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Pemantauan dan Penguatkuasaan

Akta Perihal Dagangan 2011 telah diluluskan di Parlimen pada 11 julai 2011 setelah Akta Perihal Dagangan (APD) 1972 dan peraturan-peraturan di bawahnya dipinda. Akta ini menjadikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebuah badan kawal selia yang dibantu oleh JAKIM dan MAIN / JAIN dalam penguatkuasaan halal.

Akta ini, bersama Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan halal) 2011; juga turut menamakan Jakim dan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pihak berkuasa berwibawa yang mengeluarkan sijil halal malaysia dalam Negara. Ia mula dikuatkuaskan pada 1 Januari 2012.

JAKIM diamanahkan untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pihak industri bagi memastikan piawaian halal dipatuhi dan kepentingan umat islam terpelihara.

Pelaksanaan pemantauan berkala dan susulan dilakukan terhadap pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) manakala pemeriksaan penguatkuasaan dliakukan terhadap bukan pemegang SPHM yang melibatkan pemeriksaan berdasarkan aduan dan juga pencegahan.

Dalam melaksanakan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan di lapangan, cawangan ini menggunakan asas rujukan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) Malaysian Standard (MS) Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan Perintah-perintah berkaitan.

STASTISTIK PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN


Sepanjang Januari hingga Disember 2014, sebanyak 1073 pemeriksaan pemantauan telah dilakukan, manakala pemeriksaan penguatkuasaan pula sebanyak 291. Jumlah keseluruhan kedua-dua pemeriksaan adalah 1364. Keterangan lanjut adalah seperti carta 2.

Carta 1: Pemantauan Dan Penguatkuasaan



Pemeriksaan pemantauan dipecahkan kepada dua iaitu pemeriksaan berkala dan susulan. Manakala penguatkuasaan juga dipecahkan kepada dua iaitu pemeriksaan berdasarkan aduan dan juga operasi. Pecahan bagi setiap pemeriksaan mengikut bulan adalah seperti berikut:

Carta 2: Pencapaian Jenis Permeriksaan Pemantauan Dan Penguatkuasaan



Carta 3: Jenis Pemantauan Dan Penguatkuasaan Yang Dilakukan Sehingga November 2014



Manakala pecahan mengikut kategori skim pensijilan halal iaitu produk, premis makanan/ hotel, barang gunaan, kosmetik, rumah sembelih, farmaseutikal dan logistik adalah seperti jadual-jadual berikut:

Jadual 4: Kategori Pemantauan Dan Penguatkuasaan Sehingga Disember 2014

KATEGORI PEMANTAUAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
PRODUK MAKANAN	106	128	99	103	56	69	31	59	27	80	7	22	787
PREMIS /HOTEL	41	30	21	40	39	36	32	11	23	23	10	11	317
BARANG GUNAAN	7	2	14	4	0	0	1	3	0	2	1	3	37
KOSMETIK	21	2	8	2	3	3	0	0	0	0	0	1	40
RUMAH SEMBELIH	1	15	0	24	12	12	3	1	11	12	24	24	139
FARMASEUTIKAL	6	3	5	2	0	1	0	1	1	2	1	2	24
LOGISTIK	0	0	1	1	0	7	4	4	0	2	0	1	20
JUMLAH	182	180	148	176	110	128	71	79	62	121	43	64	1364

Carta 5: Pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan mengikut produk, premis makanan/ hotel, barang gunaan, kosmetik, rumah sembelih, farmaseutikal dan logistik sehingga Disember 2014.



Carta 6: Peratusan Kategori Pemeriksaan Pemantauan Dan Penguatkuasaan



Dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan, JAKIM mengadakan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain, sperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdangan Dalam Negeri, Operasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatn Perkhidmatan Veterinar (JPV), dan lain-lain.

Penemuan Hasil Daripada Pemeriksaan Pemantauan

Daripada 1073 pemeriksaan pemantauan yang dijalankan, didapati 198 premis/ syarikat telah melakukan kesalahan samada kesalahan kecil, besar atau serius. Daripada jumlah tersebut, 142 syarikat telah diberikan amaran kerana melakukan kesalahan kecil, 52 peremis telah dieknakan tindakan penggantungan kerana melakukan kesalahan besar dan 4 premis telah ditarik balik Sijil Pengesahan Halal Malaysiaa kerana melakukan kesalahan serius.

Jadual 7: Kategori Kesalahan Pemegang SPHM

TINDAKAN	JUMLAH
NCR	142
GANTUNG	52
TARIK	4
JUMLAH	198

Penemuan Hasil Daripada Pemeriksaan Penguatkuasaan

JAKIM telah melakukan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas 292 buah premis di seluruh Malaysia yang meliputi operasi, risikan, amaran dan aduan awam.

JAKIM turut melaksanakan beberapa Operasi Khas iaitu Ops "Buffet Ramadhan", Ops Kesan Ayam Sembelihan di Pasar Borong, Pasar Basah dan Pasar Tani, Ops Kesan Ikan Patin Dan Ikan Keli, Ops Kesan Gelatin Sempena Musim Perayaan, Ops Kesan Coklat DNA Babi dan Ops Kesan Kopi Tiruan.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, 36 kertas siasatan telah dibuka dan dalam peringkat siasatan kerana menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 dengan nilai rampasan sebanyak RM850,000.00. Sebanyak 4 kes telah selesai, iaitu 2 kes kompaun, 1 kes NFA dan 1 kes DNAA. Manakala 6 kertas siasatan kes telah diserah kepada Timbalan Pendakwa Raya, KPDNKK untuk semakan dan tindakan lanjut.

Daripada 36 kes yang diambil, 20 kes adalah atas kesalahan menggunakan dan mempamerkan logo halal yang tidak diiktiraf, 16 kes di atas kesalahan penggunaan ungkapan Halal yang melibatkan 14 kertas siasatan kes operasi produk makanan kesihatan bersama Bahagian Farmasi, KKM, 3 kertas siasatan kes Ops "Buffet Ramadhan", 3 kertas sisatan kes Ops Kesan Gelatin dan 10 kertas siasatan kes Ops Kesan Kopi Tiruan. (lihat Jadual 13).

Jadual 8 : Jadual menunjukkan tindakan penguatkuasaan yang diambil berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

BIL. KERTAS SIASATAN	PERIHAL KESALAHAN & SEKSYEN/ PERINTAH/ AKTA	KESALAHAN
20	Perkara 4 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011	Penggunaan logo halal swasta atau logo halal generik
16	Seksyen 16 APD 2011	Representasi palsu/ penggunaan logo halal tanpa sijil yang sah

Data Aduan Yang Diterima Pada Tahun 2014

Hanya aduan yang lengkap dan berkaitan penyalahgunaan sijil dan logo halal sahaja yang akan diambil tindakan dan diselesaikan. Sebanyak 222 aduan telah diterima sepanjang bulan Januari hingga Disember 2014. Daripada jumlah tersebut, sehingga Disember 2014 sebantak 85% aduan telah berjaya diselesaikan. (190 daripada 222).

Jadual 9 : Jadual di bawah menunjukkan maklumat bilangan aduan yang diterima dan aduan yang diselesaikan.

BILANGAN ADUAN DITERIMA	ADUAN SELESAI
222	189

Jadual 15 : Carta pai menunjukkan peratusan aduan selesai dari Januari sehingga Disember 2014



Analisis Persampelan

Sepanjang Januari hingga Disember 2014, sebanyak 43 sampel bahan ramuan dan produk siap telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis kesahihan sumber halal sesuatu produk yang diragui atau terdapat aduan awam. Bilangan sampel yang dihantar adalah mengikut parameter seperti di Jadual 15.

Jadual 15 : Bilangan Sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Januari hingga Disember 2014

Parameter	Fizikal	DNA	Triglaserida	Alkohol	Kimia	Jumlah
Bilangan	2	39	0	0	2	43

ASIA OCEANIA HALAL CERTIFICATION BODIES ENHANCEMENT PROGRAMME

Asia Oceania Halal Certification Bodies Enhancement Programme merupakan program berdasarkan teras strategik (Buku Merah) ke enam iaitu pemerkasaan pengurusan pensijilan halal Malaysia agar dapat menjalinkan usahasama dengan badan-badan pensijilan halal luar negara. Objektif pelaksanaannya adalah bagi menjadi penggerak kepada usahasama yang lebih bersepadu di antara badan-badan pensijilan halal seluruh dunia; meningkatkan kompetensi badan-badan pensijilan halal yang diiktiraf melalui latihan bersama dan perkongsian pengetahuan; dan menggerakan penyertaan badan-badan pensijilan halal dalam penggunaan pangkalan data Halal Verified Engine. Ia telah dilaksanakan pada 10-14 November 2014 bertempat di Palm Garden Hotel, Putrajaya dengan kelulusan peruntukan kewangan sejumlah RM 41,176.00.

Peserta yang terlibat berjumlah 39 orang terdiri daripada 28 buah badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf.

Majlis Perasmiannya yang diadakan pada 10 November 2014 telah dihadiri oleh para tetamu jemputan dan para peserta seramai 100 orang. Pengarah Bahagian Hab Halal, Puan Hajjah Hakimah bin Mohd Yusoff, telah mewakili Ketua Pengarah JAKIM merasmikan majlis tersebut. Beliau turut membacakan teks ucapan perasmian Ketua Pengarah JAKIM. Program selama lima hari diisi dengan dua syarahan perdana dan 16 modul pembelajaran dalam dan luar dewan.

Majlis penutup yang diadakan pada 14 November 2014 telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah (Kanan), Bahagian Hab Halal, Dr. Sirajuddin bin Suhaimee mewakili Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM. Berdasarkan maklum balas daripada para peserta, program ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan diharap akan diteruskan secara berkala pada masa hadapan.





Penerangan ringkas daripada En Ir. Zulfaizal b Mat Zin, pengurus tapak projek Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC)

JAWATANKUASA TEKNIKAL HALAL NEGARA-NEGARA MABIMS

Jawatankuasa Teknikal Halal Negara-Negara MABIMS Bilangan 1 Tahun 2014 telah diadakan pada 18 hingga 20 Ogos 2014 yang lalu di Hotel Bangi-Putrajaya. Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 05 kali bermula dari tahun 2011 di mana Jakim adalah urusetia kepada mesyuarat ini.

Mesyuarat telah diadakan secara back-to-back dengan bengkel Pelan Pengiktirafan Pensijilan Halal Bersama dan Pengharmonian Piawaian Halal Bersama yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) Republik Singapura.

Hasil daripada mesyuarat ini adalah diharapkan dapat mengharmonisasikan standard dan peraturan pensijilan halal di antara negara-negara anggota agar memudahkan perdagangan produk halal negara-negara terlibat.

PENYERTAAN JAKIM DI DALAM THE STANDARDS AND METROLOGY INSTITUTE FOR ISLAMIC COUNTRIES (SMIIC.)

JAKIM bersama-sama delegasi daripada Jabatan Standards Malaysia dan agensi-agensi lain yang terlibat telah mewakili Malaysia untuk menghadiri mesyuarat 7th General Assembly (GA) of The Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC) pada 17-24 November 2014 di Istanbul, Turki.

Pada mesyuarat ini Malaysia telah memohon untuk menjadi ahli SMIIC dan telah diterima serta diluluskan melalui pengundian yang diadakan dikalangan anggota Board of Directors (BOD) of SMIIC. Dengan kemasukan Malaysia jumlah keanggotaan SMIIC adalah 31 buah negara.

Antara objektif penubuhan SMIIC di mana Malaysia boleh menyumbang kepakaran adalah melalui pembangunan standard halal diperingkat negara OIC dan memberikan bantuan kepakaran kepada negara-negara anggota di dalam membangunkan pensijilan halal.

PEMBANGUNAN KAPASITI HALAL IMANOR-MOROCCO

JAKIM telah bekerjasama dengan International Trade Centre (ITC), Geneva untuk membantu ITC dalam membangunkan kapasiti badan pensijilan halal Morocco iaitu Institut Marocain de Normalisation/ Moroccan Institute for Standardization (IMANOR).

Bengkel bersama IMANOR telah dijalankan di Rabat, Morocco pada 25 Oktober 2014 hingga 06 November 2014 dan Jakim telah menghantar seramai 03 pegawai untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama-sama pegawai IMANOR.

Bengkel latihan yang diperlukan ini bertujuan untuk membina dan meningkatkan keupayaan kakitangan serta juruaudit yang berkelayakan di IMANOR dalam proses pensijilan halal.

Hasil daripada bengkel ini adalah diharapkan IMANOR berupaya menjadi badan pensijilan halal di Morocco yang berwibawa serta dapat menjalinkan hubungan yang erat dengan Jakim untuk manfaat bersama di masa hadapan.

LAWATAN ANTARABANGSA

KUNJUNGAN HORMAT THE CENTRAL ISLAMIC COUNCIL OF THAILAND (CICOT) KE JAKIM

JAKIM menerima kunjungan dari CICOT pada 21 Oktober 2014 dengan seramai 30 orang. Tujuan kunjungan ini adalah untuk mendapatkan kerjasama dalam operasi isu halal.







AKTIVITI UNIT MAKMAL

Lawatan Unit Makmal ke Bilik Mock-Up

Pada 25 April 2014, Unit Makmal Bahagian Hab Halal, JAKIM telah menghadiri lawatan ke bilik mock-up yang bertempat di tapak Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC). Lawatan yang dianjurkan oleh pihak JKR ini adalah bertujuan untuk menunjukkan keadaan sebenar perabot makmal yang akan dipasang. Hasil daripada lawatan ini, beberapa isu berbangkit telah dikemukakan oleh Unit Makmal bagi tujuan penambahbaikan.







Penerangan ringkas daripada En Ir. Zulfaizal b Mat Zin, pengurus tapak projek Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC)





Perabot makmal di bilik mock-up

Lawatan Ketua Pengarah JAKIM ke Tapak Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC)

Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman Mustapha telah mengadakan lawatan ke tapak Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC) pada 22 Mei 2014 dengan diiringi oleh pegawai-pegawai JAKIM. Lawatan ini turut disertai oleh Pengarah Bahagian Hab Halal, Pn Hakimah Mohd Yusoff dan pihak JKR. Tujuan lawatan adalah untuk melihat perkembangan terkini serta membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan projek pembangunan makmal. Status pembangunan fizikal pada masa lawatan ini adalah 77%.



Pembentangan status terkini pembangunan makmal oleh pihak JKR kepada pihak JAKIM



Pemantauan perkembangan projek oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman Mustapha



Pengarah Bahagian Hab Halal turut menyertai lawatan ini

PROGRAM KESEDARAN HALAL

HALFEST 2014

Bahagian Hab Halal menyertai di Ekspo Kepenggunaan, Halal Fiesta Malaysia (HALFEST 2014) di Mines International Exhibition & Convention Centre, Seri Kembangan anjuran SHAPERS Malaysia Sdn. Bhd. merupakan program tahunan yang dirasmikan oleh YAB Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 3-7 September 2014.









PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DALAM NEGERI

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DALAM NEGERI

SEKSYEN DALAM NEGERI

MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1435H/2014

Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M telah diadakan dengan jayanya pada 10 hingga 14 Mac 2014 bertempat di Auditorium MBSA, Shah Alam, Selangor. Majlis selama lima hari ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Pembukaan Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor, manakala Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj. Tiga kategori telah dipertandingkan iaitu kategori juzuk 1 – 10, juzuk 1 – 20 dan juzuk 1 – 30 bagi lelaki dan perempuan.

Keputusan penuh seperti berikut:

KATEGORI	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
HAFIZ			
1-10 juzuk	Muhammad Zulhilmi Bin Ab Rahman (Kelantan)	U'baid Bin Mohd Asri (Perlis)	Nasyhraf Ideen Bin Nahar (Selangor)
1-20 juzuk	Muhammad Syazani Bin Jemy (Negeri Sembilan)	Abdul Wafi Azzaki Bin Sinwan (Melaka)	Muaz Bin Nadsarudin (Perak)
1-30 juzuk	Mohd Ersyad Bin Abdullah (Kedah)	Khairul Anuar Bin Mohd Dahnan (Perak)	Mohamad Omar Bin Mansu (Negeri Sembilan)

KATEGORI	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
HAFIZAH			
1-10 juzuk	Putri Aminah Binti Mohd Anif (Kelantan)	Sumaiyah Najihah Binti Mohd Zaini (Selangor)	Fathinizzati Binti Fahmi (Negeri Sembilan)
1-20 juzuk	Siti Hajar Nabilah Binti Mohd Darha (Selangor)	Farah Faqihah Binti Mohd Iqbal (Pahang)	Siti Aishah Binti Zolkifli (Kedah)
1-30 juzuk	Norhaafizah Binti Mohd Shafie (Selangor)	Nur Munirah Binti Mohd Nor (Kelantan)	Mazian Binti Abu Bakar (W.P.)



Tetamu VIP yang hadir



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedang menyampaikan ucapan aluan



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj, Sultan Selangor menyempurnakan titah ucapan peramian Majlis Penutupan dan Penyampian Hadiah Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan



Antara pemenang Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke 35 Tahun 2014M/1435H

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-57 TAHUN TAHUN 2014

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-57 yang bermula pada 13 hingga 17 Mei 2014 di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang telah disertai seramai 30 qari dan qariah dari seluruh Malaysia.

Majlis Perasmian Pembukaan telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Majlis turut dihadiri oleh YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor, YB Datuk Seri Diraja Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang dan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Tilawah Ke 57 pada tahun ini yang bertemakan "Wassatiyah Tonggak Kesatuan Ummah" turut menampilkan kelainan apabila bekas-bekas juara qari dan qariah peringkat kebangsaan telah dijemput untuk memperdengarkan bacaan al-Quran.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada peserta telah disempurnakan oleh Kebawah duli Yang teramat Mulia (KDYTM) Tengku Mahkota Pahang. Johan Qari dan Qariah membawa pulang wang tunai berjumlah RM 30,000 dan sebuah kereta Proton Preve sumbangan dari Tabung Haji dan pakej menunaikan Haji. Naib Johan dan Tempat ketiga bagi Qari dan Qariah pula membawa pulang hadiah wang tunai masing-masing berjumlah RM 20,000 dan RM 10,000. Hadiah saguhati berupa wang tunai RM 5,000 telah diberikan kepada semua peserta yang menyertai Majlis Tilawah pada tahun ini.

Keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Ke-57 ialah seperti berikut:

QARI
Tempat Pertama:
Ahmad Tirmizi Bin Haji Ali (Terengganu)

Tempat Kedua:
Amirahman Bin Abas (Negeri Sembilan)

Tempat ketiga:
Wan Fakhrurrazi Bin Wan Muhammad (Wilayah Persekutuan)

QARIAH
Tempat Pertama:
Hanimzah Binti Jalaluddin (Pahang)

Tempat Kedua:
Nur Faizah Binti Panut (Selangor)

Tempat Ketiga:
Nur Azrah Binti Ayub (Johor)

Johan Keseluruhan: Terengganu



Johan Qari dan Qariah



Perasmian Majlis Tilawah

PERSIDANGAN PENGERUSI-PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL ISLAM SELURUH MALAYSIA BIL.1/2014

Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia (PPJISM) Bil.1/2014 telah bersidang pada 7 Julai 2014 bersamaan 9 Ramadan 1435 di Dewan Syura, Aras 9 JAKIM, Putrajaya. Persidangan yang lebih dikenali sebagai Mesyuarat EXCO ini dipengerusikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dihadiri oleh semua barisan EXCO Hal Ehwal Islam dari setiap negeri.

Persidangan ini unik kerana barisan EXCO yang dilantik dari pelbagai ideologi politik mampu bekerjasama sebagai satu pasukan untuk memberi fokus kepada pembangunan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam. Persidangan yang membincangkan masa depan dan hala tuju umat Islam di Malaysia ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Agensi-Agensi di Bawah YB Menteri, barisan kepimpinan JAKIM, Ketua-ketua Jabatan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pengurusan hal ehwal Islam seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut serta ialah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana Menteri bergambar bersama Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri Seluruh Malaysia serta wakil



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) Menteri Di Jabatan Perdana Menteri sedang mempengerusikan persidangan.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1435H/2014M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M telah diadakan dengan jayanya pada 12 Rabi'ulawwal 1435H bersamaan 14 Januari 2014 (Selasa), bertempat di

Masjid Putra, Putrajaya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan mencemar duli menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya.

Dengan bertemakan "**Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah**", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri, YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor; YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri; YBhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman; YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M, dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis sambutan itu turut disertai lebih 13,500 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Terlebih dahulu, para peserta kontinjen telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul yang bermula dari hadapan bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya dan turut diiringi oleh alunan selawat kepada Baginda Nabi SAW.

Dalam majlis itu juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan (9) penerima anugerah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW dan Anugerah Maulidur Rasul SAW. Penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW bagi tahun 1435H/2014M ialah YBrs. Dr. Mohd Daud bin Bakar, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM50,000, sijil, plak serta hadiah iringan Mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00.

Manakala penerima-penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW pula ialah YBhg.Tan Sri Abdul Kader Talip (Bekas Mufti Wilayah Persekutuan), YBhg. Dato' Faiza bin Haji Thamby Chik (Felo Kehormat Universiti Sains Islam Malaysia), YBhg. Datuk Wira Hj.Hamza bin Taib (Pesuruhjaya Polis Sabah), YBhg. Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM: 2013-2016), YBhg. Prof. Dato' Zakaria bin Stapa (Pensyarah di Jabatan Akidah dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), YBhg. Datin Rosmiyati binti Haron (Mantan Pengarah Bahagian Latihan Jakim), YBrs. Encik Azimi Kassim @ Pak Ngah, (Juruhebah Radio Salam FM) dan Allahyarham Ahmad Ammar bin Ahmad Azam (Pelajar Malaysia di Turki dan Sukarelawan Malaysia). Masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, sijil, plak serta hadiah iringan mashaf al-Quran dan set Kitab Tafsir Fi-Zilalil Quran yang bernilai RM 3,000.00. Majlis sambutan ini diakhiri dengan ceramah khas yang disampaikan oleh pendakwah bebas, YBrs. Ustaz Mohammad Kazim bin Elias.













Suasana sepanjang majlis Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M

MAJLIS PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/ 2014M

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2014M pada 25 Oktober 2014 (Sabtu) bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Penyertaan melebihi 4,500 orang terdiri daripada 100 pasukan kontinjen daripada jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan swasta.

Tema sambutan "**Perpaduan Nadi Transformasi Negara**" amat bertepatan dengan usaha Kerajaan yang inginkan rakyat negara ini bersatu padu, bekerjasama, saling memahami dan menerima di antara satu sama lain atas dasar akidah supaya dapat direalisasikan sebagai sebuah negara unggul dengan wujudnya konsep "*unity in diversity*".

Kemuncak bagi Majlis Sambutan Maal Hijrah ini adalah penganugerahan tokoh Maal Hijrah di mana YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara dinobatkan sebagai tokoh Peringkat Kebangsaan tahun 1436H/2014M. Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 100,000.00, sebuah plak, pingat dan sijil penghargaan.



YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman menerima cenderamata daripada YAB Perdana Menteri.

Persidangan ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia Tahun 2014

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berjaya menganjurkan sebanyak tiga (3) kali persidangan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan Jabatan Agama Islam Sarawak.

1. Persidangan Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (PKJ) Kali Ke-93 telah diadakan pada 30 Mac hingga 1 April 2015 bertempat di Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu, Terengganu.

2. PKJ Kali Ke-94 telah diadakan pada 13 hingga 15 Ogos 2014 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis.

3. PKJ Kali Ke-95 pada 11 hingga 13 Disember 2014 bertempat di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Othman Bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM. Ahli persidangan yang hadir terdiri daripada Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) / Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Pegawai-Pegawai Kanan wakil agensi-agensi dibawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Tabung Haji dan Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM.

Persidangan ini merupakan platform untuk mengukuhkan kerjasama antara JAKIM dan JAIN/ MAIN dalam pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri dan persekutuan. Persidangan ini juga bertujuan untuk menyelaras dan mewujudkan keseragaman dalam pentadbiran dan perlaksanaan hukum syara' di negeri-negeri di samping mempelajari kemajuan yang dicapai oleh JAIN/ MAIN untuk dijadikan panduan dan penanda aras kepada yang lain.









Gambar-gambar semasa Persidangan Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Tahun 2014

SEKSYEN LUAR NEGARA

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) KE-39 DAN PERTEMUAN TIDAK RASMI MENTERI-MENTERI AGAMA BRUNEI DARUSSALAM, REPUBLIK INDONESIA, MALAYSIA DAN REPUBLIK SINGAPUR

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Ke-39 dan Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Ke-16 telah berjaya diadakan pada 30 November – 4 Disember 2014 bertempat di Hotel Nusa Dua, Bali, Indonesia.

Delegasi Malaysia bagi Mesyuarat SOM diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM bersama tiga (3) orang pegawai. Manakala Pertemuan MABIMS Ke-16 dihadiri oleh ke empat-empat Menteri bertanggungjawab bagi hal ehwal mengenai agama setiap negara anggota. Malaysia diwakili oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebanyak tujuh (7) kertas Bidang Strategik dan empat (4) kertas Bidang Khas telah dibentang dan dibincangkan sepanjang dua hari mesyuarat SOM berlangsung. Satu kertas tema bertajuk "**Agama Sebagai Berkah Bagi Umat Manusia**" telah dibentang oleh setiap negara anggota MABIMS. Kertas Tema bagi pihak Malaysia telah dibentangkan oleh YBrs. Puan Hajah Saimah binti Mukhtar, Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, JAKIM.

Menteri-menteri agama negara anggota MABIMS telah bersama-sama melancarkan buku sempena Sambutan Ulang Tahun ke-25 MABIMS bertajuk "**25 Tahun MABIMS**" pada 2 Disember 2014. Pertemuan MABIMS dimulakan dengan mengesahkan keputusan Mesyuarat SOM Ke-39 dan menandatangan minit MABIMS Ke-16. Pertemuan MABIMS telah dipengerusikan oleh Menteri Agama Republik Indonesia, Bapak Lukman Hakim Saifuddin. Dalam Pertemuan MABIMS, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut membentangkan kertas kerja bertajuk **"Isu Jihad Umat Islam Malaysia Atas Nama IS"**. YB Menteri turut meluangkan masa mengadakan pertemuan dan diskusi bersama pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut dalam bidang perubatan di Universiti Udayana, Bali, Indonesia.

Mesyuarat SOM Ke-39 dan Pertemuan MABIMS Ke-16 di Bali pada kali ini telah sepakat memutuskan Negara Brunei Darusaalam sebagai tuan rumah bagi SOM ke-40 pada tahun 2015. Malaysia pula dipilih sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat SOM Ke-41 dan Pertemuan MABIMS Ke-17 pada tahun 2016.



Barisan Ketua Delegasi MABIMS dan SOM



Pembentangan kertas kerja bertajuk "Isu Jihad Umat Islam Malaysia atas nama IS" oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Sidang Pertemuan MABIMS Ke-16



Barisan Ketua Delegasi SOM



Sesi Pertukaran Cenderahati Ketua Delegasi SOM Malaysia dan Indonesia



Sesi Pelancaran Buku "25 Tahun MABIMS"



Bergambar bersama-sama pelajar-pelajar Malaysia

PERMOHONAN VISA IKTISAS

Bahagian Perhubungan merupakan urus setia permohonan Surat Sokongan Pas Lawatan Visa Ikhtisas bagi permohonan baharu dan lanjutan untuk pelajar Islam, pelajar saudara baharu dan tenaga pengajar warganegara asing yang melepasi tapisan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/ Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Mufti Negeri.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 3,095 permohonan telah disokong oleh Jakim bagi meneruskan tempoh visa ikhtisas untuk berada di Malaysia.

NEGERI	TENAGA PENGAJAR	PELAJAR ISLAM ASAL	PELAJAR SAUDARA BARU
Johor	58	68	-
Kedah	69	378	1
Kelantan	46	193	9
Melaka	3	31	22
Negeri Sembilan	43	10	-
Pahang	82	144	8
Pulau Pinang	53	132	-
Perak	45	29	2
Perlis	2	35	1
Selangor	214	319	301
Terengganu	18	176	9
W. P. Kuala Lumpur	52	432	110
Jumlah	**685**	**1947**	**463**

Jadual 1 : Taburan permohonan yang disokong mengikut negeri.

PROGRAM MABIMS SEPANJANG TAHUN 2014

PEMENTASAN KESENIAN ISLAM MABIMS 2014

Malaysia telah menghantar delegasi ke Program Pementasan Kesenian Islam MABIMS dengan tema "Membangun Peradaban Islam Nusantara Melalui Penghayatan Sejarah Islam dan Seni Budaya Melayu" pada 25 hingga 27 April 2014 di Negara Brunei Darussalam.

Delegasi Malaysia terdiri daripada 13 orang iaitu kumpulan Nasyid: Imam Muda Qariah (IMQ) seramai 11 orang bersama-sama seorang pegawai pengiring dan seorang pegawai penyelaras. Kumpulan nasyid ini telah berjaya mempamerkan persembahan yang mantap dalam program pementasan tersebut.

Program ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pangiran Muda Mahkota Peniran Muda Haji Al-Mutadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasanul Bolkiah Mu'izzuddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pegiran Haji Salleh Ab. Rahman yang juga merupakan tetamu kehormat majlis tersebut.

Turut hadir dalam majlis perasmian program tersebut ialah YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM.



Majlis perasmian Program Pementasan Kesenian Islam MABIMS



Pementasan Kesenian Islam MABIMS

SEMINAR ULAMA MABIMS 2014

Sekretariat MABIMS Malaysia telah mewakili Malaysia ke Seminar Ulama MABIMS 2014 pada 19 hingga 21 Mei 2014 di Holiday Inn Orchard City, Republik Singapura. Seminar ini bertemakan "**Melakar Rangka Kerja Bio-Etika Islam Senusantara**" telah disertai oleh empat (4) anggota Negara MABIMS iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

Sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut dan telah diperhalusi semasa Sesi Perbincangan Meja Bulat. Kertas kerja bertajuk "**Hak dan Batas-batas Individu Dalam Isu Kajian DNA dan Pendermaan Organ**" telah berjaya dibentangkan oleh Puan Nor Safina binti Zainal Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM. Hasil daripada seminar ini juga, satu draf awal Rangka Kerja Bioetika Islam telah dapat dihasilkan.



Pembentangan kertas kerja



Seminar Ulama MABIMS 2014

MUSYAWARAH RUKYAT DAN TAQWIM ISLAM NEGARA ANGGOTA MENTERI-MENTERI AGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, REPUBLIK INDONESIA, MALAYSIA DAN REPUBLIK SINGAPURA (MABIMS)

Musyawarah Rukyat Dan Taqwim Islam Negara Anggota Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia Dan Republik Singapura (MABIMS) telah diadakan pada 21 Hingga 23 Mei 2014 Di Jakarta, Indonesia.

Dua (2) orang pegawai JAKIM telah mewakili Malaysia ke seminar tersebut.

Tiga (3) kertas kerja telah dibentang dalam musyawarah tersebut termasuk pembentangan oleh En. Muhamad Zakuwa bin Rodzali dengan tajuk "Telah Data Hasil Observasi Hilal (Rukyatul Hilal) Tahun 2011-2013M Lokasi Representatif untuk Rukyatul Hilal di masing-masing Negara" dan "Membangun Kesepakatan Kriteria dan Wilayatul Hukmi MABIMS dalam Penetapan Awal Bulan Qamariah" yang dibentangkan oleh En. Shahril Azwan bin Hussin.

BENGKEL DAN MESYUARAT TEKNIKAL PEMBANGUNAN HALAL MABIMS 2014

Pada 18 Ogos 2014, ahli jawatankuasa teknikal halal MABIMS telah membincang dan meneliti dua (2) pelan kerjasama yang diterajui oleh Malaysia sebagai penghubung iaitu Pelan Kerjasama Pensijilan Halal dan Pelan Pengharmonian Piawaian. Perbincangan dan bengkel telah diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor dan dipengerusikan oleh Puan Hakimah binti Mohd Yusoff, Pengarah Bahagian Hab Halal yang juga merupakan salah seorang ahli jawatankuasa bagi pembangunan halal MABIMS. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Ustazah Hajah Zakiah binti Haji Taib, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah, Liyana binti Haji Julaihi, Bahagian Kawalan Makanan Halal di Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Haji Abdul Rahman bin Matzin, Ketua Bahagian Antarabangsa dan MABIMS.

Pelan Kerjasama Pensijilan Halal merupakan salah satu daripada lapan (8) pelan kerjasama yang telah dipersetujui oleh negara-negara anggota di bawah bidang khas Pembangunan Halal MABIMS.

BAS BELIA MABIMS 2014

Progam Bas Belia MABIMS 2014 telah diadakan pada 22 hingga 28 Oktober 2014 iaitu bermula dari Surabaya hingga ke Denpasar, Bali, Indonesia.

Malaysia yang diwakili oleh JAKIM telah menghantar delegasi bagi menyertai program tersebut yang diketuai oleh Encik Mohd. Hariri bin Haji Mohamad Daud. Turut serta dalam program tersebut ialah Encik Ruslan bin Said yang menyertai majlis penutup program.

Penganjuran program Bas Belia MABIMS tahun 2014 oleh Kementerian Agama Indonesia telah memilih destinasi kota-kota utara di Pulau Jawa dengan tujuan untuk memperkenalkan corak Islam pesisir Nusantara yang memiliki perbezaan dengan model keislaman di pedalaman.







Gambar-gambar sepanjang program Bas belia MABIMS 2014

BENGKEL TEKNIKAL AMALAN TERBAIK PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGARA ANGGOTA MABIMS 2014

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah berjaya menganjurkan Bengkel Teknikal Amalan Terbaik Pembasmian Kemiskinan Negara Anggota MABIMS 2014 dari 11 hingga 14 Ogos 2014 bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur.

Bengkel ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) pada 12 Ogos 2014 di Menara Wakaf Kuala Lumpur.

Seramai empat (4) orang pembentang utama daripada perwakilan Negara anggota MABIMS telah membentangkan kertas kerja dalam bengkel tersebut dan tiga (3) resolusi telah berjaya dicapai dan dipersetujui oleh ke empat-empat buah Negara anggota MABIMS.





Majlis Perasmian Bengkel Amalan Terbaik Pembasmian Kemiskinan negara Anggota MABIMS 2014

MULTAQA PENDAKWAH NEGARA DAN SERANTAU MABIMS

Malaysia melalui JAKIM telah menganjurkan **Multaqa Dakwah Serantau MABIMS pada 30 Oktober 2014** di Masjid Putra, Putrajaya. Perasmian Multaqa telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebanyak empat (4) kertas kerja telah berjaya dibentangkan oleh Negara anggota MABIMS dalam multaqa pendakwah tersebut yang bertemakan

"**Memperkasa Dakwah, Menyatu Ummah**". Turut berjaya diadakan ialah forum terbuka bertajuk: **Ummah Perkasa, Generasi Gemilang**", pelancaran Portal e-Daie serta penyampaian sumbangan Dakwah kepada NGO Islam dan Palestin.

Program ini telah dihadiri seramai 650 pendakwah dari Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Persatuan dan pertubuhan dakwah di Malaysia, Institusi pendidikan dan pengajian tinggi, pendakwah bebas, para aktivis dakwah, blogger dan orang awam. Multaqa ini turut disertai oleh tujuh (7) orang wakil peserta negara anggota MABIMS iaitu dua (2) orang wakil dari Negara Brunei Darussalam dan Singapura serta tiga (3) orang wakil dari Republik Indonesia.

Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Memasuki Era keruntuhan Tamaddun Dunia Moden: Tanggungjawab Dakwah Semakin Berat" yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Kamal bin Hassan, Profesor Ulong UIAM.







MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-56 TAHUN 1435H/2014M

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-56 Tahun 1435H/2014M telah telah diadakan pada 16 hingga 21 Jun 2014 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah telah berkenan mencemar duli mengurniakan hadiah kepada para pemenang.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Ragad Kurdi Taib, serta YB Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Ahli Jawatankuasa Induk MTHQA Ke-56 Tahun 1435H/2014M.

MTHQA tahun 2014 menyaksikan penyertaan seramai 51 orang peserta bagi Kategori Tilawah iaitu 29 orang peserta lelaki dan 22 orang peserta perempuan. 30 orang peserta pula menyertai Kategori Hafazan iaitu 22 orang peserta lelaki dan 8 orang peserta perempuan. Johan qari dan johan qariah dianugerahkan Hadiah Utama iaitu kepingan emas (gold bar), sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) dengan nilai anggaran RM70,000.00 di samping wang tunai RM40,000.00, sebuah piala iringan, cenderamata dan sijil. Manakala hadiah bagi Johan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa ialah wang tunai

RM20,000.00 sumbangan Kerajaan Malaysia dan RM10,000.00 sumbangan Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (YaPEIM).

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha selaku Pengerusi Jemaah Hakim MTHQA telah mengumumkan keputusan rasmi pemenang pada Majlis Penutupan dan Pengurniaan Hadiah tersebut. Keputusan penuh MTHQA Ke-56 Tahun 1435H/2014M ialah seperti berikut:

A. KATEGORI TILAWAH

Bahagian Lelaki/Qari

Tempat Pertama:
Haji Ahmad Tirmizi Bin Haji Ali (Malaysia)

Tempat Kedua:
Mehmet Bilir (Turki)

Tempat Ketiga:
Ihsan Nuzula Zamri (Indonesia)

Tempat Keempat:
Awangku Muhammad Adibul Amin Pengiran Haji Marjuki (Brunei)

Tempat Kelima:
Valizadeh Khalkhali (Iran)

Bahagian Perempuan/Qariah

Tempat Pertama:
Hanimzah Binti Haji Jalaluddin (Malaysia)

Tempat Kedua:
Rahima Pandoniongan Amerol (Filipina)

Tempat Ketiga:
Siti Huzaimah Yadey Binti Hj Rosli (Brunei)

Tempat Keempat:
Mumi Kanlayanee (Thailand)

Tempat Kelima:
Nurul Huda Binti Khamsani (Singapura)

B. KATEGORI HAFAZAN

Bahagian Lelaki/Hafiz

Tempat Pertama:
Mohd Ersyad Bin Abdullah (Malaysia)

Tempat Kedua:
Abdullah Mohammed Al-Khairy (Arab Saudi)

Tempat Ketiga:
Abdullah Hamad Salim Hamad Abu Sheraidah (Qatar)

Bahagian Perempuan/Hafizah

Tempat Pertama:
Norhaafizah Binti Mohd Shafie (Malaysia)

Tempat Kedua:
Soumaya Chiekh Ali (Tunisia)

Tempat Ketiga:
Ndombor Sene (Senegal)



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



Pengumuman Keputusan oleh YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM selaku Pengerusi Jemaah Hakim MTHQA.



Johan Hafazan Lelaki,
Mohd Ersyad bin Abdullah



Johan Hafazan Perempuan,
Norhaafizah binti Mohd Shafie



Johan Qariah,
Hanimzah binti Mohd Jalaluddin.



Johan Qari,
Haji Ahmad Tirmizi bin Haji Ali



Barisan Jemaah Hakim Majlis Tilawah
dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-56 Tahun 1435H/2014M

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

Sebagai tunjang kepada kelancaran operasi, JAKIM sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan bahawa perancangan jabatan ini dapat berjalan dengan baik melalui khidmat pentadbiran dan pengurusan kewangan yang efisien.

PENGURUSAN ASET KERAJAAN

1. Pengurusan aset amat penting sebagai medium utama dalam perancangan, pemantauan, pengawasan dan penyeliaan pengurusan aset di Jakim ibu pejabat dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ) Jakim yang lain.

2. Pada tahun 2014, Cawangan ini telah berjaya mengendalikan empat (4) bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) dan mengemukakan laporan tahunan ke Perbendaharaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan IPP yang berkuatkuasa pada 3 Julai 2014. Selain itu, Cawangan ini juga telah berjaya menjalankan beberapa program dalam usaha mempertingkatkan kecekapan dan pengetahuan iaitu:

    - Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA) pada 18 hingga 19 Ogos 2014;
    - Bengkel Pengurusan Aset dan Stor pada 27 hingga 30 Oktober 2014 di ILIM, Bangi;
    - Pemeriksaan Aset di Ibu Pejabat dan PTJ pada November – Disember 2014; dan
    - Pemeriksaan Stok dan Pemverifikasi Stor di Ibu Pejabat dan PTJ pada November - Disember 2014.

3. Pada tahun 2014 Cawangan Pengurusan Aset telah menguruskan kelulusan bagi 7 permohonan pelupusan di Ibu Pejabat dan 14 permohonan pelupusan bagi PTJ. Kementerian Kewangan telah meluluskan 2 kes kehilangan dan hapus kira.
4. Cawangan Pengurusan Aset juga telah menghadiri beberapa mesyuarat dengan Jabatan Perdana Menteri mengenai Mock Run 1-3 bagi tujuan Perakaunan Akruan yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.

5. Pemantauan aset juga telah dilaksanakan terhadap PTJ iaitu:

    - Jawi, Kuala Lumpur
    - Jawi, Labuan
    - Jakim, Sabah

6. Cawangan Pengurusan Aset juga memainkan peranan penting dalam memberi khidmat nasihat kepada semua Bahagian dan PTJ mengenai Pengurusan Aset Kerajaan. Selain itu, Cawangan Pengurusan Aset juga telah menghadiri empat (4) mesyuarat JKPAK di JPM dan empat (4) mesyuarat di 12 PTJ di bawah JAKIM.

7. Bahagian Khidmat Pengurusan telah membuat perolehan sebuah kenderaan Toyota Hilux yang telah di tempatkan di Bahagian Khidmat Pengurusan, JAKIM. Perolehan ini dilakukan bagi menampung keperluan pengangkutan untuk program-program JAKIM.

PENTADBIRAN AM

1. Antara program utama pengurusan JAKIM yang telah dilaksanakan ialah mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan, Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perhimpunan Bulanan JAKIM dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Berikut adalah pelaksanaan program peringkat jabatan yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014.

Jadual 1 : Program-Program Yang Dilaksanakan Oleh Pentadbiran Am

PROGRAM	BILANGAN	PENYERTAAN
Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi JAKIM	2	Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Penasihat Undang-Undang dan pengarah Gred Jusa
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM	9	Pengarah-pengarah Bahagian di ibu pejabat JAKIM dan PTJ
Mesyuarat Pagi JAKIM	20	Pengarah-pengarah bahagian di ibu pejabat JAKIM
Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM	10	Warga JAKIM
Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	3	Warga Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

2. Pentadbiran am turut memainkan peranan sebagai penyelaras program utama Sektor Pengurusan Jakim seperti Mesyuarat Pagi Sektor Pengurusan, Majlis Perjumpaan Pengarah Kanan (Pengurusan) Bersama Warga Sektor Pengurusan, program turun padang atau walkabout sektor. Program-program ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa aspek pengurusan JAKIM sentiasa berada di tahap yang terbaik dan mengurangkan teguran audit dan aspek akauntabiliti dipatuhi sepenuhnya.

3. Selain itu, Pentadbiran Am turut terlibat dalam penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan asset-aset milik jabatan dan membuat semakan berkaitan keselamatan jabatan ini secara kerap dan teratur. Tugas rutin ini sentiasa dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti JKR, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, syarikat penyelenggaraan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

4. Bagi memastikan pengurusan kenderaan Jabatan berjalan lancar dan selamat, latihan dan kursus telah diadakan iaitu Bengkel Penyeliaan Kenderaan di Masjid Putra pada 15 April 2014 dan Kursus Pengendalian Pacuan 4 roda (4x4) lanjutan yang telah diadakan di Pusat Latihan Islam Malaysia Cawangan Timur (ILTIM), pada 8 hingga 10 Mei, 2014. Kursus kecemerlangan Pembantu Operasi 2014 di Melaka Tropical Fruit Farm pada 26 -28 November 2014



Kursus Pengendalian Pacuan 4 roda (4x4) lanjutan

5. Pentadbiran Am juga bertanggung jawab dalam memastikan keselamatan Jabatan sentiasa berada ditahap kawalan maksima. Kursus dan latihan diberi kepada pegawai dan kakitangan yang berkaitan untuk meningkatkan lagi kompetensi dalam pengurusan keselamatan Jabatan. Selain daripada itu, lawatan inspektorat daripada Pejabat Ketua Pengawal Keselamatan Kerajaan turut diadakan bagi menilai dan memastikan tatacara keselamatan Jabatan sentiasa dipatuhi. Antara lain program yang telah berlangsung pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Bengkel Pendaftar Rahsia pada 30 September hingga 2 Oktober 2014
- Bengkel Pelupusan Fail di Stor ILIM bersama Bahagian-Bahagian di JAKIM 3 hingga 7 November 2014
- Bengkel Task Force di Stor ILIM bersama Bahagian-Bahagian di Jakim pada 17 hingga 19 November 2014
- Bengkel Task Force di Stor ILIM bersama Bahagian Pengurusan Kewangan di Jakim pada 1 hingga 3 Disember 2014

KOMUNIKASI KORPORAT

1. Seksyen Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Perhubungan Awam – Unit PRO) telah ditubuhkan bertujuan untuk menjadi perantara JAKIM dengan Kementerian / Jabatan lain dan orang luar bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan adil.

2. Pada asalnya fungsi Seksyen Komunikasi Korporat adalah sebagai penghubung antara Kerajaan dengan orang ramai dan mewujudkan satu saluran yang membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan-kesulitan mereka semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan daripada agensi Kerajaan atau pengaduan terhadap sesuatu tindakan pentadbiran Kerajaan yang dirasai tidak adil.

3. Bidang tugas dan tanggungjawab Seksyen Komunikasi Korporat telah dipertingkatkan lagi melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 1992 dan PKPA Bil.1 Tahun 2009 : Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. Pekeliling ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengendalian pengaduan awam agar tindakan-tindakan segera dan lebih berkesan diambil terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang awam.

4. Seksyen Komunikasi Korporat menjadi pusat tumpuan pengaduan awam dan bertanggungjawab bagi melaksanakan sistem pengendalian pengaduan awam dengan fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawab berikut:

   - Menerima aduan-aduan awam mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang tindakan pentadbiran Kerajaan;
   - Menyiasat aduan-aduan awam yang mempunyai asas; dan
   - Melaporkan dan memperakukan hasil siasatan mengenai aduan-aduan itu kepada Mesyuarat Pengurusan setiap bulan

5. Seksyen Komunikasi Korporat telah menyediakan sistem pengendalian pengaduan awam yang cekap dan berkesan dengan ciri-ciri seperti yang berikut:

   a. Semua aduan diselesaikan dengan cepat, tepat, adil dan cermat;
   b. Aduan diuruskan dengan jujur, berkecuali dan identiti pengadu dirahsiakan atas permintaan pengadu); dan
   c. Tindakan pemulihan adalah adil, objektif dan telus.

6. Berikut adalah statistik melibatkan aktiviti rutin pihak Seksyen Komunikasi Korporat JAKIM:

   a. Sidang Media JAKIM
   Sebanyak 55 kali sidang media telah diadakan sepanjang tahun 2014.

   b. Kenyataan Media JAKIM
   Sebanyak 126 kenyataan media telah dikeluarkan sepanjang tahun 2014.

Jadual 2: Berita yang Tersiar di Laman web/ Portal JAKIM sepanjang tahun 2013

Bulan	Bilangan
Januari	11
Februari	20
Mac	24
April	19
Mei	16
Jun	18
Julai	10
Ogos	15
September	14
Oktober	22
November	19
Disember	28
Jumlah	**216**

JAKIM

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519, W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA

03-8886 4000

03-8889 2039

webmaster@islam.gov.my





JAKIM

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519, W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA

03-8886 4000

03-8889 2039

webmaster@islam.gov.my